



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Shah Alam, Khamis 31 Mac 2011

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

YB Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)

(Tuan Speaker)

YAB Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim

PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)

(Dato' Menteri Besar Selangor)

YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

YB Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali

DIMP., SMS. (Gombak Setia)

YB Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

YB Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

YB Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

YB Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

YB Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Cempaka)

YB Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

YB Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

YB Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

YB Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)

(Timbalan Speaker)

YB Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)
YB Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)
YB Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)
YB Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)
YB Tuan Mat Shuhaimi bin Shafie (Seri Muda)
YB Tuan Lee Kim Sin (Kajang)
YB Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)
YB Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)
YB Tuan Yap Lum Chin (Balakong)
YB Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Melawati)
YB Tuan Phillip Tan Choon Swee (Teluk Datuk)
YB Tuan Dr. Mohd. Nasir bin Hashim (Kota Damansara)
YB Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)
YB Tuan Amiruddin bin Shari (Batu Caves)
YB Tuan Edward Lee Poh Lin
YB Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)
YB Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)
YB Puan Lee Ying Ha (Teratai)
YB Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
YB Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
YB Puan Gan Pei Nei (Rawang)
YB Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK. (Sungai Air Tawar)
YB Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK., JBM., (hc). (Sementa)
YB Dato' Hj. Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., SSA. (Sungai Burong)
YB Dato' Amiruddin Setro, DPMS., ASA. (Jeram)

YB Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor

DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

YB Tuan Hasiman bin Sidom, PJK

YB Dato' Haji Warno bin Dogol, DSIS., AMS., SMS., PJK. (Sabak)

YB Dato' Marsum bin Paing, DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

YB Dato' Subahan bin Kamal, DIMP. (Taman Templer)

YB Tuan Abdul Shukur bin Idrus, KMN., SIS., ASBK. (Kuang)

YB Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz. JP., AMS. (Semenyih)

YB Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim, DPSM., AMS. (Batang Kali)

YB Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

YB Tuan Wong Koon Mun, SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

YB Tuan Sulaiman bin Haji Abdul Razak, SMS., PPN. (Permatang)

YB Tuan Ismail bin Sani. SMS., PJK. (Dusun Tua)

YB Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Klang)

TIDAK HADIR

YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

YB Dato' Dr. Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

YB Tuan Dr. Haji Mohamad Khir bin Toyo,
PJK. (Sungai Panjang)
(Bercuti menunaikan Umrah)

YB Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

YB Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

YB Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

YB Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.

Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

YB Dato' Mohd. Arif bin Ab. Rahman, DSIS., SIS., AMS., AMN.

Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Mohamad Yasid bin Bidin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha I

Puan Nurul Haizan bt. Hj. Rais
Penolong Setiausaha III

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Abd. Halim bin Abd. Rahman
BENTARA

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
PENOLONG BENTARA

Cik Noor Syazwani bt. Abdul Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
PELAPOR PERBAHASAN

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN SPEAKER: Dewan disambung semula.

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahirrahmanirahim. Assalammualikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi mesyuarat pertama persidangan penggal keempat Dewan Negeri Selangor Yang Kedua Belas dimulakan dengan Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN: Bacaan Doa.

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat Kedua. Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras. Tak hadir. Sabak

Y.B DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL: Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan No. 34.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HJ. WARNO BIN DOGOL
(SABAK)**

TAJUK: INDUSTRI PADI

34. Peningkatan hasil padi dan pendapatan pesawah adalah salah satu kandungan Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- (a) Apakah sumbangan kerajaan negeri yang signifikan dalam meningkatkan hasil padi negeri?
- (b) Berapakah bilangan pesawah yang telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka berbanding sebelum ini?

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, bagi menjawab soalan daripada Sabak berkaitan dengan sumbangan kerajaan negeri yang signifikan dalam meningkatkan hasil padi negeri Selangor, ingin saya jelaskan di sini apa yang kita sumbangkan pada petani-petani ialah sistem pengurusan penghasilan padi yang lebih berkesan. Contoh sistem ialah seperti 5S, bagaimana syarikat Jepun membersihkan kilang-kilang mereka ataupun ISO standard memastikan kualiti perkhidmatan atau pun pembuatan. Jadi sumbangan kerajaan negeri ialah kita memperkenalkan sistem-sistem yang baik, memastikan bahawa amalan pertanian dilaksanakan. Sumbangan kerajaan negeri juga dalam bentuk kewangan melalui program peningkatan hasil padi negeri Selangor di mana melalui program ini kerajaan negeri telah memperuntukkan sebanyak RM3,013,302.00 pada tahun 2009 dan RM4,930,000.00 pada tahun 2010 dan RM3,050,000 pada tahun 2011 bagi projek meningkatkan hasil padi kawasan pakej rangsangan ekonomi negeri Selangor 2009 – 2013.

Matlamat ditetapkan ialah:-

- Projek perintis akan menjadi kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha untuk mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan perhektar semusim kepada 7.5 tan perhektar semusim dan jangkauan pendapatan petani ialah sekitar melebihi RM1,500.00
- Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah melebihi RM1,500.00.

Dalam usaha meningkatkan hasil padi Jabatan Pertanian Negeri Selangor telah menyediakan model peningkatan hasil padi sebagai rujukan pegawai dan pesawah di mana model ini turut merangkumi 10 faktor utama meningkatkan hasil padi yang mesti dipatuhi oleh bagi mencapai hasil disasarkan yang kita kenalkan ialah *rice check*. Faktor-faktornya ialah seperti berikut:-

10 faktor yang saya nyatakan seperti berikut yang pertama:-

- Batas dan parit dalam sawah
- Batas, parit dan tali air mesti berada dalam keadaan bersih
- Pembinaan parit dalam sawah
- *Infield*
- Untuk mempercepatkan air keluar masuk
- Alat kawalan air berfungsi dengan baik

Faktor Kedua, kesesuaian tanah. Tanah dengan PH 5.5 atau .5 dan CEC kadar pertukaran kaiton adalah melebihi 20 cml kilo tanah. Bagi benih yang sah. Pemegang benih padi yang telah disahkan dan bebas dari padi angin. Yang keempat, weldi padi menggunakan biji benih yang berkualiti daripada kualiti yang baik. Percambahan lebih benih mestilah melebihi 80%. Yang Kelima, penyediaan tanah, tanah perlu rata di mana aktiviti perataan dan pembajaan tanah yang sempurna mesti dilaksanakan. Tanah mesti bersih daripada tunggul jerami, anak padi liar dan lain-lain patogen. Keratan dan ketulan tanah mestilah lebih kurang 5cm. Yang keenam, pengurusan air. Infrastruktur sawah seperti palong dan pintu berada dalam keadaan baik dan terus dan terurus. Bekalan air perlu dipastikan mencukupi dan boleh dibekalkan apabila perlu yakini semasa menanam dan boleh dikeringkan melalui parit buang apabila tidak diperlukan lagi semasa menuai dengan cepat dan tepat. Liputan air mestilah seragam dalam sawah iaitu antara 5 – 10 cm. Air mesti dikeringkan 2 minggu sebelum menuai. Yang ketujuh, penambakan tanaman, jarak penanaman dan jumlah liputan tanaman awal akan menentukan potensi hasil padi. Aktiviti pengiraan anak padi mesti dilaksanakan untuk memastikan terdapat sekurang-kurangnya 400 anak benih padi permeter dalam minggu pertama selepas menabur benih. Hah! Ini penting bagi memastikan jumlah pokok yang cukup dalam kawasan sawah padi. Yang kelapan, kawalan perosak penyakit dan rumpai. Meminimumkan kerosakan dengan melakukan pemantauan sawah, kawalan serangga perosak, penyakit atau rumpai mestilah menggunakan racun yang sesuai pada kadar yang betul dan pada masa yang tepat. Kehadiran projek angin perlu dikawal dengan melakukan penangkaian secara manual. Yang kesembilan, pembajaan. Jenis baja yang menepati spesifikasi lokasi khusus berdasarkan nisbah dan kadar yang disyorkan perlu diberikan pada masa yang ditetapkan dan amat penting dipatuhi oleh petani. Nisbah baja yang akan digunakan adalah berdasarkan tahap pertumbuhan kritikal tanaman. Yang pertama, 15 hari selepas ditanam untuk membanyakkan dia punya filless. 35 hari selepas tanaman, untuk merangsang tumbesaran, 55 hari selepas tanam untuk membentuk tangkai dan membanyakkan biji padi dan yang akhir pada 70 hari selepas tanam bagi tujuan padat dan beratkan isi padi. Yang kesepuluh, penuaian. Indeks penuaian adalah 85% masak. Sawah mestilah dalam keadaan cukup kering dan penuaian mesti dimulakan pada

jam 10.00 pagi. Musim menuai mestilah dalam keadaan yang baik. Kelajuan mesin semasa menuai adalah 4 kilometer sejam dan tumpahan padi mesti dilepaskan kurang daripada 1,000 biji padi meter persegi. Ini... pematuhan-pematuhan ini penting bagi memastikan petani mendapat hasil sekurang-kurangnya 75 tan perhektar.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, jawapan tu adakah jawapan tu soalan kepada soalan sebab soalan ni kata sumbangan. Apakah sumbangan kerajaan negeri yang signifikan dalam meningkatkan hasil padi kemudian berapakah bilangan pesawah yang telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka berbanding sebelum ini? Jadi dengar macam kursus, bagaimana untuk meningkatkan produktiviti...

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, daripada awal saya sebutkan..

TUAN SPEAKER: Nanti dulu.... saya belum habis cakap. Ini saya dengar dah 5 minit, macam kursus untuk petani aje. Saya minta kalau boleh terus pada soalan.

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Saya nak jelaskan, apa yang kita sumbangkan pada petani ialah standard yang mesti dipatuhi. Saya mulakan tadi dengan 5S contohnya, jadi standard 10 perkara ini adalah standard yang perlu dipatuhi. Itu sumbangan kerajaan negeri memastikan petani mematuhi standard itu. Sebab itu saya jelaskan tadi. Dia tidak hanya sumbangan kewangan sebab Kerajaan Persekutuan hanya memberi sumbangan dari segi subsidi tidak memberi sistem yang Kerajaan Negeri beri ialah sistem bagaimana menguruskan penanaman padi dan ternyata ia tercapai.

Bagi soalan kedua, melalui program peningkatan hasil padi pada musim 2/2009 daripada 2408 orang pesawah yang terlibat dalam program meningkatkan hasil padi didapati peratus bilangan pesawah yang mendapat antara RM1,000.00 – RM1,500.00 ialah 55% iaitu 1312 orang pesawah dan pendapatan yang melebihi RM1,500.00 ialah 16% iaitu 385. Manakala pada musim 1/2010, tambahan seramai 857 orang pesawah telah meningkatkan pendapatan mereka. Di mana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1,000.00 ke RM1,500.00 adalah 752 pesawah dan yang mendapat pendapatan melebihi RM1,500.00 ialah 105 pesawah.

Tuan Speaker, malangnya musim kedua tahun lalu, bila mana Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pertanian memperkenalkan monopoli pembekalan benih padi, didapati benih padi yang dibekalkan mengandungi peratus padi angin yang tinggi maka hasil untuk tahun lalu agak menurun. Saya difahamkan untuk musim pertama tahun ini, meningkat bila mana petani-petani memberi, membeli benih padi di luar daripada benih padi yang disediakan oleh negeri Selangor. Terima kasih.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Sabak.

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Sebenarnya saya tak puas hati dengan jawapan yang tentang soalan saya yang pertama. Sebenarnya saya bertanyakan apakah bentuk bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Negeri. Sebenarnya jawapan tadi mengenai seperti mana yang diperlukan oleh Tuan Speaker tadi, itu dasar Kerajaan Negeri jadi saya ingin jawapan khusus mengenai apakah bentuk bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan negeri kepada petani-petani sebagai contoh, kalau disebut tadi mengenai batas dan parit, oleh kerana

khususnya di Sungai Besar, keadaan kekurangan air ni setiap tahun berlaku. Ini yang mengakibatkan kekurangan pendapatan. Daripada dulu sehingga kini tak ada tindakan yang mana terpaksa petani-petani di Sungai Besar ni menyewa mesin padi semata-mata untuk menaikkan air ke kawasan padi dan ini melibatkan kos khususnya bagi petani-petani so apakah sumbangan Kerajaan negeri untuk membantu kes-kes yang sedemikian. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Saya juga mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, bila menggubalkan soalan, gubal dengan cara yang lebih profesional, jelas. Di sini.. disebut sini, apakah sumbangan kerajaan tak kata sumbangan dalam bentuk bantuan kalau nak tahu dalam bentuk bantuan sebut dalam bentuk bantuan supaya EXCO tak keliru. Sekarang ni semua keliru pula. Tak apa. Sila teruskan.

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya sebutkan tadi, sumbangan tak mesti dalam bentuk kewangan. Memang Kerajaan negeri sediakan kewangan RM3 juta, RM4 juta, RM3 juta itu adalah sumbangan tapi yang kita bagi adalah teknologi. Bagaimana meningkatkan hasil padi. Berkaitan dengan kawasan Sg. Leman, Sabak memang ada masalah air tapi melalui JPS telah membekalkan generator genset untuk pam air masuk ke dalam air tapi untuk jangka masa panjang seandainya dam yang dibina itu siap saya kira bekalan air cukup untuk kawasan Sabak dan ini boleh membantu petani-petani di kawasan Sabak.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Speaker, soalan tambahan. Yang Berhormat EXCO Pertanian, saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat tentang bagaimana kita nak meningkatkan ya hasil padi daripada terus bergantung kepada import daripada luar negeri seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang peratus isu padi benih, peratus padi angin yang tinggi, bagaimana cara penyelesaian satu, yang kedua apakah status loji pemprosesan Sg. Burung yang satu ketika dulu dihentikan. Apakah status terkini. Terima kasih.

YB TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Yang Berhormat Sekinchan, berkaitan dengan loji pemprosesan benih padi Sg. Burung yang dulu dikendalikan oleh Jabatan Pertanian, Kementerian telah menyerahkan kepada MADA, Lembaga Kemajuan Pertanian MADA pada tahun 26 Januari 2010. Tetapi malangnya pemprosesan ini telah diserahkan kepada syarikat swasta yang mana Sekinchan telah bangkitkan dalam Dewan yang lalu. Yang mana syarikat ini telah monopoli pembekal benih padi di kawasan Selangor ini dan akibatnya padi angin telah meningkat dengan banyaknya dan musim yang lalu petani-petani mengambil inisiatif sendiri membeli benih padi dari luar. Untuk musim ini petani telah membeli juga benih daripada luar yang dikeluarkan di seberang Perak untuk benih padi yang tahan padi angin. Jadi mungkin untuk musim kali ini hasilnya lebih tinggi.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek.....

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN YAP EE WAH
(SG. PELEK)**

TAJUK : SEWAAN TAPAK PASAR MALAM. PASAR PAGI DAN PASAR TANI

35. Para penjaja sering membuat aduan berkenaan kenaikan kadar sewa tapak di Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani.

Bertanya kepada YAB. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah semua PBT di Negeri Selangor menyelaraskan kadar sewa ?
- b) Adakah kadar sewa itu membebankan para penjaja ?
- c) Jika tidak, kenapa para penjaja sering membuat aduan dalam media bercetak ?

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, soalan Sg. Pelek adalah mengenai sewaan tapak Pasar Malam, Pasar Pagi dan Pasar Tani. Tuan Speaker, sebelum ini kadar sewaan tapak pasar malam, pagi dan pasar tani adalah berbeza-beza mengikut PBT. Bagi memudahkan pemantauan dan penyelarasan Kerajaan Negeri telah mengambil keputusan untuk menyeragamkan sewaan tapak di seluruh Selangor sebanyak RM4.00 satu tapak. Oleh yang demikian, wujud penurunan sewa tapak di setengah kawasan. Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan kajian dan didapati RM 4.00 adalah kadar yang paling minimum yang boleh dikenakan kerana ia merangkumi pembersihan, pelupusan sampah, penyelenggaraan tapak-tapak serta kos pengurusan seperti bayaran kerja lebih masa anggota pengawas tapak, anggota penguatkuasa dan kakitangan jabatan yang terlibat dengan urusan pasar. PBT Selangor sedang menyelaraskan kadar secara berperingkat agar ia tidak membebankan para penjaja.

Tuan Speaker, Kadar RM4.00 adalah tidak membebankan. Kadar tersebut pada hakikatnya tidak mencukupi jika dibandingkan dengan kos penyelenggaraan tapak terutamanya dari aspek kos pembersihan. PBT hanya mengenakan caj yang paling minimum bagi membantu para penjaja. Sekiranya para penjaja dapat menyatakan dengan jelas bahawa hasil keuntungan mereka adalah amat kecil sehingga tidak mampu untuk membayar sewa tapak sebanyak RM4.00, maka pihak PBT bersedia untuk mempertimbangkan pengurangan. Hanya segelintir penjaja yang sering membuat aduan dalam media cetak. Ini kerana terdapat sesetengah PBT yang mengenakan kadar sewa lebih rendah sebelum penyelarasan dilaksanakan. Oleh yang demikian apabila kadar sewa diselaraskan mereka merasa terbeban dengan kenaikan yang terpaksa ditanggung. Seperti mana yang saya nyatakan sebelum ini sekiranya para penjaja dapat membuktikan bahawa hasil keuntungan mereka adalah amat sedikit sehingga mereka tidak mampu untuk membayar sewa tapak, PBT boleh mempertimbangkan pengurangan. Itu saja, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Sg. Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tn. Speaker. Saya difahamkan oleh peniaga pasar malam, pasar tani dan pasar pagi bahawa mereka sewa tapak satu tapak untuk menjalankan peniaga mereka tak cukup dan kebanyakan peniaga diberi dua, tiga atau empat atau lima petak untuk menjalankan perniagaan mereka. Kalau, sekiranya satu peniaga atau penjaja pasar malam dibagi tiga atau empat maksudnya beliau kena bayar RM12, RM16 hanya untuk dua

jam. Dan petak sewa pasar malam itu satu petak itu memang tidak mencukupi. Dan ini selalu dibuat aduan daripada penjaja kepada saya. Jadi ada tak pihak PBT hadkan petak yang disewa dan ada tak PBT ingin membesarkan petak yang peniaga untuk sewa. Terima kasih.

YBTUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, apa yang dikatakan tadi adalah memang benar. Memang ada penjaja-penjaja khasnya seperti mereka yang menjual kain itu memang satu petak itu tidak cukup. Tetapi walau bagaimanapun kita rasa RM4.00 sepetak memang adalah satu kadar yang berpatutan yang orang kata "*reasonable*". Jadi pada masa ini kita tidak mencadanglah untuk menurunkan "*fee*" satu petak.....satu petak. Bagaimanapun kerajaan negeri telah mengambil keputusan bahawa kita telah memulakan pengutipan bayaran tiap-tiap hari. Maksudnya pada hari yang mereka tidak berniaga, penjaja tidak perlu membayar sewa. Itu cara kerajaan...itu satu cara yang...yang kita ambil untuk memberi bantuanlah kepada penjaja. Jadi kita akan buat kajian dari masa ke semasa tetapi memanglah RM4.00 sepetak pada hari ini memang tidak mencukupilah kalau kita masukkan semua kos untuk pengurusannya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Tuan Speaker, soalan No.36

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM
(KOTA DAMANSARA)**

TAJUK : POLISI JELAS UNTUK ORANG ASLI SELANGOR

36. Pendirian Kerajaan Negeri menghormati tanah adat Orang Asli adalah membanggakan. Kerajaan Negeri juga ada berusaha untuk mengenal pasti komuniti Orang Asli di sekitar Selangor '*mapping*'.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah perancangan lanjutan selepas usaha mengenal pasti '*mapping*' itu dijalankan?
- b) Apakah polisi keseluruhan Kerajaan Negeri untuk Orang Asli di Selangor ?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, "*Mapping*" atau "*komuniti Mapping*" atau dalam Bahasa Melayu "pemetaan komuniti" merupakan satu strategi untuk mengenal pasti lokasi dan kawasan kepentingan bagi masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor yang kebanyakannya tidak diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Barisan Nasional terdahulu sebelum kerajaan negeri Pakatan Rakyat mengambil alih pada tahun 2008. Pemetaan atau pengukuran tanah yang dijalankan oleh kerajaan dahulu mengecualikan sama ada sengaja atau tidak kawasan tradisi Orang Asli. Sehingga Orang Asli dituduh duduk di atas tanah orang lain sebagai setingan tanpa izin. Maka Pemetaan Komuniti yang dijalankan sekarang adalah inisiatif Kerajaan Negeri untuk memasukkan kawasan kepentingan Orang Asli dalam Pelan Pentadbiran Kerajaan. Yang pentingnya bukanlah peta kerana peta hanya satu medium tetapi yang paling penting yang utamanya adalah pengiktirafan hak Orang Asli...tanah Orang Asli. Tindakan susulan pelaksanaan projek pemetaan adalah:

- 1) Pewartaan dengan izin "*gazettement*" :-

Kerajaan Negeri sedang membuat persediaan untuk mewartakan kawasan Tanah Adat Orang Asli sebagai rizab orang Asli di bawah Akta Orang Asli, Akta 1324 ataupun bentuk rizab lain dan memberi jaminan kepada Orang Asli bahawa hak mereka terhadap Tanah Adat diberi pengiktirafan penuh oleh Kerajaan ini. Maka Orang Asli tidak perlu hidup dalam kerisauan di mana tanah akan diberi milik kepada syarikat atau individu lain dengan sewenang-wenangnya tanpa pengetahuan atau persetujuan mereka. Dengan sukacitanya dimaklumkan di sini pada Dewan dan ahli-ahli YB Projek Pemetaan Komuniti walaupun masih di peringkat awal telah pun berhasil dalam membantu kita menyelesaikan beberapa kes konflik tanah di Daerah Sepang. Dalam kes ini Pentadbir Tanah telah memberi dan mengambil kira fakta yang ditunjukkan dalam Peta Komuniti sebagai salah satu bahan rujukan dalam membuat keputusan. Akhirnya Kerajaan Negeri telah menolak...eerr....maaf.....telah membatalkan keputusan pemberimilikan tanah kepada syarikat-syarikat swasta untuk tujuan projek pembangunan bercampur di atas Tanah Adat Orang Asli. Dan jumlah tanah yang dibatalkan baru-baru ini adalah lebih kurang 296 ekar. Untuk makluman, konflik tanah antara Orang Asli dengan syarikat ataupun individu lain tidak patut dilihat sebagai kes-kes individu malah ia dinampak sebagai satu corak yang berulang. Sebagai sebuah kerajaan yang diamanahkan oleh rakyat termasuk golongan Orang Asli, langkah seterusnya yang kita akan ambil adalah untuk mempergiatkan lagi usaha pemetaan kawasan Orang Asli di Selangor dan dengan tambahan “*staff*” yang kita ada kerana pada masa ini kita hanya dua tiga “*staff*” Orang Asli yang buat pemetaan. Dan ini adalah satu gerak kerja yang amat intensif dan mengambil masa yang agak lama. Jadi kita juga perlu menambah lagi “*staff*”. Dan apabila kita dapat peta itu kita akan terus membuat presentasi kepada Exco MTES dan dengan itu mewartakan rizab Orang Asli.

Soalan mengenai Dasar Kerajaan Negeri secara keseluruhannya. Dasar Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat adalah untuk meningkatkan kesejahteraan hidup Orang Asli dan dengan kata lain apa yang ingin kita lihat adalah Orang Asli dapat menikmati hasil pembangunan Negara dan juga Negeri seperti semua warga Negara Malaysia yang lain. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sampai hari ini ada beberapa kampung Orang Asli yang tidak bekalan elektrik, ada beberapa kampung Orang Asli yang tidak ada air. Jalannya sampai hari ini belum diturap. Anak mereka juga tidak mampu dihantar ke sekolah. Penyakit yang mereka hadapi susah dirawat kecuali kalau ada doktor yang melawati kampung mereka. Dan apa kita ingin dilihat adalah Orang Asli yang lebih yakin dan bermaruah. Jadi dasar-dasar Kerajaan Negeri terhadap masyarakat Orang Asli adalah berpandu, berpandukan tiga landasan utama:

- 1) Menjamin keselamatan
- 2) Mencipta peluang
- 3) Memperkasakan Orang Asli

Pertamanya, keselamatan ataupun, dengan izin “*Human Security*”. Kerajaan berusaha menjamin Tanah Adat atau Tanah Saka Orang Asli akan diberi pengiktirafan sepenuhnya diwartakan sebagai rizab dan tidak disasarkan sebagai tapak projek swasta yang hanya memanfaatkan segelintir daripada masyarakat.

Kedua, Mencipta Peluang, pilihan hidup dan peluang orang asli sangat terhad. Saya ingin memberi satu contoh, seorang pemuda orang asli yang bernama Anam hanya bersekolah sampai Tingkatan 2, ada penyakit di bahagian kaki dan bekerja sebagai Pemotong Rumput di Putrajaya yang gajinya tidak lebih berbanding dengan rakan sekerjanya yang berbangsa Indonesia. Bertani dia atas tanah kampung adalah mustahil tanah di kampung semakin kurang dan itu pun dikatakan mencero bohi kawasan tanah kerajaan.

Seorang seperti Anam perlu ada peluang hidup yang lebih terbuka dan saya yakin dengan beberapa skim-skim dan juga program yang dilancarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor seperti, skim Mikro kredit, MIMBAR dan SkimSel. Kehidupan orang asli akan bertambah baik mereka juga akan diberi latihan vokasional dan kita juga akan menolong mereka mencari 'bisnes' ataupun pendapatan 'alternatif' pada mereka.

Ketiga, Memperkasakan Orang Asli, dengan izin '*Empowerment*' dan saya ingin tekan '*Empowerment*' melalui pendidikan. Yang, apa yang kita telah buat adalah satu, sekarang kita sedang mengkaji satu sistem ataupun atau kurikulum khas untuk orang asli, ada kebanyakan orang asli mengadu bahawa pendidikan yang mereka dapat dari sekolah-sekolah kebangsaan adalah tidak kurang memuaskan dan oleh sebab itu kebanyakan mereka dengan izin '*drop out*' sangat awal, ada yang sampai er... tingkatan satu, dua ataupun tingkatan tiga.

Tidak banyak orang yang dengan izin '*continue their further education*'. Jadi '*empowerment*' melalui pendidikan adalah satu isu yang kita memang prihatin walaupun ini bukan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi kita ingin melihat satu kurikulum di mana kita boleh memperkenalkan kurikulum khas yang berlandas ataupun berdasar budaya sejarah orang asli boleh diperkenalkan di beberapa sekolah di mana ada banyak murid-murid orang asli. Dan yang lebih penting lagi melalui pemupukan cara hidup yang lebih berdikari berdiri di atas kaki tanpa kawalan oleh pihak berkuasa lain termasuk Jabatan Hal Ehwal Orang Asli yang sekarang ditukar nama kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli.

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Kota Damansara

YB TUAN DR. MOHD NASIR BIN HASHIM : Kota Damansara tidak berapa jelas, bagaimana dengan penglibatan kerajaan Negeri dalam pemasaran hasil kraf tangan orang asli.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Pada masa ini, kita ada satu program di mana kita tolong memasarkan kraf tangan Orang Asli dan kalau kita nak dengan izin '*pin point*' kepada di mana lokasi ataupun '*specialty*' kraf tangan Orang Asli adalah di Pulau Carey di kalangan Orang Asli Mahmeri. Jadi di kawasan itu memang ada pemasaran ataupun dengan izin '*marketing*' yang sangat intensif yang dijalankan bukan sahaja oleh 'Tourism Selangor' ataupun Kerajaan Negeri Selangor tetapi juga disokong oleh Kerajaan Negeri Persekutuan dan juga 'Tourism Malaysia'. Dari situ kita tolong memasarkan kita pun ada beberapa program di mana kita sekarang sedang memberi latihan kemahiran kepada orang asli di Negeri Selangor untuk mengambil semula kemahiran yang kebanyakan mereka sudah hilang, bukan semua orang asli di Negeri Selangor ada '*skill*' ataupun kemahiran untuk membuat kraf tangan.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih, Tuan Speaker. Kajang memang bersetuju dan menyambut baik pelancaran untuk mengadakan kurikulum khas untuk orang asal ataupun orang asli, hanya masalahnya bagaimana ia dilaksanakan kerana ia memang di bawah Kementerian Pendidikan dan adakah kerajaan negeri memang ada rancangan untuk mengadakan pendidikan yang alternatif seperti '*home education*' dengan izin ya, ataupun '*community education*' yang ada di situ dengan ruang yang khas bermaksud tidak perlu pergi ke sekolah yang biasa tetapi mengadakan program berasingan, yang mengambil alih pendidikan

formal. Jadi kalau begini ya memang ada cabaran yang besar dan juga perlukan rancangan yang rapi dan Kajang ingin tahu bagaimana, ianya dilaksanakan. Sekian. Terima kasih.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Kajang, setakat ini cadangan bukan untuk mengambil murid-murid Orang Asli keluar dari sekolah ataupun sistem pendidikan formal, untuk kita mendrafkan satu kurikulum khas untuk pendidikan orang asli yang berdasarkan kebudayaan sejarah dan sebagainya adalah sebagai 'alternatif' untuk sekolah-sekolah yang ada murid-murid orang asli, pelajar-pelajar orang asli untuk mereka untuk menggunakannya, jadi untuk menghasilkan satu kurikulum khas orang asli adalah satu tanggungjawab yang amat besar dan setakat ini kita memang tidak ada rancangan untuk ada '*home schooling*' ataupun 'Sekolah Masyarakat' walaupun itu boleh dipertimbangkan kerana akhirnya kalau kita menjalankan satu ataupun adakan satu pendidikan khas ataupun 'alternatif' untuk pelajar-pelajar orang asli mereka ataupun sekolah tersebut juga perlu menepati syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian Pelajaran supaya mereka akhirnya boleh lulus peperiksaan yang mereka perlu luluslah, sebagai '*like all other students*'.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER : Dusun Tua

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Terima kasih, Tuan Speaker. Saya tadi mendengar bahawa Yang Berhormat EXCO mengatakan bahawa seolah-olah anak-anak orang asli yang hadir ke Sekolah Kebangsaan ini menerima sesuatu pendidikan yang tidak begitu sesuai untuk mereka. Saya tak bersetuju dengan pandangan EXCO ini kerana kalau di tempat saya sudah ada anak Orang Asli menjadi Doktor, dah ada menjadi '*Engineer*' dan diberitahu tadi bahawa '*drop up*' banyak berlaku di kalangan orang asli, jadi yang sebenarnya apa yang berlaku mereka ini berhadapan dengan masalah kurang hadir ke sekolah, jadi yang ini sebenarnya yang patut kita '*take out*' dengan izin. Jadi sebab itulah di kawasan saya sendiri pihak Kementerian dan juga Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bersama-sama menganjurkan motivasi untuk Tok Batin dan juga murid-murid sekolah ini dan bukan untuk mengalihkan mereka ke satu kurikulum yang berbeza sepertimana yang ada sekarang ini. Jadi saya rasa peranan Kementerian Pelajaran sudah cukup baik dalam menangani masalah orang asli ini dan saya tak bersetuju juga bila disebutkan tadi seolah-olah anak orang asli tak boleh pergi sekolah. Jadi Kementerian sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat EXCO, kalau Yang Berhormat EXCO tak faham ataupun tidak ada maklumat mereka tambang percuma pergi ke sekolah dijemput sampai ke kampung mereka untuk hadir ke sekolah. Jadi saya rasa saya sangkal apa juga kenyataan yang diberi oleh Yang Berhormat EXCO sebentar tadi, bagi pihaknya Kementerian jadi dalam masa yang sama saya juga nak tanya soalan tambahan saya, setelah tiga tahun Kerajaan Pakatan Rakyat ini menjadi kerajaan, apakah agaknya program untuk membantu pendidikan anak-anak orang asli dan yang keduanya saya dengar tadi tentang vokasional dan peluang perniagaan, apa dia dan contohnya, tolong berikan di dewan ini yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri. Terima kasih, Tuan Speaker.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Dusun Tua, seperti yang saya telah maklum kepada Kajang bukan matlamat kita untuk mengganti pendidikan formal tetapi mengeluarkan satu kurikulum khas dan 'alternatif' untuk mengajar pelajar-pelajar orang asli tentang budaya mereka tentang sejarah mereka dan sebagainya, dan ini sebenarnya adalah satu permintaan yang dipohon oleh Batin-batin dan juga JKKK, orang-orang tua di kampung-kampung orang asli, mereka yang menyatakan bahawa anak-anak mereka, anak muda mereka tidak ada minat untuk pergi ke sekolah. Mereka rasa bosan dan orang-orang tua, orang '*elders*' dari kampung-kampung mereka, mereka inginkan anak-anak muda mereka untuk belajar

sejarah mereka, budaya mereka, mengapa mereka tidak ada mereka mengapa mereka seperti di '*given different treatment*' kalau orang Melayu, orang Cina, orang India di negara ini mereka juga diberi peluang untuk belajar bahasa mereka ada juga diberi peluang untuk ada sekolah mereka dan juga belajar dan mengenal budaya dan sejarah mereka. Saya rasa tidak salah, ini bukan satu kurikulum untuk ganti, kita bukan setakat ini kita bukan mengesyorkan buat sekolah khas tetapi kita mengeluarkan satu kurikulum, ini adalah niat untuk mengeluarkan satu kurikulum khas untuk memberi kepada sekolah-sekolah, Guru-guru Besar supaya mereka boleh ya, mengambil perhatian pelajar-pelajar orang asli untuk duduk di sekolah tinggal di sekolah belajar di sekolah pergi ke sekolah. Jadi Dusun Tua jangan salah sangka

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Mohon penjelasan, Tuan Speaker

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Saya belum habis soalan saya, jawapan saya....

TUAN SPEAKER : Biar dia habis dulu, tapi Yang Berhormat EXCO tolong ringkaskanlah ya, jangan kita cakap cara ceramah, ulang-ulang satu '*point*' ya, '*straight to the point, please*' .

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Keduanya, peluang yang kita ada di Kerajaan Negeri Selangor sekarang kita ada Mikro kredit, Mikro kredit ada untuk kawasan bandar iaitu MIMBAR dipanggil MIMBAR, ada di kawasan luar bandar SkimSel. Jadi orang asli diberi peluang untuk mendapat Mikro kredit secara sah dan mereka juga ada diberi latihan untuk membuat 'bisnes'.

Ketiganya, kita seperti yang saya telah jawab kepada Kota Damansara, sekarang kita ada memasarkan produk-produk mereka bukan sahaja di negeri ini termasuk di luar negara dan beberapa '*souvenir-souvenir*' yang kita ada di bawah '*Tourism Selangor*' dan juga Kerajaan Negeri Selangor kita mengambil '*you know we take their product especially*' kerana kita bangga tentang budaya dan juga kraf tangan orang Asli.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Tuan Speaker, mohon penjelasan tadi. Saya kurang faham Yang Berhormat EXCO mengatakan bahawa beliau mencadangkan kurikulum untuk orang asli, untuk di bawa ke sekolah-sekolah dan dibawa kepada Guru-guru Besar Sekolah-sekolah, maksudnya Sekolah Kebangsaan sedia ada, jadi saya tak faham ini bukan urusan Kerajaan Negeri ya, saya tak nampak saya nak tanya ni apa Kerajaan Negeri nak buat dengan pendidikan anak-anak orang asli ini dalam tempoh tiga tahun dah menjadi kerajaan ini seperti mana yang dibentangkan tadi seolah-olah dah banyak perkara di buat . Jadi ini persoalan saya, kalau nak cadangkan kurikulum kepada Kementerian ini bukan di sini, ini boleh dibuat di Parlimen. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat EXCO menjawab saya dengan tepat, sebab saya rasa tadi dia berkata tadi seolah-olah Kerajaan Negeri dah buat benda ini, tetapi tak buat apa pun sebenarnya dan dalam masa yang sama cakap fasal Mikro kredit, berapa orang, orang asli dah ambil ini dan gunakan benda ini, kalau nak disebut fasal pinjaman Kerajaan Persekutuan macam-macam ada pinjaman. Jadi berapa orang sebenarnya dan apa peluang perniagaan dan apakah bantuan yang dah kita berikan kepada orang asli ini. Kalau kita dah ajar mereka di sudut kemahiran dan sebagainya beritahu saya berapa jumlahnya, ini soalan saya tadi. Terima kasih. Tuan Speaker.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Dusun Tua, SkimSel hanya dilancarkan akhir bulan Februari, sekarang akhir bulan Mac, jadi memang mereka ada peluang untuk mengambil

mikro kredit tersebut dan di bawah EXCO yang juga program SkimSel dia juga, maaf Yang Berhormat juga ada program untuk mengambil orang asli apa *to give them opportunity* untuk mendapat mikrokredit tersebut. Kita baru lancar beberapa minggu sahaja. Keduanya balik kepada soalan mengapa kerajaan Negeri Selangor mengambil tanggungjawab tersebut. Untuk makluman Ahli-ahli Berhormat di dewan ini, sepatutnya Kerajaan Negeri Selangor tidak sepatutnya menjaga memberi *electricity* kepada mereka, membekal air bersih kepada mereka, menurap jalan untuk mereka ini semua di bawah Jabatan Kemajuan Orang Asli. Ini juga di bawah kementerian. Mengapa Kerajaan Negeri Selangor sekarang nak buat begitu. Kerana kementerian dan juga Jabatan mereka tak buat. Itulah. Mengapa kita ada.

YB TUAN ISMAIL BIN SANI : Saya tak setuju dengan apa jawapannya ya. Orang asli ini juga rakyat negeri Selangor juga. Kenapa pula orang asli ini perlu.

TUAN SPEAKER : Nanti-nanti. Yang Berhormat, Yang Berhormat, bila speaker cakap duduk dululah. Sekarang ini waktu menjawab. Bukan waktu menggulung. Jangan celah macam ini. Waktu pertanyaan tunggu jawapan. Puas hati tak puas hati soal lain. Kalau tak puas hati nanti boleh bawa lagi dalam perbahasan yang lain. Bukan cara ini. Ya. Sila.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Secara ringkasnya kerana kerajaan sebelum ini tidak buat kerana kerajaan Persekutuan dan juga jabatan-jabatan yang berkaitan tidak buat kerja yang sepatut mereka buat, jadi kita masuk untuk menolong komuniti orang asli.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Seri Setia.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Saya nak bertanya kepada EXCO bagaimana pendekatan kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat berbeza dengan kerajaan yang lama dalam kes tanggungan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Seri Setia. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, kes tanggungan adalah satu kes tanah di mana kerajaan negeri sebelum ini di bawah Barisan Nasional telah mengambil kes ini ke mahkamah kerana mereka enggan mengiktirafkan tanah adat orang asli sebagai tanah mereka dan dua, enggan membayar pampasan kepada mereka. Apabila kita masuk bulan April kita ada perjumpaan yang pertama dengan YAB Menteri Besar dan masa itu kita mengambil masa untuk meneliti kes itu kita mendengar apa rintihan hati dari orang asli dan juga NGO-NGO tersebut akhirnya kita mengambil keputusan untuk keluar dari kes itu. Jadi hari ini maksudnya yang penting bukan duit, saya tahu ada berita yang katakan mereka menjadi jutawan dan sebagainya. Itu tidak penting. Yang penting adalah akhirnya Kerajaan Negeri Selangor di bawah Pakatan Rakyat mengiktirafkan hak tanah adat orang asli di Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER : Kota Damansara.

TUAN SPEAKER : Tak ada.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan dari Bangi nombor 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK : JALAN MRT SG. BULOH – KAJANG

38. Jalan MRT akan dibina antara Sungai Buloh ke Kajang.

Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Sejauh manakah kerjasama diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor terhadap projek Kerajaan Persekutuan ini?
- b) Berapakah jumlah kewangan yang terlibat dengan pengambilan tanah milik negeri dan individu?
- c) Apakah kemudahan-kemudahan yang akan dinikmati pengguna perkhidmatan jalan MRT berkenaan?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat dari Bangi. Mengenai jalan ataupun jalan ataupun MRT Sungai Buloh ke Kajang. Bukan jalan ni ya. Sehingga ini taklimat mengenai proses memetakan tempat-tempat untuk jalan ataupun stesen-stesen MRT telah mula di keluarkan dan perbincangan saya rasa sudah bermula dan kerajaan negeri juga turut campur dalam usaha untuk mendengar dan juga mencari jalan bagaimana penyelesaian untuk jalan-jalan atau tempat-tempat yang perlu sama ada diubah atau pun dicari aliran yang lain kerana ini mungkin tidak sesuai kepada keadaan semasa. Jadi oleh sebab itulah kerajaan negeri bersama-sama dalam usaha ini sebab pendapat kerajaan negeri MRT ialah satu lagi proses untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan-jalan atau pun pengangkutan di Lembah Klang. Jadi ini satu daripada usaha dan sudah tentu seperti yang saya katakan di berapa soalan yang sebelum ini. Kita walaupun menerima secara prinsip tentang pembangunan ini tetapi kita mesti memantau dengan teliti tentang kos pembangunan ini. Soalan yang kedua, berapa jumlah kewangan yang terlibat dengan pengambilan tanah milik negeri dan individu. Ini belum lagi ditetapkan walau bagaimana pun Pejabat-pejabat Daerah yang berkenaan akan bertanggung jawab untuk mengeluarkan notis-notis. Walau bagaimana pun sekarang tidak lagi ada pembangunan yang boleh di luluskan di kawasan-kawasan di mana aliran itu ditetapkan.

Apakah kemudahan yang akan dinikmati oleh pengguna perkhidmatan jalan MRT yang berkenaan. Saya ingat dia akan menggunakan jalan alternatif aliran di bawah tanah yang biasanya dengan itu bererti dia dapat mengurangkan *congestion* dan bandaraya-bandaraya utama dunia tak dapat menyelesaikan sebahagian besar daripada masalah kesesakan melalui LRT. Jadi kemudian ada juga gabungan di antara LRT-LRT dan juga jalan-jalan raya dan proses itu pula di sambung dengan usaha *park and ride*. Apakah tujuan akhir. Tujuan akhirnya ialah supaya penggantungan terhadap perjalanan oleh penduduk-penduduk di bandar raya ataupun di Lembah Klang kepada pengangkutan persendirian akan berkurangan. Buat masa ini lebih daripada 94 peratus daripada perjalanan yang dibuat oleh mereka-mereka ini menggunakan *private transport*. Maknanya cara persendirian. Jadi cara persendirian. Tapi *targetnya* bila ini berlaku penggunaan *public transport* meningkat. Jadi maknanya *private transport* jatuh daripada 95 peratus ke *target* 50 peratus dan ini bererti lebih banyak penggunaan *public transport*. Sebabnya sekarang *public transport* tidak digunakan pada

pandangan pengguna-pengguna sekarang, selain daripada dia tidak efisien, kedua dia juga kos yang tinggi, ketiga dia tak tentu masa. Jadi tak ada masa yang tetap. Dengan LRT ialah satu stesen yang perjalanannya yang caranya ialah menggunakan masa-masa yang tetap dan lebih efisien.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih Tuan Speaker. Setakat ini terdapat empat kumpulan pemilik premis dan perniagaan membuat bantahan terhadap rancangan MRT ini. Sejauh manakah kompromi akan dilakukan sekiranya tidak ada alternatif jalan untuk benda ini dilakukan hubungan antara Sungai Buloh ke Kajang ini dan apakah cadangan untuk membuat jalan di bawah tanah itu lebih ekonomik ataupun akan lebih membebaskan lagi. Ertinya dari segi peruntukan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Salah satu sebab yang cadangan LRT ialah kerana kalau dibuat di atas jalan atau pun di atas penempatan dia akan memberi banyak perubahan atau pun *dislocation* kepada orang yang ada di sana.. Jadi itu satu. Walau bagaimana pun dari segi kira-kira pengangkutan, proses pengangkutan di atas tanah atau pun dengan di bawah tanah faktornya sehingga lima ke tujuh. Lima kali ganda atau tujuh kali ganda. *that's the factor* yang kalau kita buat satu meter, satu kilometer di atas jalan atau tanah, satu juta, boleh jadi di bawah tanah tujuh juta. Itu dia punya gambaran. Jadi adakah ini munasabah atau tidak. Munasabah atau tidak bergantung kepada yang dipanggil dalam *term* yang digunakan ialah *critical mes* maknanya kalau sejuta orang menggunakannya maknanya kos itu akan lebih rendah berbanding *its call the term it used is critical mes*. Dan angka-angka ini juga akan dipamerkan untuk pengetahuan masyarakat semuanya. Dan pengambilan tanah akan dilakukan oleh kerajaan negeri tapi semua pembiayaan untuk pengambilan ini adalah di berikan oleh kerajaan pusat melalui institusi ataupun *corporation* yang mengendalikan projek ini. Jadi jawapannya kita terpaksa daripada jawapannya daripada adakah lebih baik menggunakan yang ada sekarang ataupun cara yang alternatif. Jawapannya yang ada sekarang tidak cukup. Antaranya sekarang yang kita masih lagi dalam perbincangan MRR kan ada satu Ring Road yang mana sekarang sudah dalam keadaan penuh sesak. Jadi itu antara jawapannya dan *critical success factor* ialah kosnya dan kita berharap kita dapat memantau kos yang terbaik untuk pembinaan ini.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan dari Kajang kerana Kajang belum membangkitkan soalan 137 dan juga Kajang amat terlibat ya kawasan Kajang amat terlibat dengan pengambilan tanah khususnya. Kajang ingin bertanya pada masa sekarang ini Pejabat Tanah Daerah telah mengeluarkan notis bawah Seksyen 4 Akta Pengambilan Tanah kepada tuan-tuan tanah yang terlibat dan kerja-kerja pengambilan tanah di Kajang akan dibuat dan akhirnya akan keluar notis bawah Seksyen 8 yang akan menjadi final ya, yang muktamad. Maka kalau macam di Kajang terlibat hampir 30 buah kedai di Pekan Kajang dan mereka membantah pengambilan tanah dan cadangannya adalah bawah tanah ataupun jajarannya diubah. Sekiranya, sekiranya pihak prasarana atau SPAD atau pun bawah Gamuda MMC ingin terus mengambil tanah ini. Adakah Kerajaan Negeri berhak atau pun berkuasa menolak pengambilan tanah ini. Sekian, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Perkara ini saya telah mengambil sikap proaktif tetapi tidak akan membelakangkan rakyat. Satu itu kita mengambil sikap proaktif. Maknanya kalau perlu sokongan daripada kerajaan negeri pengambilan alih tanah kita lakukan. Tapi tidak semestinya kita tidak menidahkan kepentingan masyarakat negeri Selangor itu satu. Kedua, kita juga telah mengumumkan untuk bercadang menempatkan EXCO dalam perbincangan pembinaan tersebut supaya kita akan dapat hampir dengan rakyat dan tahu keadaan-keadaan yang sebenar. Sudah tentulah adakah *fare compensation* ataupun pampasan yang munasabah atau sesuai diberikan jika terpaksa dibuat. Jawapannya ia. Jadi *fare compensation* itu atau pun kena diberikan, jika tidak mereka yang terlibat boleh ke mahkamah untuk mendapat pampasan yang lebih daripada itu, itu satu. Dan perkara yang mungkin di bangkitkan oleh Kajang sama ada mengapa kerajaan negeri buat hantar borang tersebut begitu cepat. O.K. jawapannya ialah supaya tidak ada spekulasi yang maknanya supaya tidak ada spekulasi boleh jadi ada orang dia tahu tentang jalan itu, boleh jadi dia tak suka dia jual tanah tu. Orang yang kemudian juga kena terpaksa menghadapi masalah tersebut. Itu satu. Kedua, ada juga orang yang proaktif dia tahu jalan itu jalan tanahnya ialah tanah pertanian, dia terus minta tukar jadi *commercial*. Jadi maknanya dia akan dapat pampasan yang lebih. Tapi itu atas dasar spekulasi.

Boleh jadi ada orang dia tahu tentang jalan tu, boleh jadi dia tak suka dia jual tanah dia, orang yang kemudian juga kena terpaksa menghadapi masalah tersebut. Kedua, ada juga orang yang proaktif dia tahu jalan tu jalan, tanahnya ialah tanah pertanian, dia terus mintak tukar jadi komersial. Jadi maknanya dia akan dapat pampasan yang lebih, tapi itu atas dasar spekulasi. Jadi Kerajaan negeri juga dengan itu dengan membayar pampasan yang tinggi dia akan membebankan harga projek tersebut. Jadi adalah dua perkara mengapa kita buat supaya tidak ada tindakan-tindakan spekulasi dalam usaha pembangunan ini.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, Seri Setia

YAB DATO' MENTERI BESAR : Seri Setia sebenarnya ingin juga ingin menyatakan bahawa dari segi prinsip kita menyokong pembinaan MRT dan sebarang projek pengangkutan awam Cuma sebagaimana rakan-rakan saya yang lain Kajang, Bangi kita khuatir bahawa sebagaimana yang saya bangkitkan semalam projek ini satu projek mee segera untuk pilihanraya umum yang akan datang. Jadi saya difahamkan Kajang pernah anjurkan satu dialog panggil wakil-wakil daripada Gamuda, wakil daripada SPEC tapi mereka langsung tidak hadir pendengaran dengan penduduk. Jadi Seri Setia ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri sejauh mana Kerajaan Negeri sanggup tegas untuk menyatakan pendirian bagi memastikan kepentingan rakyat terjaga sebab kita khuatir projek ini dengan izin akan *dibulldoze* oleh Kerajaan Pusat tanpa mengambil kira kepentingan awam, tanpa mengambil kira kepentingan Kerajaan Negeri semata-mata untuk membuktikan mereka dapat *deliver* dengan izin projek ini dengan segera ataupun ada kepentingan kewangan di situ kita tidak tahu, jadi saya nak tahu sejauh mana Kerajaan Negeri sanggup tegas untuk mempertahankan kepentingan rakyat dan kepentingan Negeri dalam hal ini.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Speaker dan Yang Berhormat Seri Setia, yang pentingnya kuasa yang ada di tangan Kerajaan Negeri ialah proses-proses pengambilan tanah dan penggunaan tanah. Jika Kerajaan Negeri berpendapat keputusan yang dibuat dalam menentukan aliran itu benar-benar tidak memberikan kebaikan kepada rakyat dan ataupun tidak adil kepada mereka dari segi akhirnya dari segi pembangunan kita boleh tidak meluluskannya.

Jadi kuasa itu ada di tangan Kerajaan Negeri. Itu sebab mereka masih memerlukan Kerajaan Negeri. Kedua, kita juga telah meminta Pegawai-pegawai Daerah untuk memberitahu EXCO tentang apa kelulusan yang nak dibagi supaya kawalannya itu di negeri bukan kawalannya di daerah. Jadi maknanya kita memantau secara keseluruhannya, jadi saya juga mencadangkan Wakil-wakil Rakyat, Ahli-ahli Dewan juga terlibat untuk memantaunya. Itu dan Kerajaan Negeri bukan melihat ini sebagai komersial tapi ini sebagai satu usaha Kerajaan untuk menyelesaikan masalah kesesakan jalan raya yang kita hadapi sekarang dan saya rasa ini adalah satu *test* kita antara Kerajaan *Federal* yang dianggotai oleh Barisan Nasional dan Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat dapat berbincang secara profesional bagaimana mencapai satu cara pembangunan yang terbaik untuk rakyat dan masyarakat di Selangor dan Wilayah Persekutuan dan kita tak boleh lari daripada perkara ini tetapi kita mesti proaktif dan kita akan mendengar rintihan dan cadangan. Sudah tentulah ada kawasan-kawasan yang kena diambil alih tapi harganya kalau betul-betul tidak berpatutan Ahli-ahli Dewan boleh membangkitkan perkara ini. Jadi kedua, saya difahamkan daripada perbincangan tidak semestinya Gamuda ataupun kumpulan-kumpulan tersebut akan dapat kontrak tersebut sebab kontrak itu mesti ditenderkan dan cadangan kita, kita ada *An Independent Evaluation Team* yang saya mencadangkan supaya dapat menilai benar-benar *costing* yang hendak dilakukan walaupun sudah tentulah boleh jadi kita masih sangsi tentang perjalanan di Kerajaan *Federal* tetapi saya rasa adalah ini adalah beberapa cara untuk kita memastikan kos yang terlibat tersebut adalah kos yang memberi konsep *value for money*. Terima kasih.

YB TUAN LEE KIM SIN : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Kajang.

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, soalan nombor 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB TUAN LEE KIM SIN
(KAJANG)**

TAJUK : KAMPUNG BARU

39. Bertanya kepada Y.A.B Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rancangan kerajaan dalam peningkatan kualiti hidup di kampung baru?
- b) Nyatakan cara pelantikan ketua kampung yang diamalkan. apakah rancangan kerajaan dalam pelaksanaan pemilihan umum di kampung-kampung baru?
- c) Apakah jumlah kos yang dibelanjakan untuk pembinaan pintu gerbang di kampung-kampung baru?

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Tuan Speaker, Kerajaan Negeri telah merangka dan melaksanakan beberapa program dan rancangan sebagai langkah untuk meningkatkan kualiti hidup di Kampung Baru. Antara program-program yang telah dan bakal dilaksanakan ialah seperti berikut. Satu, pelancaran laman web i-Kampung Baru yang telah diadakan pada 20 hari bulan Oktober tahun 2010. Dengan wujudnya laman web i-Kampung Baru ini diharapkan penduduk kampung tidak ketinggalan dengan teknologi ICT untuk mendapatkan informasi terkini tentang kampung baru. Selain itu, laman web ini juga mempromosikan tempat tarikan makanan istimewa dan sejarah kampung baru untuk membantu perkembangan ekonomi tempatan. Dua, kempen memupuk budaya membaca di kampung baru yang telah dijalankan

sepanjang Julai hingga Disember tahun lepas. Kempen ini telah mendapat sambutan yang amat baik dan objektif berjaya dicapai dengan jayanya. Kempen-kempen sebegini berupaya meningkatkan minat membaca dan kecekapan minda penduduk kampung terutamanya generasi muda. Tiga, meningkatkan infrastruktur asas seperti jambatan, longkang, jalan, dewan dan lain-lain untuk kegunaan dan kemudahan awam. Jambatan kayu yang rosak tanpa penyelenggaraan berpuluh-puluh tahun telah diganti dengan jambatan simen demi keselamatan penduduk-penduduk kampung. Empat, mempercepatkan proses kelulusan permohonan pembermilikan tanah kepada penduduk kampung baru terutamanya yang lama menduduki. Lima, cadangan kajian penyelidikan mengenai kampung baru di Selangor. Kajian ini akan melihat peluang-peluang penambahbaikan taraf hidup penduduk kampung baru dari segi ekonomi pentadbiran dan pengurusan kampung. Kerajaan Negeri mengguna pakai Manual Panduan Kerja Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) yang sedia ada yang pelantikan dan penamatan jawatan seseorang Pengerusi JKKK adalah dibuat oleh Dato' Menteri Besar melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Setiap Pengerusi JKKK yang dilantik akan menjalankan tugas masing-masing selama 2 tahun dan akan dinilai semula selepas satu tempoh melalui penilaian prestasi Pengerusi JKKK yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri sememangnya bercadang untuk melaksanakan pilihanraya umum di kampung-kampung baru dengan pelaksanaan projek perintis pilihanraya Pengerusi JKKK yang akan dijalankan di Kampung Bagan Pulau Ketam, di Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Baru Sungai Jarum. Walau bagaimanapun, setakat ini Kerajaan Negeri masih di dalam proses perbincangan bersama jabatan-jabatan teknikal yang terlibat bagi merealisasikan projek perintis tersebut. Selain itu jumlah kos yang telah dibelanjakan bagi projek pembinaan pintu gerbang di Kampung Baru Bagan Tersusun dari tahun 2009 hingga 2011 adalah sebanyak RM362,720.51 sen atau 13 buah pintu gerbang telah dibenakan. Sekian, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Pengerusi, Tuan Speaker. Berkaitan dengan soalan peningkatan kualiti hidup, Kajang mendapati bahawa kajian telah banyak dibuat baik oleh KPKT mahupun oleh pengkaji-pengkaji profesor-profesor tempatan. Dan telah pun di *categorize* kan kategorikan, 3 kategori jenis kampung baru iaitu, yang di pinggir bandar, luar bandar dan pendalaman. Memang ada cadangan-cadangan juga dibuat dan adakah Kerajaan Negeri meneliti cadangan-cadangan ini dan memangnya tidak perlu kita buat kajian lagi, yang telah dilakukan, jadi apakah rancangan, ya rancangan yang boleh kita laksanakan di jenis-jenis kampung baru sebegini. Dan juga berkaitan dengan pintu gerbang yang telah menelan belanja 362 ribu lebih dan Kajang berpendapat pintu gerbang yang berbentuk keluli yang dibina di jalan masuk kampung-kampung baru ni tidak begitu memanfaatkan kampung baru. Ya, ia hanya satu hiasan keluli, batang-batang keluli di pintu masuk. Ia secara kita tahu infrastruktur di dalam kampung-kampung baru perlu dinaiktarafkan. Banyak parit-parit, jalan-jalan yang perlu dinaiktarafkan. Jadi lebih baik perbelanjaan sebegini digunakan untuk infrastruktur ini dan tidak digunakan untuk hiasan sahaja dan satu lagi hiasan sebegini nampak tidak begitu sesuai dengan kampung baru kerana ia nampak kalau dari segi *architecture* nya memang tak begitu sesuai ya. Itu saja terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Kajang. Kajang membangkitkan tentang maklumat ataupun Kajang telah dibuat oleh pakar-pakar dan KPKT sebelum ini dan saya dapati bahawa kajian yang tadi disebutkan oleh Kajang yang dibuat oleh KPKT tidak disampaikan oleh Kerajaan Negeri, tidak disampaikan oleh Kerajaan Negeri. Jadi kita tiada maklumat terperinci tentang kajian tersebut macam mana apa ni kampung baru dikategorikan di dalam 3 jenis. Itu mungkin adalah tesis yang dibuat oleh pakar sahaja tapi itu kita masih tidak gunakan sebagai dasar Kerajaan Negeri. Yang kedua tentang pintu gerbang yang dibenakan di kampung baru

terutamanya di tepi jalan pintu masuk ke kampung baru itu, Kerajaan Negeri tidak tergesa-gesa untuk membenakan pintu gerbang tersebut kerana kebanyakan kampung kita terima permohonan daripada JKKK dan juga permintaan daripada penduduk kampung. Jika tiada permintaan daripada penduduk kampung ataupun JKKK di kampung tersebut Kerajaan Negeri tidak akan mengambil pendekatan proaktif untuk membenakan pintu gerbang tersebut hanya atas permintaan penduduk kampung tersebut. Sekian.

YB TUAN YAP EE WAH : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya, Sungai Pelek.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Pelek tertarik dengan apa, tertarik dengan apa yang dibagi oleh EXCO kita mengenai pilihanraya umum untuk jawatan Ketua atau Pengerusi JKKK di Kampung Baru Cina. Soalan saya yang nombor satu, adakah kerana kewibawaan Pengerusi JKKK yang sekarang ada ini disangsikan dan kerana itu perlu diwujudkan pilihanraya untuk jawatan JKKK, Pengerusi JKKK kampung baru dan nombor dua, kenapa 3 kampung baru saja dilantik untuk menjalankan projek ini. Dan yang ketiga, adakah selepas pemilihan itu, keputusan itu diterima, atau, atau akan ikut dengan Negeri Perak apabilanya jawatan Pengerusi JKKK dilantik, keputusan sudah ada, sia-sia sahaja dan tidak diiktiraf oleh Kerajaan Negeri? Itu lah 3 soalan saya. Terima kasih.

YB TUAN EAN YONG HIAN WAH : Terima kasih Sg. Pelek. Tentang pilihan raya umum, Pengerusi JKK Kampung ini bukan kerana masalah ataupun masalah peribadi Ketua Kampung di kawasan tersebut atau pun isu rakyat, kita hanya Kerajaan Negeri, kita mahu memulangkan demokrasi pokoknya kepada penduduk tempatan, itu satu. Yang Kedua, saya tidak pasti apa yang berlaku di negeri Perak, tapi Kerajaan Negeri di Selangor apabila kita telah mengambil keputusan untuk melancarkan pilihan raya tersebut, kita akan, selepas keputusan sudah keluar, kita akan melantik Pengerusi tersebut sebagai JKK di kampung tersebut, jadi Sg. Pelek jangan risau, ini adalah projek perintis dan kita sedaya upaya untuk menjayakan program tersebut. Sekian.

TUAN SPEAKER : Batang Kali, tiada, Jeram.

YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Pertanyaan No. 41.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : NAMA UNISEL

41. Kerajaan Negeri menukar nama Universiti Industri Selangor (UNISEL) kepada Universiti Selangor

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah asas tindakan menukar nama tersebut?
- b) Apakah manfaat pertukaran nama tersebut kepada pihak pelajar dan tenaga kerja universiti?

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : *Bismillahi rahmani rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabaratu*h dan salam sejahtera. Jeram mahu tahu apakah asas tindakan menukar nama Universiti Industri Selangor kepada Universiti Selangor (UNISEL). Untuk makluman Jeram dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ini adalah proses biasa, proses *rebranding* dengan izin ataupun penjenamaan semula kerana UNISEL dalam rangka berkembang dan juga proses pertumbuhan Insya-Allah kita mahu lonjakkan di mana Universiti Selangor ataupun UNISEL ini kita mahu persadakan di peringkat antarabangsa. Seperti juga kita lihat sejarah UPM, Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia, ke tidak ada masalah langsung pun, jadi ini adalah fenomena yang biasa di mana hakikatnya UNISEL tidak perlu berlengah-lengah atau menunggu tempoh tertentu untuk berubah ke arah yang lebih baik. Persekitaran alam pendidikan telah berubah, masyarakat juga telah berubah dan mengharapkan universiti memainkan peranan yang lebih luas sebagai penjana idea dan pembaharuan serta sebagai pemangkin kepada kemajuan intelek, ekonomi dan sosial, bukan setakat terhad kepada pembangunan industri sahaja dan mungkin daripada sejarahnya nama Universiti Industri Selangor adalah masa zaman Selangor mahu menjadikan industri sebagai satu bahagian penyumbang ekonomi terbesar di dalam negeri Selangor, tetapi Selangor hakikatnya Selangor ini, sekarang ini sudah pun melepasi 80 peratus peringkat industri, jadi kita mahu berkembang bukan sahaja menumpu kepada industri tetapi kepada pelbagai, kerana Negara kita sedang mengecapi kemajuan dan ekonomi pelbagai ataupun *diversified* yang cukup pesat di samping keperluan melahirkan insan yang lebih dinamik, insaniah berjiwa lebih besar serta berkemahiran tinggi. Tuntutan ini juga meliputi evolusi dari segi visi dan misi agar selari dengan perkembangan masyarakat global. Rumusannya ialah UNISEL singkatan *branding* nama UNISEL kekal ianya yang bertukar ialah digugurkan perkataan industri. Universiti Industri Selangor kepada Industri Selangor, UNISELnya tetap sama dan kita telah *test* kes ini apabila saya bawa UNISEL kepada *Oxford University* kepada *Cambridge Manchester* dan kepada universiti-universiti Negara maju maka UNISEL, *branding* UNISEL ini telah pun diterima dengan begitu baik dan insya-Allah ini adalah petanda baik di mana UNISEL itu sendiri daripada *form* dan *substances* nya dengan izin perlu dipertingkatkan.

Rumusannya ialah UNISEL perlu penjenamaan semula termasuk nama baru bagi menghadapi persaingan yang semakin sengit di kalangan institusi pengajian tinggi swasta khususnya. Penjenamaan semula bukan satu perkara asing, terutamanya dalam syarikat-syarikat korporat, bukan sahaja di Malaysia malah seluruh dunia. Ianya dilihat sebagai satu usaha untuk memastikan imej, reputasi dan peranan UNISEL dapat difahami umum dan penjenamaan ini begitu memberi kesan pada penerimaan umum dan pihak majikan terhadap alumni UNISEL.

Jeram juga mahu tahu apakah manfaat pertukaran nama tersebut kepada pihak pelajar dan tenaga kerja universiti. Manfaatnya bukan setakat pertukaran nama sahaja tetapi dari segi visi dan misi yang secara pakejnya telah kita buat melalui proses *rebranding* ini jadi melalui visi, pertukaran visi itu untuk menjadi universiti terulung yang mendidik para profesional dan ilmuwan yang mempunyai moral dan etika terpuji. Daripada segi misi UNISEL beriltizam menyediakan persekitaran pembelajaran yang cemerlang untuk menjana profesional dan ilmuwan yang kapitan, telus dan beretika, serta nilai-nilai teras:

- i) Integriti - beriltizam kepada tahap amanah, kebenaran, keadilan tertinggi, saling hormat menghormati dan percaya mempercayai.
- ii) Inovasi – beriltizam untuk mengejar ilmu dan idea serta menyesuaikan diri dan membuat penyelesaian secara inovatif.

- iii) Akauntabiliti – UNISEL beriltizam untuk menjadi pemegang amanah sumber manusia, kewangan, fizikal dan sumber intelektual yang bertanggungjawab dan *acauntable*.
- iv) Kualiti dan cemerlang – beriltizam kepada penambahbaikan kualiti yang berterusan dan kepada kecemerlangan dalam semua tindak-tanduk kita.
- v) Keterbukaan – UNISEL beriltizam untuk menyediakan peluang pendidikan yang maksimum dengan penawaran mengadakan pelbagai kemasukan dan pelbagai penyampaian kursus.
- vi) Semangat Setia Kawan – UNISEL beriltizam untuk melaksanakan tanggungjawab secara bersama-sama dan bantu membantu antara satu sama lain.

Sekian.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Terima kasih, Tuan Speaker. Maaf Bangi berpendapat dengan nama Universiti Industri sebenarnya lebih meningkatkan imej universiti itu sebagai sebuah universiti istimewa yang mengkhusus dalam bidang industri sesuai dengan keadaan Selangor sebagai negeri yang termaju dalam bidang industri. Dengan menukarkan nama kepada yang bersifat umum, sebenarnya kita meletakkan nama UNISEL kepada universiti bertaraf negeri, maaflah kita merendahkan, seperti Universiti Pahang, Universiti Terengganu yang imejnya tidak begitu ketara berbanding dengan universiti-universiti yang utama seperti UKM.

TUAN SPEAKER : Tapi Yang Berhormat, *University Oxford* tu, nama pekan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : ah....ialah..... adalah soalan ni...ada soalan. Saya tengok dia macam kita letak, macam di kolej kepada sekolah, turun kepada sekolah kebangsaan biasa, tapi yang pentingnya, yang pentingnya tidak diberitahu dengan pertukaran nama ini apakah cadangan pengisian kursus universiti ini sebagai kelainan dari nama asal Universiti Industri, satu yang penting yang kita nak lihat kursus, kemudian apakah yang membezakannya dari universiti-universiti yang lain yang dia nak tukar jadi Universiti Selangor, apa bezanya yang istimewa, kalau sama tak gunalah tukar nama. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Terima kasih kepada Bangi. Apabila ditukar ataupun digugurkan istilah Industri daripada UNISEL, tidak bermakna UNISEL tidak memberi tumpuan kepada kursus-kursus yang berpaksikan industri kerana dengan izin *its taken for granted* memang pun UNISEL telah pun membuatkan hubungan yang rapat dengan industri-industri yang sudah ada, sudah banyak di Selangor ini, bahkan pelajar-pelajar *engineering* kita pun membuat kursus penghujung semester mereka di dalam industri-industri yang sudah berada di Selangor. Adakah ia menjatuhkan darjat UNISEL itu apabila ia digugurkan perkataan industri, tidak semestinya. *Howard* tidak semestinya ada industri dan sebagainya. *Howard* itu sendiri sudah menggerunkan semua orang di dunia. Begitu juga yang disebutkan oleh Tuan Speaker tadi tentang *Oxford*. Maknanya perkataan itu sendiri tidak semestinya mengongkong UNISEL itu kepada hanya berpaksi kepada industri dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mungkin ini baru dan tidak diketahui umum, UNISEL telah pun mendapatkan lesen, ataupun permit untuk menjalani Kursus Kejururawatan dan juga di dalam visi UNISEL mahu akan menawarkan Kursus Perubatan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Bangi nak ganggu sikit.

TUAN SPEAKER : nanti dulu biar dia habiskan dulu.....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR :nanti tak ada peluang.

TUAN SPEAKER :saya bagi peluang.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : jadi ini adalah satu proses untuk makluman Ahli Yang Berhormat di mana sebuah universiti kepunyaan Kerajaan Negeri Selangor mahu dengan ingin izin *think out the box*, mahu, telah pun menjalinkan jaringan *network* kepada universiti-universiti terkemuka di luar Negara seperti Manchester yang baru ditandatangani MOU bersama UNISEL dengan *University Manchester* pada 24 hari bulan yang lepas dan begitu juga dengan *Hydrabad* kita baru bersama-sama dengan *University Hydrabad* sendiri dan pelbagai lagi universiti di bawah OIC ke Negara-negara OIC. Jadi ini adalah satu cara, mungkin yang luar, tidak biasa dilakukan oleh IPTA-IPTA tetapi dengan lingkungan kita mesti juga bergerak di bawah lingkungan sekatan Kementerian Pengajian Tinggi dan segala yang telah pun diberi kelulusan oleh Kementerian Pengajian Tinggi maknanya apa yang kita boleh lakukan, *jump start* untuk melonjakkan lagi motivasi daripada segi tenaga pengajar dan khususnya pengurusan tertinggi UNISEL itu sendiri supaya mereka ini memulakan satu era baru di UNISEL. Jadi bukanlah maknanya Universiti Pertanian Malaysia, bila menjadi Universiti Putra Malaysia sudah menjatuhkan diri mereka makna pertanian tidak penting langsung di Malaysia. Untuk makluman juga, katakan Universiti Malaysia Pahang, Universiti Malaysia Terengganu dan sebagainya tu, itu lain, ini Selangor, Selangor sebagai nadi sebab itu UMNO Barisan Nasional nak berebut nak menarik balik Selangor, menumbang balik Selangor, jadi tidak ada masalah Universiti Selangor sebagai satu mercu tanda yang terbaik yang boleh mengalahkan IPTA-IPTA dalam sumber-sumber yang terhad dan kemampuan kita yang agak terhad sebelum mengorak ke Putrajaya insya-Allah.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Bangi.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Bagi sebuah universiti tak kira nama apa pun dia ada pengajian yang *major* dan *minor* dengan nama universiti industri tidak menghalang daripada kita nak mengadakan berbagai-bagai kursus yang *minor*, *major* kita daripada universiti. Sebenarnya kemajuan sesebuah daripada universiti kerana ada kepakaran, ada tokoh ilmuwan dalam bidang-bidang tertentu itulah yang memajukan. Umpamanya kita katakan, UiTM sekarang yang agak terkenal dalam bidang undang-undang, kalau UKM mungkin dalam bidang Sastera dengan UM, jadi dengan ada tokoh-tokoh profesor-profesor terkenal macam dahulu Profesor Ahmad Ibrahim di UIA ia melonjak dari segi kepakaran dihormati kerana ada tokoh itu ye, Profesor Ungku Aziz dalam bidang ekonomi UM terkenal kerana profesornya. Jadi kalau kita dalam bidang industri kita akan wujudkan tenaga-tenaga pengajar, profesor-profesor, pakar-pakar dalam bidang industri, itu yang akan melonjakkan nama Universiti Industri, tapi kalau cacar marba semua kursus kita nak anjur tiada tokoh-tokoh akhir dia jadi biasa sahajalah, jadi itu terpulang kepada kesungguhan kita memajukan dalam bidang berkenaan. Kita majukan universiti sesuai dengan Selangor sebagai negeri industri, cari tokoh-tokoh pakar dalam bidang industri, jadi itu yang kamu perkenalkan dia, mengistimewakan dia, daripada universiti-universiti lain. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Tiada soalan pun.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Soalnya, ertinya apakah kepakaran yang hendak diutamakan, dilonjakkan dalam bidang industri itu. Saya takut tidak ke mana-mana. Akhirnya kita tak terkenal apa pun.

YB PUAN DR. HALIMAH BT ALI : Terima kasih kepada Bangi. Apa yang disebutkan oleh Bangi, insya-Allah sudah pun diambil kira oleh di dalam pelan strategik UNISEL sebelum proses penjenamaan semula ini dilakukan dan *Mitch Market*. UNISEL tetap adalah untuk industri sebagai pengeluar modal insan yang Insya-Allah akan menjadi input yang akan melahirkan modal insan yang sesuai yang *hi-tech*, yang *skill workers* dengan izin untuk industri di Selangor ini insya-Allah, yang lain hanyalah tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK : Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Permatang.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK : Tuan Speaker, soalan No. 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
YB HJ SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : HARGA PREMIUM TANAH

42. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah kadar-kadar harga premium tanah yang ditawarkan kepada rakyat Negeri Selangor yang mendapat tawaran pemilikan tanah bagi status tanah pertanian, tanah industri dan pembangunan?
- b) Adakah kadar premium berkenaan berbeza-beza mengikut kawasan atau daerah-daerah di Negeri Selangor?
- c) Adakah rakyat berpeluang untuk membuat rayuan bagi pengurangan kadar premium berkenaan dan rayuan tempoh pembayaran?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih Yang Berhormat dari Permatang yang bertanyakan tentang harga premium tanah. Harga premium tanah dia dibuat berasaskan nilai tanah semasa. Kenapa kita gunakan nilai tanah semasa, adalah kerana nilai tanah tidak sama di kawasan-kawasan, maknanya kalau negeri Selangor itu kawasan nilai tanah di Petaling Jaya tinggi daripada kawasan nilai tanah di daerah Kuala Selangor umpamanya itu sebab dari segi pengenaan premium dia diasaskan dengan nilai tanah semasa. Untuk ini mereka yang dikhaskan untuk menentukan nilai tanah ialah Jabatan Penilaian Perkhidmatan Harta (JPPH) yang di bawah kelolaan Kementerian Kewangan Malaysia. Jadi mereka-mereka ini biasanya terdiri daripada kumpulan-kumpulan profesional yang dipanggil *values* dia yang membuat penilaian dan kadar-kadar ini dari semasa ke semasa ditentukan penilaian dan saya rasa untuk Selangor kita dapati harga tanah meningkat dari tahun ke setahun dan bacaan saya pada bulan Disember, satu *values report* menunjukkan nilai tanah di Petaling Jaya meningkat lebih

daripada 10 peratus setahun jadi kalau dalam masa 20 tahun maknanya dia boleh jadi 3 atau 4 kali ganda harga tanah, jadi itu sebab Jabatan Penilaian ada dan dia boleh terbuka untuk dilihat oleh masyarakat dan ada jurnal yang dikeluarkan dan Pegawai Daerah yang menentukan premium tersebut mempunyai formula yang berasaskan nilai tanah tersebut.

Kedua, kadar premium berbeza dan Kerajaan Negeri telah meletakkan harga yang satu perkara yang biasa dan mempunyai kuasa Kerajaan Negeri walaupun premium yang berasaskan nilai tanah itu katalah A, tetapi Kerajaan Negeri boleh memberikan *discount* atas tersebut dan ini keputusan Kerajaan Negeri telah ada untuk sekolah, untuk kebajikan dan premiumnya untuk rumah ibadat, premiumnya ialah satu ringgit, itu boleh, bukan kita tak boleh, itu untuk tujuan kebajikan.

Kedua, premium juga boleh dikurangkan berasaskan kawasan perumahan yang tertentu memandangkan pendapatan per kapita di kawasan tersebut, itu juga ada dan kita telah menetapkan premium *discount* sehingga 50 peratus dan kita sekarang telah juga memikirkan tentang pemilikan tanah yang sekarang kita lakukan dan terdapat warga emas yang juga tidak mempunyai kemampuan untuk membayar premium walaupun ada *discount* yang kita berikan dan ini kita akan buat beberapa kemudahan untuk mereka dan untuk menentukan proses pembayaran ini dilakukan dengan segera, itu sebablah kita memberi tempoh tiga (3) bulan apabila Borang 5A kita keluarkan. Untuk pengetahuan dewan dan kajian saya tiga (3) bulan biasanya tak sampai 25 peratus yang membayarnya itu sebab kita nak buat satu kajian semula sebab nampaknya ramai yang tidak menunaikannya, jadi dia tertunggu-tunggu. Walau bagaimanapun, saya nak ingatkan pemilik-pemilik rumah yang mendapat premium dan tertunggu-tunggu apabila sampai peringkat dua (2) tahun dia tidak lagi mendapat nilai yang asal, dia kena dinilai semula. Pada dasarnya ataupun pada kadar yang berlaku sekarang, harga tanah itu akan jadi meningkat, jadi itu sebabnya. Walau bagaimanapun, kita tidak boleh membuat satu ketetapan semua tanah di negeri Selangor ini dinilai dengan harga yang sama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : ..waktu telah tamat , urusan seterusnya....

SETIAUSAHA DEWAN : Sambungan usul menyembah ucapan terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

TUAN SPEAKER : Sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk memberi penjelasan dan penggulungan. Dipersilakan.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Yang Berhormat telah membangkitkan tentang kes ataupun isu air percuma bagi penduduk rumah kos rendah yang bertingkat dan berstrata seperti pangsapuri-pangsapuri. Ramai sebenarnya yang tidak dapat kerana tidak ada meter individu hanya meter pukal. Tindakan awal Kerajaan Negeri adalah untuk menggalakkan imigrasi air dan daripada meter pukal kepada meter individu untuk membenarkan ataupun supaya mereka mendapat air percuma. Kerajaan Negeri telah mengadakan perbincangan dengan Syabas bagi mereka melonggarkan syarat-syarat imigrasi dan telah berlaku sedikit kelonggaran tetapi proses imigrasi ini masih tidak cukup pantas. Oleh sebab itu ramai yang masih tidak mendapat air percuma maka Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk mengeluarkan kupon air kepada penduduk yang akan membuat tuntutan air percuma apabila membayar kepada JNB ataupun MC mereka tetapi ini masih juga rumit dan lambat. Oleh itu Kerajaan Negeri untuk memudahkan penduduk rumah kos rendah mendapat air percuma, maka potongan akan dibuat terus pada bil Syabas yang dikeluarkan kepada mereka melalui JNB ataupun melalui MC.

Bermakna tidak ada kupon lagi, bermakna potongan dibuat terus kepada bil-bil seperti mana yang berlaku di rumah-rumah yang ada meter individu. Ianya adalah sama seperti kediaman yang mempunyai meter individu. Potongan adalah berdasarkan jumlah unit yang didiami di pembangunan tersebut. JNB, MC kemudian akan memberi potongan kepada penduduk berdasarkan air percuma 20 meter padu.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Tuan Speaker, mohon mencelah.

TUAN SPEAKER : O.K. Ya.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Seri Setia ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri di atas inisiatif untuk memberikan air percuma kepada flat kos rendah sebab Seri Setia merasakan mereka golongan yang paling memerlukan dalam hal ini. Cuma Seri Setia ingin bertanya dalam mekanisme baru yang mana potongan secara langsung diberikan pada JNB atau MC dan Seri Setia merasakan lebih efektif berbanding baucar. Cuma apa jaminan penjimatan ini dapat diterjemahkan kepada setiap penduduk. Kita khuatir MC atau JNC memberikan potongan tetapi mereka terus memberikan cak yang sama kepada penduduk, jadi ini kekhuatiran saya jadi bila saya balik ke Desa Mentari boleh saya menjawab pada penduduk sana.

YB TUAN LEE KIM SIN : Tuan Speaker, soalan yang berkaitan, saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya, sila.

YB TUAN LEE KIM SIN : Kajang juga mengucapkan terima kasih, tapi ingin tahu bagaimana JNB dapat, mempunyai kelayakan untuk mendapat kupon yang lepas dan juga bayaran yang baru, *discount* yang baru, ataupun subsidi yang baru, akan dilaksanakan, bagaimana proses dia. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat- Yang Berhormat sekalian. Sekarang ini tidak ada kupon, terus dapat air percuma. Bermakna bil itu, Syabas akan bil kepada JNB ataupun kepada MC dan potongan akan dibuat terus oleh Syabas berdasarkan kepada jumlah unit yang ada di pembangunan, jadi kalau dulu ada kupon atau baucar yang perlu kita *redeem* balik dengan izin tetapi sekarang ini terus akan dipotong pada bil di mana bil-bil yang pada bil Syabas itu akan terus dipotong.

Dari segi jaminan sama ada penduduk akan dapat atau tidak sebab kita pun dalam perbincangan, kita melihat mungkin berlaku penyelewengan contohnya sekiranya pihak JNB atau MC tidak memberikan potongan itu kepada pihak pemilik-pemilik itu yang pertama.

Perkara yang kedua, yang mungkin berlaku penyelewengan ataupun perkara yang tidak betul dilakukan oleh JNB atau MC adalah JNB akan membuat tuntutan lebih daripada apa yang ada. Contohnya mungkin pembangunan itu didiami oleh 100 unit sahaja tetapi dia akan menuntut untuk 150 unit atau 200 unit. Dalam isu sedemikian memang kita telah membincangkan, dan memang akan memberikan kerja yang lebihlah kepada pihak COB dan penguatkuasaannya adalah COB akan turun kepada setiap pembangunan dan terpaksa buat satu *checlist* sama ada nombor yang pertama berapa ramaikah unit-unit yang ada di situ. Tentang dari segi penduduk itu sedar atau tidak, dapat atau tak dapat apa yang penting di sini adalah bagi isu ini ataupun keputusan ini diwar-warkan kepada seluruh rakyat negeri Selangor. Jadi bermakna setiap penduduk sekarang ini akan tahu dan mereka akan menuntut akan potongan itu dari JNB dan MC mereka.

YB TUAN NIK NAZMI BINNIK AHMAD : Yang Berhormat Tuan Speaker, kalau Seri Setia nak mencadangkan kepada Yang Berhormat EXCO, apa bolehkah kita memikirkan mekanisme misalnya kita ambil iklan di dalam akhbar ataupun buat panel yang mana kita sedar, kita maklumkan kepada penduduk bahawa Kerajaan Negeri sudah bagi potongan ataupun Syabas sudah bagi potongan bil air kepada setiap JNB jadi pastikan maknanya mereka kena berhubung dengan JNB mereka dan benda itu diterjemahkan dalam bil air daripada JNB kepada setiap penduduk. Jadi ini cadangan daripada Seri Setia.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih kepada cadangan itu, yang penting sekarang ini yang melalui kita punya iklan ataupun dalam Selangor Kini atau semua surat khabar-surat khabar, diwar-warkan kepada pemimpin-pemimpin kita adalah supaya penduduk tahu, jadi penduduk akan tuntutan akan potongan ini supaya tidak berlaku sebarang penipuan ataupun penyelewengan, tetapi walau bagaimanapun kita masih nak menyelesaikan masalah sedikit iaitu kalau tidak ada JNB ataupun MC. Apakah alternatifnya. Alternatifnya adalah mungkin kita akan gunakan Persatuan Penduduk untuk monitor ataupun untuk mengendalikan perkara ini di peringkat bawah. Walau bagaimanapun, ingin saya jelaskan di sini bahawa untuk secara jangka panjang imigrasi perlu dilakukan. Imigrasi perlu dilakukan kerana ia akan mengurangkanlah banyak masalah-masalah dan kita masih lagi memantau tentang proses imigrasi ini bersama dengan Syabas supaya ianya dipercepatkan. Seperkara lagi yang dibangkitkan.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat EXCO, terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya tentang satu perkara iaitu apakah perbelanjaan tambahan yang perlu ditanggung oleh kerajaan berikutan dasar yang baru ini kerana bagi saya kod takrif air yang dikenakan ke atas bangunan berstrata khususnya kondominium dan rumah kos rendah adalah berbeza dengan kod takrif air untuk rumah biasa malahan ia lebih mahal, jadi untuk ini saya ingin bertanya apakah satu jangkaan telah dilakukan, berapa banyak yang kena ditanggung oleh Kerajaan Negeri setahun untuk melaksanakan dasar ini.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Kalau berdasarkan Yang Berhormat, berdasarkan kepada sebelum ini di mana kita telah memperuntukkan sebanyak 5 juta untuk kupon air dan jumlah ini juga akan kita peruntukkan dan kita untuk program yang terbaru iaitu *direct billing* kepada dengan izin kepada JMB atau pun kepada MC. Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian, adalah tentang pembayaran yuran penyelenggaraan rumah kos rendah *in advanced* dengan izin bermakna penduduk rumah kos rendah atau pun penduduk rumah-rumah berstrata yang lain perlu membayar dia punya yuran penyelenggaraan atau pun *maintenance fees* dengan izin *in advanced*. Saya telah membuat kiraan dan sebenarnya kita pun berbincang tentang perkara ini sekiranya kita hendak menetapkan mungkin secara minima RM 30 sebulan untuk 12 bulan dan mungkin untuk 30 tahun ianya mungkin mencecah 10 ribu tambahan pada harga rumah. Masalahnya sekarang ini dengan harga 35 ribu atau 42 ribu pun ramai yang masih tidak dapat pinjaman perumahan. Kalau kita tambah lagi 10 ribu mungkin ramai lagi yang tidak dapat pinjaman perumahan. Tetapi yang masalah yang saya lihat sekarang ini yang perlu yang telah kita bincang adalah mungkin bukan masalah *maintenance* dengan izin atau yuran penyelenggaraan tetapi masalahnya adalah *sinking fund* iaitu untuk membaik pulih lif, untuk membaik pulih bumbung, untuk membaik pulih sistem pembetulan sebab setelah 20 tahun 30 tahun rumah itu akan menjadi rosak. Jadi ada *defects-defects* yang tertentu. Jadi, perkara ini yang telah kita bincangkan sama ada boleh kita masukkan *sinking fund* itu *up front* dengan izin semasa membeli rumah. Sebab kita melihat bahawa ramai yang membeli rumah, terutamanya rumah kos rendah tetapi tidak tahu bahawa pembaikan ini perlu dilakukan oleh mereka seperti lif yang begitu mahal. Mereka beranggapan ini semua Kerajaan

yang kena buat. Jadi, cadangannya adalah yang telah kita bincang yang juga kita telah melihat sebab ia melibatkan akta-akta di peringkat persekutuan adalah macam mana kita hendak masukan *sinking fund* ini *up front* atau pun *in advance* dengan izin. Perkara yang dibangkitkan juga adalah tentang penyelenggaraan dilakukan oleh satu badan atau pun satu syarikat di Negeri Selangor. Satu badan atau pun satu syarikat untuk mengendalikan seluruh Negeri Selangor supaya kita mendapat *economy of skills* supaya ianya boleh dikendalikan dengan lebih murah. PKNS telah mengadakan satu *pilot projects* di mana satu syarikat swasta sedang mengendalikan menguruskan lebih 2000 unit pangsapuri PKNS. Jadi bermakna kita lihatlah sama ada kalau berjaya yang ini mungkin kita akan cuba untuk seluruh, mungkin bukan untuk seluruh Negeri Selangor terlebih dahulu mungkin kepada PBT-PBT yang tertentu. Sebab kita menghadapi masalah kerana terdapat pembangunan rumah kos rendah di mana tidak ada ejen pengurusan atau syarikat yang ingin mengambil alih oleh kerana tidak ada untung daripada itu. Kalau mereka buat sekali seluruh satu PBT mungkin ada keuntungannya. Yang juga dibangkitkan adalah tentang peranan PKNS untuk membina rumah mampu milik. Perkara ini telah dibangkitkan sebelum ini dan saya telah memberi maklum kepada Dewan bahawa rumah mampu milik di Bangi telah mendapat kelulusan daripada Majlis Perbandaran Kajang dan akan dimulakan pada bila-bila masa sahaja sebanyak 125 unit dan PKNS juga telah membuat keputusan bahawa tapak mereka di Kampung Seri Temenggung lebih kurang 10.9 ekar yang sebelum ini hendak dibangunkan dengan rumah atau apartmen berharga 200 ribu ke atas atau pun 180 ribu hingga 200 ribu akan dibina rumah mampu milik mungkin boleh kita muatkan lebih 400 atau 600 dan juga PKNS akan membina rumah mampu milik di Shah Alam sebanyak 200 unit dan ada beberapa syarikat lain swasta yang akan membina rumah mampu bilik sebanyak hampir 1000 di sekitar Shah Alam dan juga di Kajang. Dan rumah mampu milik ini adalah di antara 69 ribu hingga 89 ribu.... Silakan.

YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI : Terima kasih, Cempaka. Saya ingin bertanya berapakah harga rumah mampu milik yang dibangkitkan oleh Cempaka dan kalau harganya itu kadang-kadang sampai lebih daripada 60 ribu walau pun pengalaman di tempat saya kebanyakan *squatters* atau mereka-mereka yang tinggal di kawasan setinggan itu atau peneroka bandar ini tidak berupaya kerana tidak mampu untuk mendapatkan pinjaman. Jadi, apakah perancangan Kerajaan untuk memberikan ruangan kepada mereka ini supaya mereka dapat di tempatkan dalam keadaan yang baik dan Kerajaan tidak mengalami kerugian dalam menempatkan mereka. Terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih. Rumah yang kita cadangkan ialah 69 ribu dengan keluasan 750 kaki persegi dan 89 ribu dengan keluasan 850 kaki persegi. Walau bagaimana pun bagi penduduk setinggan atau pun peneroka bandar istilah yang lebih tepat yang duduk di atas tapak-tapak tersebut di mana akan dibangunkan maka mereka ini akan mendapat potongan harga kepada rumah mampu milik yang akan dibina di situ. Dan kita, Kerajaan Negeri juga akan kawal penjualan rumah mampu milik ini kalau rumah kos rendah adalah pendapatan 2500 ke bawah tetapi rumah mampu milik ini yang kita cadangkan adalah di antara pendapatan RM 3 ribu hingga 5 ribu ringgit, ah! pendapatan sebulan. Sebab kita tidak mahu rumah mampu milik ini dijadikan sebagai bahan untuk spekulasi.

YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker,

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : .. dan juga dibangkitkan tentang rumah

YB TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat, Ya! Teratai

YB PUAN LEE YING HA : Terima kasih Cempaka. Teratai cuma ada satu soalan hendak tanya mengenai rumah yang disebutkan oleh YB EXCO. Adakah rumah ini bila dijual ada mengikut apa kuota kaum kah atau pun dibuka kepada semua kaum di Negeri Selangor. Sekian, terima kasih.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Dia akan menurut kepada kuota yang ada sekarang ini berdasarkan kepada daerah tidak ada satu, kita tidak kuota khas untuk ini, itu mengikut kepada daerah. Kita kena lihat kembalilah, daerah. Balik kepada miskin bandar, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kg. Tunku juga. Ah! tentang PKNS, dan juga penyelenggaraan, terima kasih saya ucapkan di atas perkara-perkara yang dibangkitkan. Adalah supaya rumah miskin, rumah kerajaan prihatin yang sekarang ini dilaksanakan di luar bandar juga dilaksanakan di dalam bandar. Jadi perkara ini akan kita kaji sebab ini adalah di antara dua EXCO yang terlibat dalam, atau pun dua EXCO yang terlibat di dalam polisi atau pun perlaksanaannya. Telah dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Sg. Pelik tentang Taman Murni Emas, Taman Murni Emas masalahnya di sana adalah mereka belum mendapat geran tanah. Hak milik tanah individu, dan ada cukai tertunggak yang tertinggi yang tinggi. Jadi, cadangan bagi Kerajaan Negeri adalah supaya cukai ini dihapuskan dan tanah itu diberi milik terus kepada pemilik-pemilik. Cadangan untuk menghapuskan cukai tanah ini telah sedang diteliti sedang diangkat oleh Pejabat Daerah sekarang ini ada dengan Pejabat Tanah dan Galian Selangor. Cadangannya ialah untuk dihapuskan dan diberikan hak milik terus kepada pembeli-pembeli.

YB TUAN YAP EE WAH : Terima kasih. Saya difahamkan setiap pemilik rumah atau kedai di Taman Murni Sepang, bukan Taman Murni Emas. Taman Murni Sepang itu membayar lebih kurang 500 ringgit untuk mendapatkan geran individu ini. Jadi, maksudnya lebih kurang 200 lebih ribu cukai tanah yang tidak di selesai oleh pemaju dan ada tak wang itu untuk dibayar semata-matanya cukai tanah yang tertunggak itu. Kalau tidak, kenapa 500 ringgit lebih kurang 500 ringgit itu kutip dengan pemilik kedai atau rumah itu.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Dia ada pembayaran-pembayaran itu contohnya seperti premium yang perlu dibayar. Saya, yang saya dapat maklumat ialah Taman Murni Emas tadi. Selalunya seperti mana yang berlaku di Taman Mawar di Ampang, kes yang sama di mana pemaju telah *bankrap* dan mufliis, jadi apa yang kita lakukan adalah kita hapuskan kepada dia punya cukai yang tertunggak itu kita turunkan kepada 1 ringgit sahaja. Jadi bermakna bahawa cukai tertunggak itu tidak perlu bayar tetapi ada premium yang perlu dibayar di situ mungkin tidak dibayar oleh pemaju sebelum ini atau tuan tanah sebelum ini.

YB TUAN YAP EE WAH : Premium apa tu Yang Berhormat.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Selalunya kalau macam dalam kes Taman Mawar premium tanah itu tidak dibayar lagi oleh pihak tuan tanah. Jadi yang ini perlu diselesaikan. Tetapi, kalau macam apa yang berlaku di Ampang, premium itu adalah kalau 500 itu adalah nominal sekali. Iaitu yang paling rendah sekali yang perlu kita bagi.

YB TUAN YAP EE WAH : Yang Berhormat, kalau tak silap saya sebelum tahun 2008 semua premium tanah tunggakan sudah dibayar oleh pemaju. Kalau tak silap saya. Jadi, saya kurang pasti 500 ini untuk premium itu kalau tidak silap saya tidak. Okey.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Insya-Allah kita akan, kita akan, saya akan semak tuntutan kes 500 ini tapi walau bagaimana pun yang penting adalah proses itu boleh diteruskan

oleh kerana cadangan Kerajaan Negeri adalah supaya cukai tertunggak itu dihapuskan atau kita turunkan kepada yang minima.

YB TUAN YAP EE WAH : Saya memang bersetuju Yang Berhormat. Proses itu dicepatkan dan dapat geran individu. Tetapi memang 444 buah rumah di Taman Murni Sepang ini ada orang yang tidak mampu bayar. Ada. Banyak juga. Kalau tak silap saya 30% yang kebanyakan daripada pekerja ladang yang pencen yang duduk di sana. So, saya tidak tahu macam mana. Kalau sekiranya kena kutip semua, orang yang tidak bayar macam mana. Boleh tak selesai untuk dapatkan geran itu.

YB TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD : Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan, saya akan semak sebab masalahnya sekarang ini ialah ianya adalah berpunca daripada amalan dulu. Amalan dulu kita boleh buat projek tanpa ada kelulusan pelan. Amalan dulu kita boleh buat projek perumahan tanpa bayar premium. Amalan dulu kita boleh buat projek perumahan tanpa kita bayar premium dan juga tanpa kita *convert* kepada daripada pertanian kepada perumahan. Ini amalan dulu yang terpaksa Kerajaan sekarang selesaikan, dan Insya-Allah perkara ini kita akan selesaikan Yang Berhormat.

Terima kasih kepada Tuan Speaker dan Yang Berhormat sekalian di atas pandangan Yang Berhormat atau pun perkara-perkara yang di, yang dibangkitkan. Saya rasa itu sajalah yang akan, yang akan saya gulung. Terima kasih kepada Yang Berhormat Speaker.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker. Terima kasih, Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan isu atau masalah di bawah portfolio saya iaitu Yang Berhormat dari Bukit Antarabangsa, Kg. Tunku dan Kuala Kubu Bharu. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar yang sudi menjawab soalan bagi pihak saya kerana pada masa saya ambil cuti kerana kematian adik saya. Kepada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, untuk makluman Yang Berhormat sekalian. Kelewatan pemasangan CCTV bukan disengajakan. Kerajaan Negeri telah melaksanakan kajian komprehensif terutamanya terhadap aspek *return of reimbursement* agar projek CCTV ini dapat dilaksanakan dengan baik dan memberikan dengan izin *value for money* yang paling optimum. Oleh yang demikian penelitian dokumen kontrak sedang melalui fasa 3 dan terakhir sebelum Kerajaan Negeri menandatangani dokumen kontrak dengan syarikat yang dipilih. Ini penting kerana kualiti perkhidmatan yang bakal diberikan hendaklah mencapai tahap kebolehpercayaan yang tinggi disebabkan jangka masa kontrak yang panjang. Kerajaan Negeri juga perlu memastikan bahawa perjanjian yang bakal dipersetujui tidak berat sebelah dan menjaga kepentingan Kerajaan Negeri demi memastikan perkhidmatan yang diberikan oleh pihak syarikat adalah seperti yang dijanjikan. Oleh kerana itu saya memohon agar rakyat Negeri Selangor dapat memberikan sedikit masa lagi kerana Kerajaan Negeri sedang berusaha mempercepatkan projek CCTV ini dan pada masa yang sama perlu memastikan agar rakyat Selangor mendapat perkhidmatan yang terbaik dan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Negeri Selangor lebih selamat untuk didiami dapat dicapai. Tuan Speaker. Untuk Yang Berhormat dari Kuala Kubu Bharu mengenai isu kepala surat bagi tawaran kontrak. Berdasarkan kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu mengenai penyalahgunaan kepala surat bagi tawaran kontrak oleh Ahli Majlis PBT Kerajaan Negeri amat mengambil serius mengenai perkara tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Kerajaan Negeri telah menyerahkan kes tersebut kepada Pihak Berkuasa bagi menyiasat dengan lebih lanjut memandangkan Ahli Majlis PBT berkenaan dilantik atas dasar kerusi parti, Kerajaan Negeri juga telah bersetuju agar pihak parti politik masing-masing membuat pertimbangan dan keputusan ke atas lanjutan jawatannya sebagai Ahli Majlis PBT berdasarkan penyiasatan dan keputusan yang dibuat oleh Pihak Berkuasa. Untuk konsep kaki lima di Majlis Perbandaran

Subang Jaya. Konsep pembangunan kaki lima di Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengaplikasikan konsep bandar selamat.

Di dalam konsep ini kawasan kaki lima telah dibina dengan pagar tinggi bagi keselamatan pejalan kaki khususnya bagi mengelakkan kes ragut yang banyak berlaku pada masa kini. Walau bagaimanapun konsep pembangunan kaki lima ini hanya tertumpu di kawasan USJ 15, berikutan kes ragut yang banyak berlaku di kawasan tersebut. Konsep ini baru dilaksanakan pada tahun 2010 dan dilaksanakan secara berperingkat memandangkan kos pembinaan pagar di kaki lima adalah tinggi. Inisiatif ini turut dilaksanakan di semua PBT Selangor namun akibat kekangan kewangan ia hanya dapat dilaksanakan di kawasan hot sport terlebih dahulu. Mengenai pilihan raya Kerajaan Tempatan, Tuan Speaker saya ingin menerangkan mengenai pilihan raya Kerajaan Tempatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku untuk makluman Yang Berhormat sebelum ini Kerajaan Negeri telah berusaha mengambil beberapa inisiatif bagi melaksanakan pilihan raya Kerajaan Tempatan dengan mengadakan beberapa kajian ke atas cadangan tersebut. Walau bagaimana pun pilihan raya Kerajaan Tempatan tidak dapat dilaksanakan buat masa ini memandangkan pihak berkuasa Tempatan Negeri Selangor masih terletak *clause* di bawah Akta Kerajaan 1976 Akta 171 yang secara jelasnya dinyatakan bahawa pilihan raya Kerajaan Tempatan adalah tidak dibenarkan. Kekangan undang-undang ini tercatat di bawah Seksyen 15(1) Akta Kerajaan Tempatan 1976. Oleh yang demikian bagi menjayakan pelaksanaan pilihan raya Kecil Kerajaan Tempatan pindaan kepada Seksyen 15 Akta 171 ini perlu dibuat di peringkat Parlimen. Kerajaan Negeri masih lagi mengkaji perkara ini agar pilihan raya Kerajaan Tempatan dapat dilaksanakan seperti yang telah dijanjikan sungguhpun ia kelihatan sukar akibat kekangan sedia ada. Terima kasih.

YB PUAN GAN PEI NEI : Tuan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ya.

YB PUAN GAN PEI NEI : Soalan sebab semalam saya pernah bangkitkan isu tentang pemantauan pembuangan sampah dan kebersihan di PBT sama ada satu mekanisme diwujudkan untuk memantau kerja-kerja kontraktor dan saya mencadangkan semua PBT diwajibkan mendirikan papan tanda di setiap zon yang memaparkan nama kontraktor, syarikat dan nombor hubungan kontraktor yang terlibat supaya pihak penduduk boleh bersama-sama memantau tentang pembersihan, kerja-kerja pembersihan ini. Jadi saya ingin dapat jawapan daripada pihak EXCO.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih Rawang, cadangan yang dibangkitkan oleh Rawang itu memang satu cadangan yang telah kita mengemukakan dan juga dipanjangkan juga kepada semua PBT. Cuma PBT dari awal telah diberitahu bahawa adalah elok dan harus didirikan papan tanda di semua tempat yang sesuai supaya awam dapat tahu siapakah syarikat dan apakah contact nombor kontraktor yang diberi tanggungjawab untuk menjaga kebersihan di tempat masing-masing. Dan saya haraplah mudah-mudahan PBT mengambil perhatian dalam perkara ini. Kita boleh nampak masalahnya untuk mendirikan papan tanda supaya orang awam pun boleh bersama-sama membuat pemantauan mengenai kebersihan awam. Terima kasih.

YB TUAN DR. MOHD NASIR B. HASHIM : Damansara nak bertanya juga.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada lagi soalan.

YB TUAN DR. MOHD NASIR B. HASHIM : Ya soalan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

YB TUAN DR. MOHD NASIR B. HASHIM : Ya soalan. Telah disebutkan tadi berkenaan dengan pilihan raya Kerajaan Tempatan susah nak dibuat oleh kerana ada kaitan dengan persekutuan. Tidak boleh ke kita mengadakan satu memotorium di kawasan tertentu kerana mereka rakyat di sana kerana mereka membayar cukai. Mereka pilih tiga nama, empat nama ke, dan kita pilih antara tiga nama yang disarankan untuk menjadi Ahli Majlis. Tidak boleh ke kita buat begitu supaya kita tidak payah mengikuti undang-undang di persekutuan. Saudara faham ke tak faham.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Tak faham.

YB TUAN DR. MOHD NASIR B. HASHIM : Ok. Isunya ialah Pilihan raya Tempatan, sekarang ini kita menyatakan kita mengharapkan oleh kerana ada undang-undang di persekutuan, kita tidak dapat laksanakannya itunya. Yang dicadangkan ialah tidak bolehkah kita pada kawasan tertentu ataupun PBT tertentu penduduk di sana memilih 5 nama atau pun 3 nama antara tiga nama itu dipilih. Kalau tidak nanti diharapkan Kerajaan memilih, disarankan penduduk di sana memilih menyarankan beberapa nama untuk Kerajaan mengambil di antara nama itu.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Kota Damansara adalah kerana kajian masih dijalankan jadi saya rasa ada eloknyanya kalau Kota Damansara boleh menulis ataupun ialah menulis kepada Kerajaan Tempatan cadangan-cadangan Kota Damansara supaya dimasukkan di dalam kajian. Memang kita masih berusaha kita memang memerlukan kajian yang lebih mendapat supaya kita mendapat melaksanakan satu aktiviti eksperimen dengan izin di mana kita boleh menjalankan pilihan raya Kerajaan Tempatan tanpa izin daripada SPRM dan Agensi-agensi Kerajaan Pusat yang tertentu. Jadi eloklah dalam bentuk *black and white* dengan izin. Terima kasih.

YB TUAN JOHAN B. ABDUL AZIZ : Tuan Speaker soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ada soalan lagi. Silakan Semenyih.

YB TUAN JOHAN B. ABDUL AZIZ : Terima kasih, Tuan Speaker saya nak bertanya tentang standard / garis panduan pada PBT-PBT Selangor saya dapat maklumat bahawa cukai hiburan tertentu seperti Bandar I - CITY Shah Alam. Saya difahamkan ianya dikecualikan daripada kutipan cukai hiburan. Adalah PBT MBSA berlainan dengan MPPJ atau pun lain-lain PBT. Saya ingin mengajukan soalan ini kerana saya difahamkan Bandar I-CITY Shah Alam dia dikecualikan daripada cukai hiburan. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Minta maaf cukai apa yang dikecualikan di MBSA itu.

YB TUAN JOHAN B. ABDUL AZIZ : Kita difahamkan Bandar I-CITY ini di sering melakukan *entertainment* program-program berbentuk keraian, *entertainment* hiburan dia dikecualikan daripada cukai, Bandar I-CITY Shah Alam.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Yang Berhormat setahu saya, kita tidak ada mengecualikan apa-apa di mana-mana tempat termasuk I-CITY itu. Mungkin ada cadangan pada masa yang

lalu tidak tahu apa tetapi setahu saya kita tidak memberi apa-pa pengecualian Kerana semua ini ada ikut peraturan-peraturan yang tertentu yang tetap ada. Terima kasih.

YB TUAN ISMAIL B. SANI : Soalan tambahan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan, Dusun Tua.

YB TUAN ISMAIL B. SANI : Terima kasih Tuan Speaker. Saya tertarik dengan mengenai pembersihan tadi. Baru-baru ini Majlis Perbandaran Kajang telah mengadakan program zon bersih di mana mereka ini meletakkan tempat-tempat tertentu, papan tanda bagi menyatakan bahawa itu adalah kawasan zon bersih. Saya tidak pasti apa programnya, Cuma soalan saya adakah ini program di seluruh Negeri Selangor di mana melibatkan semua PBT, Kalau ianya melibatkan program di seluruh Negeri Selangor apakah dasar-dasar yang dibuat dalam pemilihan zon bersih ini. Kerana saya lihat hanya tempat-tempat tertentu sahaja yang dipilih untuk menjadi zon bersih. Kalau boleh saya ingin mencadangkan bahawa kawasan-kawasan pelancongan contohnya di Pekan Batu 18. Hari ini saya lihat di kawasan saya ini pungutan sampah begitu mengecewakan, sedangkan tempat ini merupakan kunjungan pelancong setiap hujung minggu jadi saya berharap kalau zon bersih ini masih menjadi program untuk menyelesaikan masalah kebersihan di kawasan-kawasan di dalam Negeri Selangor ini, saya mengharapkan kawasan di Pekan Batu 18 juga ditandakan sebagai zon bersih di bawah MPKJ. Jadi saya nak Tanya kepada EXCO apakah dasar pemilihan kawasan-kawasan zon bersih ini sekiranya ianya merupakan program bagi Kerajaan Negeri Selangor untuk PBT-PBT di seluruh Negeri Selangor ini. Terima kasih.

YB TUAN YAP EE WAH : Soalan yang sama saya nak sambung.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Ringkaskan soalan.

YB TUAN YAP EE WAH : Ya. Kawasan saya juga ada ujudkan zon kawasan bersih tetapi tong sampah yang diletakkan itu untuk kegunaan apa, penduduk, penghuni di sekitar sana tidak tahu. Jadi buang saja sampah-sampah atau tong sampah untuk kitar semula. Jadi rasa saya kalau boleh kita nak kitar semula kesemua sampah itu, apa salahnya cadangan saya kita adakan tong sampah untuk kitar semula selain dari apa yang diadakan buat masa sekarang. Dan apakah kriteria untuk memilih sesuatu kawasan itu sebagai zon bersih. Terima kasih.

YB TUAN LIU TIAN KHIEW : Terima kasih diucapkan kepada semua Yang Berhormat yang berminat dalam konsep zon bersih ini. Konsep zon bersih ini telah dijalankan masuk tahun kedua. Tahun pertama kita bagi kebebasanlah kepada semua PBT, kita hanya meminta setiap PBT mencadangkan memilih satu tempat yang dianggap paling kotor supaya dijadikan zon bersih dalam masa satu tahun. Dan konsep ini telah dijalankan dengan berjaya pada tahun yang pertama dan sekarang kita masuk dalam tahun kedua masuk tahun kedua kita minta kali ini semua PBT sekurang-kurangnya memilih satu tempat yang dianggap kotor tetapi mestilah merangkumi kawasan pekan. Jadi tahun pertama diberi kebebasan, tahun kedua zon bersih yang dipilih itu mestilah merangkumi kawasan pekanlah. Itu satu dan memang dalam konsep zon bersih ini kita ada beri beberapa kriteria termasuk mereka mengendalikan, cara mereka membuat laporan dan di samping itu kita ada menubuhkan satu pasukan pemantauan di peringkat negeri secara senyap-senyap kita membuat siasatan ataupun pantauan dan buat laporan supaya satu keputusan akan diambil untuk mengenal pasti mana-mana zon bersih yang berjaya menjadi zon bersih. Dan memang dalam konsep zon bersih kita ada memasukkan konsep kitar semula juga sebab itu bukan sahaja kita ada menyediakan tong sampah di semua tempat dalam zon bersih kita juga ada di beberapa tempat yang tertentu menyediakan tong

sampah dalam tiga warna untuk kitar semula seperti yang kita baru sahaja melancarkan di kawasan Sepang, di Bandar Salak Tinggi. Kita telah menyediakan beberapa tempat khasnya untuk kitar semula bukan sahaja tong sampah satu jenis tetapi, tetapi tiga jenis dalam tiga warna. Satu untuk botol, satu untuk kertas dan satu untuk besi dan sebagainya. Dan untuk kawasan pelancongan saya setuju dengan Yang Berhormat di mana pusat pelancongan kita harus mengambil setiap PBT harus memberi perhatian yang tertumpu kerana dia pusat Pelancongan. Jadi kalaulah dia pusat pelancongan kita mesti mengekalkan tempat itu bagi ataupun dengan tahap apa yang kita tetapkan untuk zon bersih. Jadi untuk pusat pelancongan saya mintalah kerjasama PBT supaya kriteria-kriteria yang digunakan untuk zon bersih juga digunakan untuk Pusat Pelancongan. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Penggulungan seterusnya dari pihak Kerajaan.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Walaupun tidak begitu ramai Ahli Yang Berhormat berbahas tentang pelaburan di Negeri Selangor di sini saya ingin memberi gulungan ringkas tentang keadaan pelaburan di Negeri Selangor. Statistik daripada MEDA itu *Malaysian Industrial Development Authority* menunjukkan bahawa Negeri Selangor telah mencapai jumlah nilai pelaburan perindustrian begitu tinggi di Malaysia iaitu sebanyak dua puluh sembilan perpuluhan bilion ringgit bagi tempoh 2008 hingga 2010. Ini merupakan nilai pelaburan yang tertinggi di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri yang lain dalam tiga tahun yang lepas. Selangor diikuti oleh Sarawak dengan jumlah nilai pelaburan perindustrian dua puluh tujuh perpuluhan enam bilion ringgit dan Pulau Pinang dua puluh empat perpuluhan enam bilion ringgit. Dalam tiga tahun yang lepas Negeri Selangor telah juga berjaya mencapai bilangan projek perindustrian yang tertinggi iaitu sembilan ratus dan lima projek dan bilangan peluang pekerjaan yang tertinggi iaitu lapan puluh ribu peluang pekerjaan berbanding dengan negeri-negeri lain pada tempoh yang sama. Sejak Pakatan Rakyat menerajui Negeri Selangor.

Puan Speaker 4 buah negara pelabur asing yang utama yang menaruh pelaburan nilai yang tinggi dalam tempoh tersebut ialah Amerika Syarikat dengan jumlah pelaburan modal sebanyak RM4.7 bilion diikuti dengan Negara Jerman dan RM3.5 bilion dan Jepun RM3.4 bilion dan Singapura RM1.8 bilion. Statistik MIDA ini menunjukkan bahawa yang dilemparkan oleh sesetengah pihak bahawa pelaburan di negeri Selangor telah jatuh sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih negeri Selangor adalah tidak berasas. Bagi tahun 2010 secara terperinci jumlah pelaburan pada tahun 2010 telah meningkat daripada RM6.7 bilion pada tahun 2009 sehingga RM10.6 bilion pada tahun lepas. Jumlah bilangan projek yang diluluskan juga meningkat daripada 278 projek pada tahun 2009 ke 325 projek pada tahun lepas. Dari segi peluang pekerjaan pula ia naik daripada 20,753 pada tahun 2009 sehingga 27,865 peluang pekerja pada tahun 2010.

Yang Berhormat Puan Speaker, Kerajaan Negeri berjaya mendapat nilai pelaburan setinggi ini walaupun Kerajaan Negeri tidak dapat memberikan sebarang insentif berbentuk kewangan kepada para pelabur yang ingin melabur di Selangor kerana sebarang bentuk insentif hanya dapat diberi oleh pihak Kerajaan Persekutuan melalui MITI atau MIDA. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui agensi pelaburan SSIC Berhad sentiasa memberikan panduan kepada para pelabur dalam membantu mendapatkan sebarang kelulusan pembangunan daripada Jabatan-jabatan Kerajaan secara percuma. Pihak SSIC Berhad akan memantau dan menyelaras Mesyuarat Teknikal bersama Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat bagi memastikan pembangunan yang dirancang oleh para pelabur dapat disiapkan dalam tempoh masa serta mematuhi Peraturan-peraturan yang ditetapkan. Bagi memperdayakan lagi pelaburan dalam negeri ini dan memberi peluang pekerjaan yang lebih baik yang lebih banyak kepada anak tempatan SSIC Berhad telah menetapkan sasaran pelaburan perindustrian kita

sebanyak RM8 bilion setahun. Kerajaan Negeri juga turut mengenal pasti beberapa strategi *line* bagi memastikan sektor perindustrian terus berkembang dan menjadi penyumbang utama kepada KDNK serta nadi penggerak ekonomi Negara pada amnya dan Negeri Selangor khususnya. Strategi seperti tersebut adalah berikut:-

1. Melaksanakan Pelan Induk Perindustrian Negeri Selangor dengan Pelan Induk Perindustrian ketiga dalam tempoh 2006 sehingga 2020.
2. Memastikan Projek Perindustrian yang diluluskan dilaksanakan oleh Syarikat-syarikat berkenaan secepat mungkin.
3. Menyelaras dan memperkemaskan lagi Pusat Pelaburan Negeri bagi membolehkan ia berfungsi sebagai Pemangkin Pembangunan Perindustrian di Negeri Selangor.
4. Mempertingkatkan usaha untuk menarik pelabur tempatan asing penglibatan Kerajaan Negeri secara langsung.
5. Mempromosikan beberapa kawasan pertumbuhan baru yang dibahagikan mengikut fokus Industri tertentu. Kawasan-kawasan pertumbuhan baru yang dikenal pasti ialah:
 - i) Selangor Science Park di Sepang.
 - ii) Selangor Automotif Belt yang merangkumi kawasan yang telah dan bakal dibangunkan bagi industri automotif di sekitar Serendah, Hulu Selangor yang telah menempatkan beberapa Syarikat Automotif yang terkenal seperti Perodua dan Tan Chong Motor. Di samping itu juga terdapat beberapa Syarikat Pengeluar Komponen Automotif untuk Proton dan Perodua turut berpotensi beroperasi di kawasan Hulu Selangor.
 - iii) Industri Aero Angkasa atau pun Aero Space Industri. Kawasan pertumbuhan bagi Industri ini tertumpu di Malaysia International Aero Space Centre MIAC di lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang. Kawasan ini menempatkan beberapa Syarikat yang menjalankan aktiviti utama dalam Industri Aero Angkasa seperti pembaikan dan pemulihan pusat helikopter, pusat penerbangan, pusat latihan aero angkasa, pusat teknologi angkasa dan pusat komersial.
 - iv) Kawasan Pertumbuhan Lembah Kelang Dua. Kawasan Pertumbuhan Lembah Kelang Dua ini melibatkan dua daerah iaitu daerah Kuala Langat dan daerah Sepang. Kawasan pertumbuhan ini meliputi projek-projek seperti Selangor Science Park II, Cyberjaya, KLIA, Aero Polis, Sepang Gold Coast, Sri Bay Morib Resort City, IOI Trade Centre dan rekreasi dan melibatkan pelaburan daripada beberapa Syarikat besar seperti Q Cell, SG... dan Mega Steel Sdn. Bhd. yang labur di dalam kawasan ini.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker, minta penjelasan.

PUAN SPEAKER : Ya. Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Puan Speaker, minta penjelasan, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya hanya memohon penjelasan kerana rata-rata apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu mungkin benar dan Alhamdulillah saya nampak memang Yang Berhormat ikhlas untuk membuat pembangunan pelaburan di Negeri Selangor. Tetapi persoalan saya adalah semua contoh-contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO ini adalah cerita lama yang telah pun diusahakan oleh Kerajaan Barisan Nasional bukan satu kerja baru yang di buat sekarang. Hanya untuk makluman Yang Berhormat juga ini menunjukkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak menganak tirikan Kerajaan Negeri Selangor walau pun di pimpin oleh Pakatan Rakyat. Saya beritahu begitu kerana nadi pembangunan Malaysia ada terletak di Selangor kerana itu siapa yang menerajui Kerajaan Negeri Selangor itu penting supaya meneruskan kesinambungan pelaburan agar ada kontinuiti dalam *development* dengan izin di Negeri Selangor. Hanya persoalan saya adalah apakah usaha Kerajaan Negeri Selangor yang telah membawa pelabur sebagai contoh YB sebagai EXCO *off-hand*. Apa pelabur nama, pelabur yang telah pun diusahakan untuk dibawa ke Negeri Selangor. Dalam masa tiga tahun menerajui kepimpinan Negeri Selangor. Itu sahaja saya minta bukan apa kerana soalan saya bukan Negara Amerika, Jepun, Korea kita tahu tapi *off-hand* kerana YB pun banyak jalan Cina, banyak China, Singapura saya tahu tapi apa kah *off-hand* satu pelabur besar yang telah pun dibawa ke Kerajaan Negeri Selangor dalam masa terdekat ini. Terima kasih.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya Yang Berhormat selama ini hanya meyakinkan saya bahawa kesemua projek yang kita lakukan ini semua usaha Barisan Nasional bagi Pakatan Rakyat tak ada apa-apa sumbangan langsung walau pun kita dapat nilai pelaburan yang paling tinggi pada tiga tahun yang lepas. Ini adalah agenda atau pun mesej Yang Berhormat, sebenarnya kawasan-kawasan yang macam saya sebutkan tadi memang adalah satu usaha atau pun dalam perancangan Negeri Selangor selama ini. Ini kesinambungan kita tak katakan apa yang ditetapkan oleh Kerajaan Barisan Nasional sebelum kami mengambil alih. Jadi kami teruskan dan mengembangkan lagi kerana kita tak boleh ubah sesuka hati. Jadi sebenarnya macam Industri Aero Angkasa Aero Space Industri. Sebelum 2008 memang Aero Space Industri ini tidak begitu rancak atau pun berkembang berbanding dengan sekarang. Tapi kita lihat yang usaha yang bersama ini juga kerjasama dengan pihak MAB Malaysia Airport Berhad ini untuk membawa masuk dan mewujudkan Aero Space Industri di sekitar Lapangan Terbang Subang. Jadi ini adalah usaha yang baru langkah baru juga tentulah dapat kerjasama dengan pihak MIDA dan sebagainya bawa masuk pelabur-pelabur ini. Dan ini usaha barulah kalau nak tahu usaha baru lagi saya lihat I-City Shah Alam sebelum 2008 ia tidak begitu banyak aktiviti tak begitu rancak berbanding dengan sekarang tapi sekarang kita lihat sekarang banyak Syarikat Antarabangsa telah pun berpindah ke I-City Shah Alam dan I-City menjadi satu tempat yang ramai pelancong suka pergi atau pun bagi orang tempatan ini adalah satu tempat rekreasi malam. Sebelum 2008 ini tidak berlaku dan saya nak sebutkan satu lagi ialah satu usaha tengah dijalankan oleh Kerajaan Negeri dan juga PKNS adalah pembangunan di Bernam Jaya. Di Bernam Jaya itu tuan tanah adalah pihak PKNS. Kami ingin tengah berusaha untuk menjadikan tempat itu sebahagian daripada Bernam Jaya sebagai International Zon Perkhidmatan dan kami nak mensasarkan pembeli property dari atau pun pemegang *sorry* peserta *Malaysia My Second Home* maksudnya mereka pelancong, pelajar atau pun peniaga dari Negara Asing mungkin dari Negeri Jepun, Korea, China dan sebagainya dan kami dengan ini semua usaha tengah dijalankan. Sebenarnya selepas ini saya ingin saya akan berbincang dengan satu rombongan dari Ming Po China yang mana satu usaha yang kami nak *follow-up* dua tahun untuk menubuhkan solar di

dekat Bernam Jaya. Semua ini masih dalam tahap perbincangan ini usaha barulah kalau Yang Berhormat sebenarnya berminat kita boleh merancang bersama-sama dan saya juga Yang Berhormat juga boleh ikut saya pergi ke luar Negara menjemput pelabur masuk ke Malaysia untuk lihat macam mana Kerajaan Negeri dan pihak SSIC bekerja berusaha membawa masuk pelabur asing.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Yang Berhormat saya nak minta penjelasan boleh? Kadang itulah Yang Berhormat pun selalu sangkal niat balik Barisan Nasional kerana permulaan bila saya bercakap tadi saya kata niat Yang Berhormat ini ikhlas untuk buat pembangunan hanya kemusykilan yang saya ada itu saya terpaksa kemukakan ke forum yang terbaik iaitu dalam Dewan Sidang pada hari ini. Tapi saya juga ialah bila dengar itu peningkatan daripada 293 bilion 2008 ke 2010 satu peningkatan yang baik tapi juga saya hairan kerana kalau Yang Berhormat mungkin melihat Audit Negara bahawa penurunan di Negeri Selangor pelaburan telah menurun jadi saya pun musykil itu sahaja. Bukan saya nak melihat tetapi saya hanya supaya angka itu konsisten dan juga kalau Yang Berhormat nak ajak saya Insya-Allah saya yakin kalau saya pergi lebih ramai saya boleh bawa. Terima kasih.

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM : Terima kasih Yang Berhormat manakah *Audit Report* itu saya tak pernah baca yang mana-mana laporan audit yang kata pelaburan di Negeri Selangor telah pun turun. Angka yang saya baca semua itu daripada pihak MIDA. Jadi laporan Audit adalah Audit Anak-anak Syarikat dan agensi Kerajaan tak kena mengena dengan pelaburan yang masuk ke Selangor.

Okey Yang Berhormat dan Timbalan Speaker saya nak ingin teruskan sedikit sahaja ucapan penggulungan saya dan bagi Kerajaan Negeri Selangor selain daripada kita nak fokus beberapa industri yang berasaskan teknologi tinggi pengetahuan intensifkan modal dan mesra alam khususnya dalam pelaburan dalam bidang bioteknologi Aviation Industri dan Solar. Jadi selain itu kita juga menggalakkan pelaburan dalam sektor perkhidmatan seperti *Business* dan *Professional Services, Integrated Logistic Services, ICT Services, Perkhidmatan Pengagihan, Education dan Training Services, Medical and Health Services, Tourism Services dan Manufacturing Related Services*. Raja Selangor selalu menggalakkan pihak tempatan PBT memainkan peranan untuk menjaga kepentingan pengilang dan pelabur. Itu sebabnya kami menubuhkan *Industrial Park Management Committee* ITMC. Di banyak kawasan perindustrian di seluruh negeri dengan panduan dari Pegawai PBT dengan adanya ITMC perhubungan di antara pihak pelabur dan pekilang di Selangor dengan pihak Kerajaan Tempatan pun bertambah mesra dan ini juga membantu mereka untuk menyelesaikan banyak masalah yang dihadapi oleh para pengilang itu dan dengan ini menambahbaikkan itu pelaburan di Negeri Selangor menerusi pelaksanaan projek-projek pelaburan dalam Industri yang digalakkan secara langsung dapat memberi peluang pekerjaan tempatan untuk meningkatkan kemahiran dalam teknologi-teknologi baru melalui proses pemindahan teknologi yang dilakukan oleh Syarikat-syarikat Multinasional. Simpulannya ekonomi Negeri Selangor masih mantap bawah Kerajaan Pakatan Rakyat di Selangor. Selangor masih merupakan destinasi pelabur No. 1 bagi pelabur asing dan juga tempatan. Sekian, terima kasih.

PUAN SPEAKER : Terima kasih seterusnya pihak Kerajaan.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Puan Timbalan Speaker dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Bukit Antarabangsa, Kota Damansara, Teratai, Rawang, Kampung Tunku, Bangi, Kajang, Sungai. Burong, Seri Setia dan Hulu Kelang yang telah membangkitkan persoalan mengenai pendidikan. Pertamanya apa yang telah dibangkitkan oleh YB Bukit Antarabangsa di mana Bukit Antarabangsa mahu Institusi Pengajian Tinggi

Kerajaan Selangor Zon Bebas Akta Represive Alkor. Kerajaan Negeri Selangor sudah bersetuju bahawa Alkor ini dan bukan sahaja represive tetapi Alkor mengakukan jasad, membekukan akal dan menggerutukan roh mahasiswa-mahasiswa. Apa tidaknya apa yang telah disebutkan oleh Seri Setia di mana beliau perlu menyamar sebagai seorang mahasiswa untuk memberikan pandangan di dalam kampus IPTA kerana mereka tidak berani untuk menjemput seorang wakil rakyat yang telah diberi mandat oleh rakyat untuk memberikan pandangan beliau dan saya sendiri selaku EXCO Pendidikan juga telah pun menganjurkan beberapa seminar dan kita sebagai satu jawatankuasa yang profesional menjemput mahasiswa-mahasiswa daripada semua IPT termasuk IPTA melalui “channel” dengan izin yang benar melalui HAP yang mula-mulanya mahasiswa-mahasiswa ini memang benar-benar mahu mengikuti dialog-dialog mahasiswa yang berteraskan ilmu secara ilmiah tetapi akhirnya telah pun dikekang dan tidak dibenarkan HAP itu sendiri. Begitu juga dengan membekukan akal di mana malangnya para intelektual tokoh-tokoh ilmuan yang berada di Institusi Pengajian Tinggi oleh kerana dengan Alkor ini mereka tidak dibenarkan meluahkan apakah sebenarnya ilmu-ilmu yang ada pada mereka “*tesid knowledge*” dengan izin yang sudah ada pada mereka untuk dikongsikan secara telus, secara sebenar secara haknya kerana ianya seolah-olah menyakiti pihak pemerintah UMNO Barisan Nasional. Tapi apa yang saya nak kongsi dengan Bukit Antarabangsa dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi kita Institusi Pengajian Tinggi Kerajaan Selangor khususnya untuk UNISEL dan KUIS di mana pada isu di mana rakyat Selangor menuntut hak air, saya bersama-sama dengan Naib Canselor UNISEL di dalam satu “*press conference*” dengan izin di mana Vice Canselor sendiri mengatakan kita tidak menghalang pelajar-pelajar yang mahu bersama rakyat menghantarkan memorandum ke Istana. Ini di antara pembaharuan yang kita lihat di dalam Institusi Pengajian Tinggi kepunyaan negeri Selangor dan juga kita telah mengupayakan semua ilmuan-ilmuan yang berada di IPT-IPT kita supaya mereka ini menyerlahkan segala potensi yang ada kepada mereka dan juga kita mahu menarik semua ilmuan-ilmuan yang sekarang berada di kongkong oleh Alkor ini dan juga pemimpin-pemimpin pelajar yang berada

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Seri Setia, silakan.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Terima kasih YB EXCO dan Seri Setia ingin mengucapkan penghargaan kerana menyentuh isu idea zon bebas Alkor yang telah diutarakan oleh Seri Setia semalam. Seri Setia ingin dapatkan komitmen daripada kerajaan negeri sebagaimana yang dicadangkan semalam kalau kita boleh buat mulakan siri wacana yang mana kita pastikan di dalam siri wacana itu kita ada wakil daripada kerajaan dan juga pembangkang. Saya ingat nak jemput Ketua Pembangkang dia sekali lagi tidak hadir pagi ini tapi saya ingat Taman Templer ada di sini Paya Jaras ada, kalau kita boleh adakan dalam tempoh sebulan dua ini kita mulakan di UNISEL, kita buat program macam itu supaya kita dapat tunjukkan komitmen dan keikhlasan kerajaan negeri dalam hal ini.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Seri Setia. Untuk pengetahuan Seri Setia, Kerajaan Selangor telah pun mendahului dialog mahasiswa ini di mana kita telah mengadakan dialog mahasiswa beberapa bulan yang lepas dan pada dialog itu kita telah menjemput Menteri Besar dan semua EXCO untuk bersama-sama dengan mahasiswa daripada pelbagai IPT, samada IPTA ataupun IPTS dan telah pun di dalam Takwim Jawatankuasa Tetap Pendidikan Tinggi di mana kita akan adakan seminar wacana ilmiah ini secara bulanan Insya-Allah. Jadi saya mengambil maklum apa yang disebutkan oleh Seri Setia di mana pihak pembangkang pun Insya-Allah kita akan jemput supaya ia benar-benar akan menjadikan satu wacana ilmiah yang profesional dan berguna Insya-Allah. Dan untuk

makluman juga itu tadi tentang UNISEL, tentang KUIS pula di mana seorang pelajar KUIS yang sudah sampai semester terakhir telah diambil tindakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi di mana PTPTN beliau telah diberhentikan begitu saja kerana kononnya beliau telah dijumpai bersama-sama di dalam sebuah kereta dalam Pilihanraya Kecil Hulu Selangor. Dan Alhamdulillah walaupun e-mel yang telah diberikan oleh PA kepada Menteri Pengajian Tinggi kepada Rektor KUIS tetapi Rektor KUIS telah bertindak secara profesional tidak melayan arahan tersebut dan meminta satu surat rasmi kepada pihak KUIS dan

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Puan Speaker, boleh mohon penjelasan sikit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok, terima kasih Puan Speaker, EXCO Pendidikan tadi saya skit mengenai UNISEL, sebab UNISEL ini di dalam kawasan DUN saya. Tadi pun tak dapat bertanya masa soalan tambahan. Saya nak minta pendapat ataupun pandangan YB EXCO bahawa

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker, dikatakan UNISEL di bawah Semenyih, tidak ini di bawah Bangi. Dan saya bantah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : UNISEL DUN Permatang, bukan Bangi. Bangi ini saya ingat tak sedar kot, ketawa... Itu Bangi saya kata UNISEL di bawah DUN Permatang, saya tak kata KUIS pun kurang dengar kot, tak apa..Apa ni saya nak Tanya kepada EXCO bahawa penjelasan mengenai nama UNISEL kepada Universiti Selangor ada persepsi di luar mengatakan bahawa penukaran nama ini, ini pandangan daripada masyarakat, saya nak minta penjelasan EXCO mengatakan bahawa tak lain penukaran nama ini untuk menutup sebahagian daripada kegagalan UNISEL.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang...tadi semasa sesi soal jawab sudah di jawab pertanyaan ini.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Belum, soalan ini. Saya nak tanya mengenai penjenamaan UNISEL. Saya nak tanya pada EXCO sekarang, ini ruang yang ada dan dalam penjelasan dan

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teruskan dan dengan apa soalan yang ...

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Ok terima kasih. Soalannya sejauh mana persepsi ini pada pandangan EXCO dalam menutup kegagalan antaranya jumlah penduduk pelajar yang semakin merosot, kerugian yang dialami oleh UNISEL hampir RM 15 juta dan sebagainya. Kalau tadi EXCO mengambil contoh UPM, Universiti Putra bertukar daripada Universiti Pertanian Kepada Universiti Putra, UITM kepada Universiti Teknologi MARA saya mengambil pandangan ini bahawa kedua-dua universiti ini sudah menunjukkan kemampuan, sudah menjadi universiti yang tersohor dalam negara kita dan sudah melahirkan graduan yang sudah menjadi apa ni menunjukkan kehebatan tetapi UNISEL belum ada apa-apa lagi. Jadi apa pendapat EXCO mengenai perkara ini bahawa hanya untuk menutup kerugian, kelemahan pentadbiran dan sebagainya. Ini persepsi rakyat, terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Permatang. Yang sensitif tentang kebajikan UNISEL dan juga prestasi UNISEL. Untuk pengetahuan Permatang, UNISEL mengalami kerugian disebabkan oleh tindakan rancangan serta tindak tanduk yang tidak

profesional oleh Kerajaan UMNO Barisan Nasional sebelum ini. Pengurusan Tertinggi oleh pihak UNISEL sebelum ini kerana segala pembinaan dan pembangunan. Segala *maintenance* penyelenggaraan yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Selangor dengan pihak kontraktor itu adalah tidak memanfaatkan langsung UNISEL dan beban itu telah diwarisi sehingga sekarang ini. Alhamdulillah dengan tindakan Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor UNISEL telah bernafas baru dan ini adalah semangat baru dengan kita membuat rebranding kita persepsi yang disebutkan oleh Permatang itu mungkin setiap perkara yang baru nak dijadikan akan mengundang pelbagai persepsi yang sama ada positif ataupun negatif. Tetapi..

YBTUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Puan Speaker, boleh saya mencelah lagi...

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Saya tak habis lagi bab-bab ini lagi. Tetapi berikanlah masa sedikit kerana untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dan Ahli YB Permatang terkemuka yang unik yang berpotensi yang boleh memajukan pembangunan yang menjadikan satu mercu tanda di negeri Selangor ini memerlukan *inertdrive* ... dengan izin daripada pengurusan tertinggi dan alhamdulillah untuk mengetahui Ahli Yang Berhormat, Naib Canselor, Timbalan-timbalan Naib Canselor merangkap Naib-Naib Presiden Keempat Naib-naib Presiden telah melalui satu kursus intensif "*past advance*" dan saya telah mendapatkan satu permohonan daripada mereka untuk memberikan latihan kursus intensif serupa dengan semua pengurusan tertinggi, Dekan-dekan dan Pengarah-pengarah di jabatan tertinggi itu. Itu adalah satu petanda yang baik di mana mereka mahu terus maju ke depan bukan terbeban dengan apa yang telah dimulakan oleh UMNO Barisan Nasional.

YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD : Seri Setia nak bertanya. Terima kasih YB EXCO, rasanya tadi YB EXCO tengah berbicara tentang lain, soal tentang Alkor dan perjalanan IPT tiba kita balik cakap penjenamaan semula yang telah dijawab sebelum ini dan Seri Setia merasakan lebih penting daripada soal jenama itu adalah soal roh ataupun tentang pengisian IPT jadi Seri Setia nak bertanya kepada YB EXCO mengapa kerajaan begitu takut kepada mahasiswa dan mereka ini dilayan seolah-olah kanak-kanak Tadika dalam soal Alkor. Kalau kita lihat di peringkat Kerajaan sendiri ada perbezaan pendapat antara Menteri Pengajian Tinggi dan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi. Timbalan Menteri ini nampak adalah sinar hidayah sikit terbuka sikit fikiran dia tapi Menteri Pengajian Tinggi tu "*deficiale mentality*" dengan izin. Jadi saya bertanya kepada YB EXCO, mengapa agaknya sikap Barisan Nasional begitu takutkan mahasiswa sedangkan mahasiswa ini ada potensi untuk menyumbang kepada negeri Selangor.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Seri Setia. Inilah satu perbezaan di antara Kerajaan Pakatan Rakyat yang melihat setiap insan sebagai aset dan mahu mengupayakan insan itu supaya menyerlah segala potensi yang ada kepada mereka termasuklah potensi akal, potensi intelek. Jadi apabila mahasiswa ini diupayakan diberikan kebebasan untuk berfikir meluahkan segala pemikiran mereka maka mereka UMNO Barisan Nasional takut segala yang mereka lakukan selama ini akan di analisa secara kritis oleh mahasiswa-mahasiswa yang daripada golongan intelek ini Alkor itu. Tapi alhamdulillah kita di Selangor jauh daripada itu jauh ke depan supaya kita lebih apa setaraf dengan orang di luar sana di secara global. Dan kita mengambil maklum, apa yang disebutkan oleh Kota Damansara yang mahu pendidikan percuma itu bersabarlah Kota Damansara apabila kita mempunyai kuasa, mandat diberi oleh rakyat menggubalkan satu dasar di Putrajaya, Insya-Allah itu adalah satu syor yang teramat baik dan memang harus kita perjuangkan. Bagi Rawang, Rawang juga mahu pelan perancangan, perancangan Sekolah Vokasional yang meliputi keperluan SJK(C) ini juga kepada Rawang di mana Insya-Allah kita sebagai Kerajaan

Pakatan Rakyat ini melihat kepentingan semua kaum, semua bangsa, semua keturunan insya-Allah. Kampung Tunku mahu peruntukan diberikan kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, Cina dan Sekolah Agama Rakyat daripada RM 16 juta itu dipertingkatkan kepada RM 17 juta hingga RM 18 juta. Hulu Kelang pula mahu Sekolah Agama Rakyat dipertingkatkan kepada RM 15 juta. Tahniah kepada semua dan juga kepada YB Sekinchan juga mahu Sekolah Agama Rakyat ini dipertingkat juga peruntukan mereka. Inilah kehebatan ADUN Selangor di mana kita lihat pelbagai bangsa pelbagai kaum juga ingin mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan, kebajikan, kemakmuran, kemajuan semua jenis sekolah ini Insya-Allah tidak ketinggalan Sekolah Agama Rakyat. Kampung Tunku juga mencadangkan kita memberi fokus kepada kawasan luar bandar Insya-Allah itu sudah pun diambil kira oleh Jawatankuasa Tetap Pendidikan. Bangi mahu kerana Bangi dan Kajang ini...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh mendapat maklumat tentang Sekolah Agama Rakyat, suara-suara apa ni tidak puas hati daripada kalangan ibu bapa tentang kelulusan pelajar-pelajar peringkat Mumtaz, begitu ramai tetapi ia 20% yang dapat menyambung pengajian. Tidak adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk mengadakan sebuah Sekolah Mumtaz untuk pelajar-pelajar Mumtaz ini. Kita didik dia dan kita salurkan ke Pusat Pengajian Tinggi kita umpamanya tadi UNISEL kekurangan pelajar dan sebagainya tidakkah ada rancangan supaya suara hati ibu bapa mereka menghantar anak-anak mereka untuk menyambung ke peringkat yang tinggi dalam bidang agama tidak tersekat. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Bangi. Memang benar kita melihat fenomena peningkatan keputusan-keputusan Mumtaz ataupun cemerlang di kalangan sekolah-sekolah kita sekolah agama kita di Selangor ini bahkan perebutan di antara calon-calon yang mendapatkan Mumtaz ini pada Sekolah Agama Menengah yang sangat terhad dan hanya 23 SMBK dan ada 2 Maahad Integrasi, Tahfiz, sains dan teknologi. Jadi kita sudah ada 2 buah sekolah menengah yang memang daripada golongan Mumtaz, yang terbaik tadi. Di samping itu, kita juga disalurkan kepada jurusan sains dan teknologi. Dan mereka ini boleh dan telah pun kita link, ataupun kita jadikan anak angkat kepada UNISEL dan KUIS. Dan ini pun telah menjadikan satu, satu, satu usaha bagi kita untuk memastikan anak-anak yang masih di sekolah menengah yang baru di tingkatan satu lagi ini sudah faceturistik, sudah melihat satu pandangan yang begitu jauh sehingga mereka ini ... insya-Allahlah. Mempunyai hala tuju yang

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Timbalan Speaker itu memanglah satu cara tapi benda ni, jambatan untuk mereka sambung ke peringkat Universiti itu agak, masih panjang. Sejak lulus Mumtaz benda ini rendah, didikan menengah dan sebagainya. Tidak kah ada umpamanya cara selain kita mungkin tidak mampu mengadakan sekolah-sekolah agama menengah dengan banyak. lalah kita galakkan, apa ni, pihak swasta mendirikan Sekolah Menengah Agama ini dengan bantuan kita. Ini bagi meringankan bebaskan kita, swasta dapat peluang mengadakan sekolah-sekolah menengah yang baiklah jangan lebih kurang sahaja dengan bantuan kita, dengan bimbingan kita, barangkali dengan kerjasama kita separuh-separuh dengan pihak swasta. Swasta dapat faedah dan kita pun dapat faedah dengan tidak mengeluarkan satu peruntukan yang besar yang di luar kemampuan. Sekian terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Bangi, untuk makluman kepada ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Bangi dalam tempoh tiga (3) tahun kerajaan Pakatan Rakyat Selangor menerajui negeri Selangor ini, alhamdulillah Sekolah Menengah Rakyat telah pun kita naiktarafkan, kita upayakan sehingga kita jemput semua Sekolah Agama Rakyat ini yang dikendalikan oleh NGO-NGO selama ini. Kita masukkan mereka ke dalam satu majlis

permuafakatan Institusi Pendidikan Islam Selangor (MAPIS) yang telah sah berdaftar. Dan Alhamdulillah, ekoran daripada itu mereka telah berjaya mendaftarkan seperti YPIS di Kelantan yang dinamakan Yayasan Pendidikan Islam Selangor yang diluluskan oleh menteri kewangan dan juga R.O.C. insya-Allahlah. Jadi ini, mereka ini akan menjadi satu badan bagi pihak kerajaan yang akan tertumpu kepada menaik taraf dan juga menampung keperluan-keperluan dan melihat secara keseluruhan keperluan pendidikan khususnya daripada kalangan sekolah agama ini di Selangor ini, insya-Allahlah. Dan makluman juga,

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Sijangkang ingin mencelah.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Sila. silakan.

YB TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI : Terima kasih, Saya ingin bertanya mengikut statistik pada tahun 2011 di seluruh Selangor bilangan pelajar-pelajar yang memohon untuk memasuki sekolah tingkatan satu sejumlah 17 068 orang dan kita hanya mempunyai sekadar 3361 untuk pelajar-pelajar ini diterima di Sekolah Menengah Agama. Saya ingin mendapat daripada Kerajaan Negeri kalau pada suatu ketika dahulu sudah di war-war kan bahawa negeri akan mendirikan sebuah Sekolah Menengah Agama yang berbentuk teknik ataupun vokasional. saya mahu apakah statusnya sehingga ke tahap ini, perancangan-perancangan yang telah di war-war kan satu ketika dahulu. Terima kasih.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Sijangkang. Untuk makluman Sijangkang untuk mengadakan satu Sekolah Menengah Vokasional sudah tentulah ia melibatkan satu kerjasama yang baik daripada Kementerian Pelajaran dan juga daripada segi pelajaran itu sendiri mereka mempunyai perancangan sendiri, iaitu Sekolah Menengah Vokasional yang biasa bukan beraliran agama, tetapi Insya-Allah kita akan cuba membawa balik ke Kementerian Pelajaran untuk dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran supaya Sekolah Agama Menengah Vokasional, Insya-Allah kita boleh merealisasikan di Selangor ini insya-Allah tapi untuk makluman tambahan Bangi itu tadi di mana kita selain daripada Sijangkang, selain daripada kita ada 3361 sahaja yang boleh diterima masuk di dalam Sekolah Agama Menengah 17 ribu walaupun cemerlang walaupun janji dan tidak boleh masuk kita telah ada satu pilot projek yang baru di mulakan pada Februari, 7 Februari 2011 iaitu Sekolah KAFA Menengah di mana mereka ini insya-Allah akan layak menduduki peperiksaan SMA. Sila Kajang

YB TUAN LEE KIM SIN : Terima kasih Puan Timbalan Speaker dan EXCO. Kajang ingin bertanya, kita dapati banyak sangat, bukan banyak sangatlah, banyak Sekolah Agama Rendah (SAR) dan juga Sekolah Agama Integrasi KAFA yang berada di taman-taman dan juga sekitar di tempat kediaman. Keadaan, ada di antara kurang memuaskan. Adakah pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk kumpulkan kesemua sekolah integrasi KAFA sebegini dan juga sekolah agama, adakah wujudkan sekeping tanah untuk membina sebuah Sekolah Rendah Agama dan masukkan kesemua ini ke dalam satu badan sekolah-sekolah KAFA, Sekolah Agama Rakyat yang kurang pemantauan pada saya. Saya nampak, saya pergi melawat, memang nampak kurang pemantauan dan memang bermasalah. Dan di Kajang, memang sudah wujud contoh sebegini seperti di Sungai Jelok telah ditubuhkan satu Sekolah Rendah Agama, sekeping tanah kecil sudah diwujudkan dan Sekolah KAFA di minta pindah ke situ tapi namanya masih Sekolah Integriti KAFA. Jadi saya minta penjelasan yang lebih jelas.

YB PUAN DR. HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih Kajang, Inilah di antara masalah-masalah yang terjadi di mana perancangan yang tidak rapi menyeluruh, yang holistik dari pihak kerajaan sebelum ini menyebabkan KAFA ini dibenakan oleh rakyat yang dirasakan mereka memerlukan pendidikan agama di kalangan anak-anak mereka. Jadi ia dimulakan dan dicetuskan oleh

inisiatif daripada rakyat itu. Kalau sebelah masjid, sebelah masjid lah! Kalau sebelah surau, sebelah surau lah! Kalau dalam taman, dalam taman ada setengah-tengahnya di dalam rumah kedai, jadi ini yang berlaku. Sekarang ini kita membuat pangkalan data, melihat secara menyeluruh. ini pun belum lengkap lagi. Di seluruh Selangor ini bagaimanakah keadaannya sebelum kita menganalisa dan merancang dengan lebih baik, lebih teratur dan bersistematik, supaya boleh kita jalankan dengan lebih baik dan boleh dipantau dengan lebih berkesan sama ada oleh Jabatan Agama Islam Selangor. Untuk pengetahuan, Sekolah Agama Rakyat tidak berada di dalam senarai di dalam Jabatan Agama Islam Selangor. Jadi, insya-Allah apa yang disebutkan oleh Kajang, memang baik dan kita boleh melihat, kita akan bersama rakyat dan kita mendengar apakah permintaan mereka dan apakah keperluan mereka. Sama ada mereka tetap bagi mereka ataupun tidak. Dan Kajang juga menyebut tadi, orang asli mungkin ada kurikulum yang khas *home schooling* dan sebagainya tapi ini adalah satu, satu penambahan oleh EXCO yang berkenaan, tadi bukan satu menjadikan satu trip (dengan izin) pada Kementerian Pelajaran. Sungai Burung mengadu fasal Yayasan Selangor yang dikatakan rugi dan sebagainya, tapi apa yang saya hendak sebutkan pada ahli-ahli Yang Berhormat ialah selain daripada kerugian atau isu yang diperbesarkan daripada Barisan Nasional mengenai Yayasan Selangor ini, kerana sebelum ini pun Yayasan Selangor memang mengalami banyak kerugian semasa kerajaan UMNO Barisan Nasional memerintah memang banyak pun kerugian segala kontrak, segala *business* bil memang mengalami banyak kerugian bukan sekarang sahaja. Apa yang sekarang Yayasan Selangor akan menumpukan kepada pelajar-pelajar yang di bawah asrama Yayasan Selangor itu sendiri yang menerima biasiswa Yayasan Selangor itu sendiri di mana mereka akan diberikan satu tumpuan khas untuk bersama-sama kursus yang akan dikendalikan oleh pakar matematik, *mate* (dengan izin) sains dan sebagainya. Dan mereka juga akan didedahkan dengan *brandmating* yang tidak pernah dilakukan sebelum ini untuk mempertingkatkan lagi pencapaian pelajar-pelajar Yayasan Selangor ini. Dan Hulu Kelang kata mahu apa ya, mahu pendekatan. Saya rasa itu sahaja Puan Timbalan Speaker .

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Penggulangan seterusnya.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Terima kasih Puan Timbalan Speaker. Kepada soalan yang telah dibangkitkan oleh YB Subang Jaya dengan kesihatan tempat-tempat pemakanan. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Kesihatan sentiasa memantau isu kebersihan kawasan-kawasan dan tempat-tempat makan seluruh di negeri Selangor. Kita selalu mengadakan mesyuarat tentang dengan Pengarah-pengarah Kesihatan dari semua PBT. Masalah tikus sering kali dikaitkan dengan kebersihan di sesuatu kawasan. Bagi memastikan sesuatu kawasan itu bebas dari tikus, wajar bagi setiap pemilik premis makanan ia sendiri kena memastikan kawasan dia bersih . So, untuk itu kita telah adakan syarat-syarat tertentu dengan mengeluarkan lesen-lesen makanan kepada semua gerai-gerai, kedai-kedai makanan yang terlibat dengan industri makanan. Kalau syarat itu tidak diikuti beberapa tindakan telah pun diambil dan akan diambil di atas pemegang lesen di premis-premis masing-masing. Baru-baru ini di bandar Klang kita telah pun sita dan tutup lapan (8) kedai makanan yang tidak mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Jabatan Kesihatan di bandar Klang, dan ini akan diteruskan di semua kawasan tetapi kita pun disyorkan di sini di bawah kerjasama pemegang-pemegang lesen pun kita kena pastikan. Kalau mereka tidak beri kerjasama dengan PBT malangnya kita akan mengambil tindakan keras kepada sesiapa-siapa pun yang melanggar syarat yang ada, yang ditentukan oleh PBT. Dengan isu ... ini pun berkenaan dengan haiwan liar seperti tikus dan sebagainya. So, untuk ini kita telah mendapatkan banyak aduan dari khususnya dari pelancong-pelancong keluar pada musim percutian sekolah di lokasi air terjun ataupun sungai yang dijadikan rekreasi untuk meletakkan notis amaran. Ini saya telah keluarkan satu kenyataan notis amaran tersebut adalah untuk mengingatkan kepada pengunjung-pengunjung berhubung bahaya wabak tercemar dari

bakteria yang di bawa oleh haiwan liar yang menjadikan air sungai di kawasan rekreasi itu ini sebagai sumber minuman. Dan kita dapat beberapa tempat yang ada dan kita ada, dan telah pun mengambil tindakan-tindakan sewajarnya untuk kawasan-kawasan ini. Kepada

YB TUAN LEE KIM SIN : Puan Timbalan Speaker, mencelah dan minta penjelasan. Kajang ingin bertanya kepada EXCO mengenai kesihatan ... yang memang satu ketika merupakan satu penyakit yang mengancam di kawasan-kawasan perkelahan dan di Kajang di bawah MPKJ dan Hulu Langat kita dapati memang banyak kawasan pelancong-pelancong air terjun, kolam dan sebagainya, juga perhatian juga pusat-pusat di mana terdapat ada Pusat Khidmat Negara, kawasan-kawasan memang yang sentiasa berlaku kes-kes ... Jadi apakah tindakan yang konkrit ya, daripada Kerajaan Negeri dan bersama dengan Jabatan Kesihatan untuk mengambil tindakan untuk memastikan kawasan-kawasan perkelahan dan juga kawasan-kawasan di pusat latihan dan juga *resort* yang di tepi sungai ini, ia adalah selamat. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Yang Berhormat saya minta supaya disambung selepas 2.30. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan 1.00 tengah hari dengan itu saya menangguhkan dewan ini sehingga 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Dewan disambung semula.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM : Puan Speaker, kepada soalan dan yang ditanya oleh Paya Jaras kelmarin tentang Sekolah Tamil Midlands di Seksyen 7 Shah Alam. Saya nak bagi sedikit butiran kepada dewan ini tentang sekolah ini. Sekolah ini telah wujud dari 50 tahun, 100 tahun lebih dengan bila ada ladang di dalam kawasan itu. Pada waktu itu bila ladang itu telah dimiliki oleh Private Enterprise yang telah dibeli oleh PKNS lepas tu dijual kepada pemaju pada masa itu sekolah itu ditolak kiri kanan kepada beberapa tempat. Akhir sekali tanah yang mereka ada sekarang pun dikatakan tanah sementara dan dibahagi tanah 4 ekar di ICT. Bila kita buat kajian tentang budak-budak belajar dari sekolah itu mereka minta keseluruhan Persatuan Ibu bapa dan Ibu-ibu sekolah itu, minta sekolah itu ditetapkan di kawasan yang mana mereka ada sekarang, sebab kalau kita bina sekolah itu di ICT ramai yang belajar di dalam sekolah ini ialah dari keluarga berpendapatan rendah dan sekarang mereka pun di beban dengan bayaran tambang bas sekolah kepada sekolah itu memang tinggi dan kalau kita bina sekolah di ICT memang mereka akan ada kesusahan untuk bayar sekolah di kawasan itu. Pasal itu kerajaan Pakatan Rakyat mengambil inisiatif untuk bawa sekolah itu kepada tanah yang ada sekarang. Tetapi sebelum kita melakukan ini semua kita ikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Shah Alam dan juga peraturan-peraturan yang ada di dalam negeri. Yang itu kita telah pun ada satu pendengaran awam dan juga kita telah pun lihat tempat itu dan saya diberitahu ada tiga orang yang datang untuk membuat bantahan. Bukan macam mana Paya Jaras kata ada ramai-ramai yang bantah tentang sekolah itu. Sekolah itu dibina di sana sebab kemudahan itu lebih senang untuk orang-orang yang ada di kawasan itu untuk dapatkan kemudahan itu dan kita telah bincang dengan ICT untuk bantu dengan pembinaan sekolah juga. Dan kita syorkan bahawa sekolah itu akan dibina dengan kelas 20 darjah dengan 1 makmal, dia ada dewan dan sebagainya dan hujung tahun ini dia akan siap. Dan kita akan bagi semua bantuan untuk pembinaan sekolah ini. Tapi bila katakan kita nak nilai harga tanah di CIT dengan harga yang diberikan kepada sekolah ini, saya ingat itu tak muncul sebab semua pemaju-pemaju di seluruh Malaysia ataupun di Selangor bila mereka bagi tanah-tanah untuk sekolah-sekolah Kebangsaan dan sekolah dibenakan mereka bukan nilai harga tanah. Kalau macam itu kalau mereka mula nak nilai harga tanah saya nak minta Paya Jaras tahukah dia untuk Sekolah Tamil Efingham Bandar Utama ini pemaju telah bagi 6 ekar tanah kepada sekolah Tamil di sana. Siapa yang ambil 3 ekar tanah dan bagi Sekolah Tamil 3 ekar tanah sahaja. Dato' Sri Samy Vellu yang ambil 3 ekar tanah yang diberikan oleh pemaju untuk bina Sekolah Tamil tetapi ambil 3 ekar tanah di atas nama dia sendiri dan benakan 3 ekar tanah sahaja. Kalau kita nilai harga tanah di Bandar Utama dengan di ICT sekarang harga tanah Efingham di Bandar Utama lebih dari 50 juta harga dia tanah itu. Kita tidak bolehlah bawa hujah-hujah di dalam dewan itu katakan kita nak nilai harga tanah beberapa harganya dan sebab apa harga itu diberi. Nilai itu kalau ada di dalam atau pun di atas kertas sahaja. Kita tidak boleh bawa nilai itu sebagai satu untung kepada siapa-siapa. Semua tanah di seluruh Negeri Selangor sekarang ada nilai, kita tidak boleh banding begitu, kita buat apa yang kita katakan bawa kemudahan untuk penduduk di dalam kawasan itu. Untuk selaraskan dengan padang yang ada pada masa itu akan dinaik taraf kepada satu padang yang lebih sesuai untuk kawasan itu, orang-orang di dalam kawasan itu akan dapat kemudahan-kemudahan untuk di dalam kawasan itu, kita akan janji akan di siap bina untuk kawasan itu. Itulah satu jawapan yang saya nak bagi, Paya Jaras saya nak beritahu juga tentang Sekolah Tamil ini di Midlands, saya, kita di STANCO prihatin dan juga STANCO

sama bekerjasama dengan STANCO Pendidikan, Paya Jaras pun di dalam kawasan dia pun saya tidak tahu Paya Jaras tahu berapa Sekolah Tamil ada ke tak da, tapi dua-dua sekolah di kawasan Paya Jaras Kerajaan Negeri telah bantu Sekolah Tamil itu yang itu SJKT Saraswathi dari 2009 sampai 2011 kita telah belanja 113,000 ringgit untuk Sekolah Tamil itu oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Untuk Sekolah Bukit Darah di Paya Jaras kita telah belanja 70,000 ringgit untuk pembinaan darjah dan sebagainya. Ini saya nak beritahu ini semua dimulakan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Sebelum ini tidak ada Kerajaan Barisan Nasional yang bantu sekolah-sekolah Tamil melalui bajet yang dikeluarkan oleh negeri. Pertama kali negeri keluarkan bajet 4 juta ringgit untuk sekolah-sekolah Tamil.

Kepada Soalan dari Bangi tentang rumah prihatin yang telah pun kita bina di seluruh Negeri Selangor memang saya ambil cadangan yang diberi oleh Bangi, katakan kemiskinan kebandaran ini memang meningkat di dalam kawasan kita. Saya prihatin kepada situasi ini, saya tahu saya faham tetapi kita kena kerja dengan bajet yang ada saja dengan Kerajaan sekarang. Bajet yang dikeluarkan oleh kerajaan untuk rumah prihatin ialah 6 juta ringgit yang kita ada tiap-tiap tahun. Syarat-syarat yang ditentukan sekarang ialah syarat yang dulu di mana kita bagi tumpuan kepada rumah-rumah PPRT ini di luar bandar bukan di dalam bandar. Sekarang kalau kita tukar dan kita nak bagi prioriti sikit kepada rumah-rumah yang akan dibina di dalam kawasan di dalam bandar saya ingat cadangan yang dilontarkan oleh Bangi dan beberapa YB-YB sekalian, kita akan kaji dengan apa yang telah disebutkan untuk kita membeli rumah-rumah kos rendah ini sekarang yang dilelong dari kos lebih, kurang dari apa yang dijual dan kita boleh kaji dan tengok macam mana kita boleh gunakan kos ini. Sekarang satu kajian baru yang kita buat ialah kita minta semua Pejabat Tanah untuk pastikan sebuah tanah di kawasan masing-masing yang boleh digunakan untuk orang-orang yang tidak mampu untuk beli rumah kos rendah dan kita kena bina rumah PPRT di atas tanah-tanah itu yang disyorkan yang dikeluarkan untuk rumah prihatin Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor. Itu sahaja.

Akhir sekali saya nak sentuhkan dengan soalan yang ditanya oleh Kota Alam Shah tentang keadaan orang-orang tanpa surat beranak dan juga kad pengenalan. Saya nak beritahu dewan ini bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat sekarang telah pun mengadakan satu pejabat yang bernama MYSELF ini di MPK Plaza, Klang di mana ini dipengaruhi penuh oleh Kerajaan Selangor dan ini ialah untuk bantu semua yang ada masalah dengan surat beranak mereka atau pun kad pengenalan. Ini kita telah mula 2 tahun sebelum ada program yang dikeluarkan baru-baru ini tetapi ini bukan satu masalah senang yang boleh kita atasi tetapi sampai sekarang pejabat ini telah dapatkan permohonan sampai 332 orang yang datang kepada pejabat, kita telah pun *application* yang katakan *successful* yang telah jaya yang telah 18 orang sahaja tetapi kita ada *application* masuk kepada Putrajaya 142, *pending application* ada 74 dan juga *follow up* yang kita buat adalah dekat 102 tetapi ada 98 pun kita kena *withdraw* dia tidak ada borang-borang atau pun kertas-kertas yang lengkap. Ini ialah satu lagi yang kita lakukan di bawah Standco prihatin untuk kita bantu orang-orang yang ada masalah dengan surat beranak atau pun tidak ada kad pengenalan. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Kota Anggerik.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Puan Speaker, Y.A.B. Tan Sri Dato' Menteri Besar, saya ucap terima kasih banyak kepada Bukit Antarabangsa, Sekinchan, Kg.Tunku, Kuang yang bagikan portfolio saya. Sri Serdang yang juga Ketua Pembangkang membahaskan soal integriti. Sri Serdang tidak layak untuk bahaskan integriti kerana dia sendiri berbohong tanpa pengundi di kawasan Sri Serdang dengan gelaran Dr. Phd. Yang dimilikinya. Saya rasa Ketua Pembangkang ini boleh tukar orang lain kerana dia selalu ponteng dalam dewan ini mungkin Taman Templer lebih layak untuk jadi Ketua Pembangkang.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Boleh Bangi mencelah. Bagaimana kita boleh dapat buktikan bahawa dakwaan Phd. Itu sebenarnya tidak betul.

YB TUAN HAJI YAAKOB BIN SAPARI : Bangi, saya dapati dalam poster-poster pilihan raya di Serdang, poster, kain rentang bahkan rehal dalam masjid dan surau ditulis Dato' Dr. Sedangkan kita tahu bahawa orang Serdang tahu dia tak ada *first degree* pun dan bagaimana boleh Phd. Tanpa *first degree* dan saya rasa ini satu pengkhianatan pada dunia akademik. Seterusnya ekonomi hari ini tidak sama dengan 20 tahun yang lalu program usahawan, konsep payung yang pernah dipelopori oleh Guthrie atau usahawan vendor yang dipelopori oleh Proton, Produa, TNB Telekom telah berlalu kerana mereka telah mempunyai vendor masing-masing. Sesuai dengan era *knowledge* ekonomi dan *knowledge society*. Fokus utama ialah biotec, IT dan *knowledge pronoun*, dengan kerjasama INPENS akan dibangunkan usahawan teknor ataupun *teknor pronour*. Dengan kerjasama universiti yang dibangunkan *knowledge inipronour*. Usahawan *biotec* juga dibantu seperti usahawan-usahawan dalam bidang herba melalui PKNS program-program yang masih dilaksanakan ialah program vendorpayung, sub kontraktor bumiputera, pembelian penyewaan premis perniagaan di kompleks perniagaan swasta, program usahawan muda permata Selangor, program perintis usahawan PPU, akademi MPBB, PKNS, Kelab Permata Selangor dan terbaru ialah program fisher PKNS. Ada lagi yang dijalankan ialah *vio office* PKNS. Adapun program di bawah berkaitan dengan cadangan Sekinchan supaya sms selektif secara bersistem untuk hutan paya gambut Raja Musa yang mana konsesi pembalakan telah dikeluarkan. Jika dibandingkan pendapatan dan pembalakan dan kerosakan akibat pembalakan kos kerosakan pada alam sekitar lebih tinggi lagipun kawasan ini sensitif untuk kawasan padi di kawasan Kuala Selangor Sabak Bernam. Jadi, saya cadangkan supaya selektif *manager* sistem ini tidak dilaksanakan. Berhubung kebenaran dengan pekerja asing untuk lesen nelayan permit B dan C, itu adalah di bawah bidang kuasa Imigresen. Saya sedia menulis surat kepada pihak berwajib tiada jaminan untuk kelulusan ini. Berkaitan dengan cadangan untuk saya turun padang kesemua kampung-kampung tradisi untuk makluman, di Selangor terdapat 368 kampung tradisi. Saya cadangkan pusat khidmat DUN masing-masing membuat program untuk menghubungkan kampung-kampung ini dan saya sedia untuk turun. Untuk makluman Kuang (Kuang tidak ada hari ini), rekod PTD Kuala Langat tanah ini bukan rizab orang asli. Semalam Kuang bangkitkan kata ada 1200 ekar yang di ceroboh tanah orang asli. Rekod mengatakan tanah tersebut bukan lagi rizab orang asli. Ia adalah sebahagian hutan simpan Kuala Langat Utara yang dibatalkan gazet rizab bagi tujuan melombong timah iaitu meliputi kawasan MC4, MC5, MC6, MC8 dan MC10. Adapun lombong-lombong yang ada di situ adalah lombong-lombong timah yang lalu. Bekas lombong yang ada adalah lombong timah. Zaman kerajaan UMNO dan Barisan Nasional. Lombong KSSB hanyalah 120 ekar di atas lot PT 28750 dan lot PT 24578 bukan 1200 hektar seperti yang disebut oleh Kuang. Lombong ini adalah di atas tanah PKPS. PKPS diberi kebenaran kepada KSSB untuk melombong. Tanah telah diberi milik kepada PKPS dan operasi KSSB adalah mengikuti peraturan jabatan teknikal.

Sungai Pelek usah terpesona dengan gula-gula...

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Saya hanya ada satu soalan yang ringkas sahaja iaitu sebenarnya isu tentang hutan simpan kekal Kuala Langat dan soalan berkenaan dengan rizab orang asli ini telah dibangkitkan dan diungkit dengan sengaja oleh Utusan Malaysia beberapa minggu lepas. Jadi persoalan saya ialah kalau kita mempunyai statistik-statistik seperti ini mengapa kita tidak lakukan satu sidang media atau satu kenyataan daripada kerajaan negeri untuk membalas tuduhan-tuduhan yang tidak berasas ini. Dan mengapa kita perlu tunggu sehingga hari ini baru nak diperjelaskan sebab kita sudah terlambat.

Dan sepatutnya selepas sehari atau dua hari isu ini dibawa dalam Utusan Malaysia. Kita perlu *reply* dan debat segala bentuk persoalan yang dilemparkan kepada kita.

YB TUAN HJ. YAAKOB BIN SAPARI : Kita maklum Utusan Malaysia ini selalu buat berita tak tepat. Kuang mengambil *quotation* daripada Utusan Malaysia. Penjelasan berkenaan lombong di kawasan Kuala Langat Selatan ini telah banyak kali dijelaskan. Tapi media Utusan Malaysia selalunya tidak bersama dengan kerajaan negeri. Saya sebut tadi bahawa Sungai Pelek usah terpesona dengan gula-gula 1 Malaysia. Percayalah, berhenti Dato' Seri Najib jadi Perdana Menteri 1 Malaysia akan terkubur sama. Macam nasib Islam Hadhari. 1 Malaysia tidak bersifat universal. Ia bukan satu universal *values*. Ia hasil nasihat APCO untuk dijadikan gimik politik sahaja. Tapi keadilan bersifat universal. Sejak dulu sampai bila-bila. Keadilan diperlukan. Bukan 1 Malaysia. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Penggulangan seterusnya. Batu Tiga.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Puan Speaker, terlebih dahulu patik menjunjung kasih di atas titah Tuanku yang patik sebagai wakil kerajaan mengambil maklum nasihat dan tunjuk ajar Tuanku mengenai kelola baik menjadikan Selangor contoh realiti masyarakat pelbagai bangsa dan harmonis berlandaskan pemikiran dan tindakan selaras dengan perlembagaan Malaysia dan akan mendukung prinsip-prinsip profesionalisme akan dijadikan panduan pentadbiran dan pengurusan. Perancangan dan pelan-pelan tindakan yang telah diatur dalam portfolio patik.

Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih kerana Yang Berhormat telah menyentuh dan memberikan pandangan-pandangan isu-isu berkaitan dengan jawatankuasa di bawah saya juga membangkitkan beberapa perkara untuk penjelasan kepada Yang Berhormat sekalian. Ingin saya menjawab isu-isu yang berkaitan dengan isu-isu kebajikan khususnya kepada Seri Serdang yang kononnya janji yang belum nampak tempoh satu penggal pemerintahan adalah boleh sehingga 5 tahun. Untuk makluman terutamanya pembangkang, 5 tahun itu pastinya kerajaan akan melaksanakan ia secara berperingkat-peringkat manifesto tersebut. Pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat sekarang bukan macam kerajaan Barisan Nasional yang kalau mimpi dia terus buat. Kerajaan Pakatan Rakyat telah ambil maklum bahawa manifesto perlu dilaksanakan bersama dengan memikirkan kaedah untuk menyampaikan manifesto ini. Cuba pembangkang namakan program-program seumpama Merakyatkan Ekonomi Selangor yang telah dilaksanakan oleh kerajaan Barisan terdahulu?. Namakan program-program rakyat semasa pemerintahan dahulu. Penelitian saya kalau ada pun ia berbentuk ad hoc atau mengambil apa yang dicadangkan di peringkat persekutuan sahaja. Itu pun tidak sempurna. Tetapi ingin saya nyatakan mengikut fakta yang ada di depan saya ini pada tahun 2007 dengan perbelanjaan sebanyak RM 1.15 bilion yang telah dikemukakan semasa kerajaan Barisan Nasional, peruntukan untuk program untuk merakyatkan ekonomi atau yang terus kepada rakyat hanya RM 1.872 juta. Kalau kita tengok pada program Pakatan Rakyat sekarang saban tahun ia meningkat. Pada tahun 2008 peruntukan diletakkan sebanyak RM 68,674,732.00. Pada 2009 meningkat kepada RM 161,957,633.00 dan seterusnya 2010 peningkatan sebanyak RM 147,584,300.00. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat begitu prihatin kiraan saya pada manifesto yang telah dikeluarkan pada pilihan raya yang ke 12 hari itu daripada 25 manifesto yang telah dicadangkan 17 telah dilaksanakan dalam masa 3 tahun sahaja. Alhamdulillah.

Dan yang terkini untuk makluman Yang Berhormat bantuan rumah tangga telah pun dilaksanakan kepada kita punya pemuda-pemuda. Di daerah Klang baru-baru ini kita laksanakan perkahwinan pasangan 44 orang dan ini semua Alhamdulillah telah dilaksanakan. Saya rasa apa yang dibicarakan oleh Seri Serdang adalah sesuatu yang tidak munasabah.

Ingin saya nyatakan di sini bahawa satu lagi program yang bagaimana kerajaan negeri Selangor sekarang ini begitu mengambil berat tentang *return of investment* dengan izin atau jumlah yang kita peruntukan kepada sesuatu program itu. Contohnya satu program yang telah dilancarkan tahun lepas iaitu skim kesihatan wanita. Kempen memo gram percuma sempena kempen sejuta wanita sihat. Kita lihat sahaja peruntukan sebanyak RM 388,000,910.00 itu telah mendapat kesan yang baik kepada 4319 wanita. ROI adalah RM90. Jika dibandingkan dengan program yang lebih kurang sama dilaksanakan oleh LPPKN di bawah Kementerian Pembangunan Wanita jumlah RM 29 juta telah diperuntukkan hanya untuk program memo gram yang mendapat manfaat seramai 12,000 orang wanita sahaja dalam tempoh 7 tahun. Perbezaan yang begitu ketara sekali.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker, Bangi ingin bertanya dari segi skim kesihatan ini mengapa ditumpukan kepada wanita sahaja. Orang lelaki pun ada sakit. Bahkan dari segi statistik orang lelaki lebih awal meninggal dari wanita. Sepatutnya diberikan juga perhatian kepada veteran-veteran dan orang yang berusia lanjut ni. Terima kasih.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Terima kasih Bangi. Bangi begitu prihatin tentang kesihatan. Bagi saya ingin saya bicarakan tentang manifesto kerajaan Pakatan Rakyat yang pada ketika itu manifesto itu mengatakan membawa skim kesihatan wanita percuma. Jadi saya rasa memang wajar kaum lelaki juga mendapat perkhidmatan ini tetapi sebenarnya program skim perkhidmatan percuma ini kenapa dipilih program kesihatan wanita memo gram ini kerana barah payudara ini risiko pembunuh wanita nombor satu. Jadi Insya-Allah diberikan rezeki yang lebih mungkin pandangan dari Yang Berhormat Bangi boleh dipertimbangkan. Insya-Allah. Jadi, apa yang ingin saya nyatakan saya ingin teruskan Yang Berhormat Puan Speaker bahawa saya mengharapkan supaya ia dapat berterusan sebab itu saya yakin Yang Berhormat Sekinchan sedia maklum dan gembira tentang perkara yang telah diutarakan. Tetapi saya juga ingin menegaskan bahawa kempen satu juta wanita sihat ini saya harap dapat dilaksanakan dengan baik oleh semua Yang Berhormat di kawasan masing-masing.

Berkaitan dengan isu yang begitu mungkin mengambil minat ramai iaitu isu berkaitan dengan Internet dan WIFI yang saya rasa ia wajar ditimbulkan memandangkan keperluan perkhidmatan jalur lebar WIFI ini merupakan satu perkhidmatan yang perlu dan ia perlu dilaksanakan dengan lebih teliti. Menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Bukit Antarabangsa izinkan saya memperjelaskan status terkini berkaitan dengan perkhidmatan *Wireless* Selangor. Perkhidmatan *Wireless* Selangor yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan negeri Selangor dengan dipacu oleh beberapa kaedah. Pertamanya dengan penglibatan kerajaan negeri Selangor sendiri yang mana kerajaan negeri akan menampung kos permulaan bagi penyediaan infrastruktur projek *Wireless* Selangor ini dan seterusnya dengan kerjasama penuh pihak PBT iaitu Pihak Berkuasa Tempatan yang akan bersama-sama menampung kos projek ini di dalam kawasan terlibat pada tahun-tahun berikutnya. Keduanya program *Wireless* Selangor ini dilaksanakan dengan kaedah PFI dengan izin *Private Financial Initiative* yang mana usaha ini digerakkan dan sedang berjalan oleh pihak swasta terutamanya dengan pihak yang mempunyai lesen ISP daripada SKMM ataupun Suruhanjaya Komunikasi Multi Media. Ketiganya projek ini dengan kaedah penglibatan pihak korporat dan juga anak syarikat kerajaan negeri di dalam program CSR dengan izin *Corporat Social Responsibility* seperti yang dilaksanakan di bangunan Kompleks PKNS Shah Alam yang mana perkhidmatan WIFI secara percuma telah pun diberikan di bangunan kompleks PKNS. Manakala penglibatan pihak korporat di dalam program ini masih dalam perundingan. Satu kajian tentang perkhidmatan WIFI di negara ini menunjukkan bahawa Selangor merupakan negeri terbanyak saya ulangi negeri terbanyak bilangan lokasi *hot spot* yang diletakkan iaitu sebanyak 2849 mendahului Wilayah Persekutuan sebanyak 1759. Walaupun dicatatkan sebagai menduduki tempat ketiga di dalam penebusan

jalur lebar selepas Pulau Pinang dan Melaka. Ia menunjukkan bahawa keperluan itu mendesak 2849 itu hanya mampu meletakkan Selangor ke tahap atau peringkat ketiga. Ini memandangkan jumlah penduduk di Selangor ini sebanyak 5.2 juta. Kalau kita bandingkan dengan Pulau Pinang hanya 1.4 juta dan Melaka sebanyak 726,395 orang sahaja. Oleh itu kalau saya bacakan semua laporan dari Kementerian Komunikasi dan Multi Media suku keempat 2010 boleh dikatakan Selangor berada di tahap yang baik dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Dengan penglibatan kerajaan negeri dan juga kerjasama penuh dari PBT khususnya juga dari pihak PFI dan CSR saya yakin projek *Wireless* Selangor yang pada mulanya dijangkakan dicapai sepenuhnya pada 2015 Insya-Allah akan dipercepatkan.

Berikutnya soalan daripada Bukit Antarabangsa yang ingin mengetahui situasi projek HIWIN. Saya ingin menyatakan di sini hasrat kerajaan untuk mencapai visi pemberian capaian internet jalur lebar pada semua rakyat tanpa ada diskriminasi. Kerajaan negeri juga telah terlebih dahulu menggerakkan usaha melalui projek *Wireless* Selangor dengan beberapa syarikat pembekal Internet atau ISP seperti Jaring Communication Sdn Bhd, Telekom Malaysia Berhad dan Time Dot Com Berhad. Projek atau WIFI percuma tersebut telah disiapkan di tujuh lokasi dan untuk makluman ahli Yang Berhormat sekalian juga daripada bulan Mei 2010 hingga Februari 2011 sebanyak 6645 orang pengguna telah mendaftar dalam perkhidmatan ini. Purata muat turun atau *download* dengan izin dan muat naik *upload* dengan izin dalam masa sebulan adalah sebanyak 217.6 giga byte dan 25.8 giga byte. Daripada statistik ini dapat dirumuskan bahawa perkhidmatan tersebut dapat sambutan yang memberangsangkan daripada rakyat negeri Selangor secara amnya. Sehubungan dengan itu kerajaan negeri akan memperluaskan lagi perkhidmatan ini mengikut kawasan PBT yang lain. Insya-Allah. Isu yang ditimbulkan kerajaan negeri akan mengenakan bayaran sewaan buat masa ini tiada dalam cadangan untuk memberikan sewaan dengan beberapa kaedah penglibatan daripada apa yang saya nyatakan terlebih dahulu pastinya ada perbezaan pendekatan yang digunakan. Kaedah pertama iaitu yang mana yang diberikan oleh kerajaan Selangor ia adalah dalam bentuk percuma buat masa ini tetapi penglibatan oleh PFI atau ISP yang lainnya sudah semestinya akan mengenakan bayaran mengikut kadar yang mereka tentukan. Akhirnya kita mahu satu saingan yang sihat dan rakyat boleh menentukan perkhidmatan mana yang mereka pilih berdasarkan keperluan masing-masing tanpa paksaan.

Yang Berhormat Seri Setia telah mencadangkan capaian Internet ini dalam berbentuk bagai atau pun tidak sahaja melalui dalam *cyber* rakyat dan sebagainya dan Yang Berhormat Seri Setia telah pun mencadangkan dipelbagaikan dalam bentuk kiosk Insya-Allah pandangan tersebut akan diambil maklum. Pandangan dari Kampung Tunku untuk dilaksanakan projek HIWIN dan WIFI ini di bawa keluar bandar sudah pun diambil perhatian sebab itu pendekatan kerajaan Selangor adalah perkhidmatan pemasangan WIFI di satu kawasan bandaran akan dikembarkan dengan satu kawasan luar bandar. Contohnya apa yang dilaksanakan pada tahun lepas perkhidmatan di Shah Alam dikembarkan dengan 3 hot spot yang telah diletakkan di Hulu Selangor.

Yang Berhormat Sekinchan saya ucapkan tahniah kerana selain telah membawa pelabur dan pelancong ke Sekinchan tetapi keprihatinan untuk mendapatkan perkhidmatan komunikasi yang baik juga menjadi kebimbangan Yang Berhormat Sekinchan sehingga talian Internet yang telah 5 bulan dipohon tidak dapat perhatian Telekom telah ditimbulkan. Jadi walau ini di luar bidang kuasa saya ia lebih kepada Telekom Malaysia tapi Insya-Allah pihak teknologi maklumat akan mengambil maklum perkara ini dan akan membantu ADUN Sekinchan memajukan *detail* permohonan dalam bidang teknologi maklumat untuk diselaraskan dengan Telekom Malaysia.

Yang Berhormat Rawang pula menimbulkan isu info desa. Bagi saya info desa ini adalah untuk makluman Yang Berhormat ia di bawah kerajaan persekutuan di bawah program komuniti tetapi kerajaan Selangor juga telah melaksanakan program pusat cyber rakyat yang mana salah satu komuniti untuk mendekatkan jurang digital masyarakat bandar dan luar bandar.

Seterusnya saya ingin menyentuh soalan yang daripada Yang Berhormat Bangi berkaitan dengan MIMBAR. MIMBAR ini adalah salah satu program yang dilaksanakan yang ditanya sini kenapa berasingan dan hal yang dibangkitkan berkaitan dengan bila diasingkan antara MIMBAR dan Skim Sel atau skim bandar dan luar bandar ini akan membuatkan ia kerugian *resources* atau sumber yang ada yang telah diperuntukkan.

Untuk pengetahuan semua bahawa saya ingin ingatkan bahawa MIMBAR ini adalah hasil cetusan program yang kita wujudkan bila mana Alhamdulillah kerajaan Selangor telah dapat mengutip semula hutang Talam yang sejumlah RM 392 juta jadi RM 50 juta telah diperuntukkan untuk luar bandar dan juga RM 20 juta untuk bandar. Apa pun ia dilaksanakan secara berasingan kerana pendekatannya memang berasingan. Satu di bandar dan satu di luar bandar. Saya hanya akan menjawab berkaitan dengan bandar sebab selebihnya saya akan mohon Yang Berhormat Gombak Setia untuk menjawab bagi pihak luar bandar. Bagi saya apa yang menjadi sedikit perbezaan ataupun kebanyakan perbezaan ini adalah program mikro kredit bandar ini adalah merupakan hasil kajian yang menunjukkan bahawa kemiskinan bandar merupakan penyumbang terbesar di dalam negeri ini iaitu sebanyak 87% daripada kemiskinan sebenar dalam bandar.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker. Kalaulah dari segi kajian yang paling miskin 80% ada di bandar mengapakah peruntukan diberikan kepada MIMBAR hanya RM 20 juta sepatutnya barang kali RM 150 juta. Daripada keperluan kemiskinan bandar.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Belum habis jawab lagi kan. Saya sedang menyatakan bahawa dengan 87 kemiskinan bandar itu pastinya kita ingin kerajaan Selangor menunjukkan pendekatan yang agak berlainan. Inovasi baru bagai mana kita nak menyelesaikan masalah kemiskinan bandar ini. Kerana bagi kita pendekatan yang telah dilaksanakan atau ada contoh yang lepas sama ada dalam negara atau luar negara ini mengambil pendekatan yang bagi saya kesesuaiannya lebih kepada luar bandar tetapi dalam konteks negeri Selangor yang boleh dikatakan hampir tiga suku daripadanya dalam kawasan perbandaran dan kemiskinannya begitu tinggi kita merasakan bahawa kita perlukan satu pendekatan baru, inovasi baru dalam memberikan mikro kredit kepada masyarakat dalam bandar. Sebab itu peruntukan itu dimulakan sebanyak RM 20 juta. Insya-Allah dalam masa setahun ini kita akan tengok bagaimana perubahan, bagaimana kejayaan ini boleh kita kongsi dan saya yakin bahawa peruntukan itu akan bertambah dengan adanya pendekatan yang baru ini dengan adanya program-program yang dilaksanakan ini. Sebab apa yang saya buat ingin saya nyatakan di sini Puan Speaker bahawa walaupun jumlah peruntukannya berbeza tetapi apa yang kita ingin nyatakan di sini sasaran walaupun berbeza tetapi kita nyatakan bahawa kemiskinan di bandar ini 3500 ke bawah merupakan indikasi yang kita nyatakan. Walaupun ia kita letak 3 kategori perbezaan yang kita nampak di sini bahawa program yang dilaksanakan di sini adalah program yang berperingkat-peringkat. Maknanya ia tidak dibuat dalam konteks program yang dibuat secara berkumpulan tetapi pemohon-pemohon ini boleh memohon secara individu. Jika mereka mempunyai satu permasalahan tentang jumlah mikro kredit atau pinjaman kecil-kecilan ini kita alu-alukan secara individu dan bila ia datang secara individu pastinya tidak sama dengan skim sel kerana skim sel telah menyatakan bahawa program ini datang secara berkumpulan. Maknanya mereka datang individu setelah itu kita kumpulkan setelah permohonan itu diluluskan. Itu kaedahnya.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Timbalan Speaker saya tengok borang permohonan untuk MIMBAR ini terlampau *simple* yang datang minta tandatangan saya takut tak ada *validity* dari segi borang permohonan sebab sedikit sahaja. Terkejut sebab kurang sangat.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Untuk makluman Yang Berhormat Bangi borang itu memang *simple* tetapi proses pemilihan itu melibatkan empat peringkat. Isi borang permohonan, ia akan dipanggil temu duga, siasatan akan dibuat ke rumah atau di premis perniagaan yang telah dinyatakan. Dan di situ jawatankuasa pemilihan akan menentukan layak atau tidak layak. Isunya kita tidak mahu proses itu terlalu menyusahkan dalam konteks mengisi borang tetapi proses atau mekanisme pemohon itu diterima adalah agak berbeza. Jadi saya rasa itulah sedikit sebanyak perbezaan yang dinyatakan dan satu lagi yang terakhir dalam mikro kredit bandar ini sebenarnya kenapa ruginya kalau kita gunakan *resources* yang berlainan antara skim sel dan MIMBAR ingin saya nyatakan di sini tidak timbul kerugian disebabkan sebenarnya kita tahu MIMBAR ini beroperasi ada ibu pejabatnya dan seterusnya ia beroperasi di 8 PBT iaitu di Majlis Bandar raya Shah Alam, MBPJ, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Ampang Jaya, Klang, Selayang dan juga Sepang.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Sekali lagi Puan Timbalan Speaker mengapa seumpamanya pusat-pusat pinjaman ini perlu di buat begitu banyak. Untuk menjimatkan saya fikir tempat-tempat yang dekat Shah Alam, PJ, Subang Jaya satu *center* saja. Ini dua tiga tenaga hantar situ perlu sewa pejabat dua tiga tempat yang berdekatan. Saya ingat buat zon saja seumpamanya di Selangor ini buat lima zon saja yang boleh masyarakat pergi jangan terikat dengan PBT dan jangan terikat dengan pejabat daerah terpaksa kita buat banyak pusat, banyak tenaga, banyak masa dan sebagainya. Buat zon yang membolehkan rakyat sampai dengan mudah saja. Jadi kalau kita tengok kat sini dah dua tiga pejabat merugikan tenaga dan sebagainya. Saya syorkan agar diperbaiki jangan terikat dengan pejabat daerah dan PBT saja.

YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL : Saya ingin nyatakan kenapa saya sebut 8 PBT itu supaya Yang Berhormat maklum betapa luasnya kawasan perbandaran atau bandar raya di Selangor ini. Yang keduanya memang telah ada unit yang mengendalikan kemiskinan bandar di PBT. Saya hanya mengaktifkan semula dan hanya memanfaatkan semula dan kita bukan membuka cawangan yang baru. Kita mengaktifkan semula. Jadi selain dari ibu pejabat MIMBAR yang kini berada di Bangunan MSN tetapi kini kita bukakan untuk memudahkan rakyat untuk mendapatkan informasi dan seterusnya menghantar borang-borang permohonan yang tidak perlu kita *centralised* atau pusatkan hanya di Shah Alam. Jadi itu penjelasan saya tentang kenapa ia dibuat atau merugikan *resources*. Saya rasa itu saja yang ingin saya rumuskan di dalam penggulungan saya untuk kali ini. Sekian Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih. Gombak Setia silakan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Timbalan Speaker. Saya ucapkan terima kasih kepada Bukit Antarabangsa, Bangi, Kampung Tunku, Sekinchan, Subang Jaya, Rawang, Kota Damansara yang telah pun memberikan komen dan soalan-soalan yang berkaitan dengan portfolio di bawah saya.

Puan Timbalan Speaker, saya nak sambung sikit tentang skim mikro kredit tadi. YB Batu Tiga telah menyentuh mikro kredit di kawasan bandar dan saya ingin juga sedikit oleh sebab persoalan ini ditimbulkan oleh ramai ahli-ahli dewan jadi saya patutlah memberikan sedikit jawapan kepada itu. Pertama sekali dah enam bulan lebih ini kita beroperasi kita lihat kejayaannya sangat-sangat menggalakkan dan kejayaan ini terletak kepada secara

profesionalnya kita mengendalikannya tanpa ada tirsan-tirsan daripada wang yang masuk, wang yang keluar dan pada masa yang sama kita menentukan bahawa pengurusan skim sel ini terutamanya adalah pengurusan yang mengikut prinsip-prinsip, pengurusan yang telus, pengurusan yang profesional dan satu lagi pengurusan yang mementingkan aspek-aspek efisiensi dan keberkesanan. Maka sebab itu dua minggu yang lepas kita menerima buat pertama kalinya satu rombongan daripada Brunei daripada Yayasan Sultan Hasanal Bolkiah yang datang ke mari dan mereka telah pun berkunjung beberapa tempat dan negeri dan datang ke sini melihat walaupun baru 6 bulan kita beroperasi tapi nampaknya mereka tertawan apatah lagi bila mereka turun ke bawah ke Sabak Bernam menghabiskan satu hari suntuk untuk melihat kemajuan yang berlaku kepada penerima skim mikro kredit ini walaupun baru 6 bulan tapi sudah nampak bentuk perniagaannya, pemikirannya dan juga sikap positif yang ditanam sepanjang minggu mereka bertemu inilah yang sudah masuk dalam jiwa mereka bahawa mereka harus berjaya untuk mereka dan keluarga mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan saya difahamkan teman daripada Yayasan Sultan Hasanal Bolkiah akan datang lagi dalam bulan Ogos akan datang untuk meneliti kembali bagaimana kita boleh jalankan skim ini kerana mereka ingin juga menjalankan di Brunei Darussalam. Jadi berdasarkan itu saya merasakan bahawa apa yang kita lakukan setakat ini selama 6 bulan ini telah menimbulkan satu reaksi yang sangat positif bukan sahaja pada mereka yang menerima skim ini tetapi dengan anggota masyarakat yang menerima skim sel dan juga paparan kita di laman web yang telah disambut baik oleh teman-teman di luar negara. Apa pun sebagaimana yang ditanyakan skim ini sehingga hari ini di bawah skim sel ini telah memberikan pinjaman kepada 1389. 1389 ini kita ada 545 di Sabak Bernam, 264 di Kuala Selangor, 210 di Hulu Selangor, 150 di Hulu Langat, 165 di Kuala Langat dan 55 di Sepang. Dan Insya-Allah dalam jangka masa 6 bulan daripada sekarang sehingga penghujung tahun ini kita akan dapati skim ini akan merata terutamanya kepada enam tujuh kawasan yang telah kita kenal pasti dan berikutan daripada itu dengan satu sistem yang kita wujudkan kita harap bahawa satu masa nanti orang akan bercerita, rakyat akan bercerita tentang bagaimana skim sel, MIMBAR misalnya akan masuk dalam kehidupan rakyat dan mengubah masyarakat. Mengubah keadaan status sosial ekonomi masyarakat dan dengan itu menjadikan skim sel, menjadikan MIMBAR salah satu daripada *flagship* kepada pembangunan di negeri Selangor ini. Dan kita telah mengeluarkan setakat ini 3.6 juta di bawah Skim Sel dan telah diperuntukkan kepada kita untuk 3 bulan untuk kita mendapat imbuhan secara bulanan daripada MBI dan kita akan membelanjakan seluruhnya dengan sistem perbelanjaan yang betul-betul dapat mencerminkan ketulusan dalam kita mengendalikan skim sel ini.

Berikutan dengan itu saya ingin menyatakan skim sel ini sebagaimana yang saya sebutkan tadi akan juga merata dan sebagaimana Yang Berhormat Menteri Besar ada menyebutkan semalam apa juga skim yang dijalankan oleh kerajaan Pakatan Rakyat ini kita tidak mengenal siapa mereka, tidak mengkhususkan latar belakang begini, warna kulitnya begini, fahaman politiknya begini. Kalau teman-teman di sana ingin melihat siapa yang mendapat bantuan daripada skim sel saya yakin bantuan itu disalurkan sama rata pada siapa saja. Pokoknya mereka memenuhi syarat-syarat asas untuk menjadi peminjam-peminjam kepada skim sel. Jadi oleh sebab itu orang asli yang disebutkan kita tidak ada masalah langsung bahkan di Hulu Selangor misalnya kita telah pun menubuhkan cawangan kita di Hulu Selangor dan salah satu *target group* kita di Hulu Selangor ialah orang asli dan kita akan bersama dengan Bukit Lanjan ya, untuk menjalankan program *skim sel* ini. Bukan saja di Hulu Selangor, di kawasan saya juga di Gombak, di Batu 8, Batu 12 Gombak, yang begitu ramai orang asli pun kita akan taja kan *skim-skim sell* ini kepada mereka. Jadi..

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Timbalan Speaker, saya nak bangkitkan dalam masa penerangan yang diberi di , Serdang, atau pun di Pejabat daerah Hulu Langat beberapa bulan yang lepas, satu perkara yang ditimbulkan oleh mereka yang agak mahu kemurnian dalam urus niaga ialah dikatakan dalam *skim sell* ini, ada semacam kena pembayaran bunga begitu, yang mereka agak enggan dan mereka harap kalau ditiadakan bayaran sedemikian barangkali lebih banyak menarik minat terutama bagi golongan orang Islam yang nak mempertahankan dari segi kemurnian tak ada bunga dan sebagainya tu. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih ya. Kalau kita lihat dalam, dalam , semua skim atau kredit yang dijalankan di Malaysia ini barangkali saya tidak menggunakan perkataan bunga, dan tidak bunga pun, bukan kita berfikir nak berbunga-bunga ni. Jadi kita hanya bagikan *service charge*, maknanya, adalah, adalah fail yang nak dibuka, adalah komputer yang nak dibuka , adalah surat yang nak dilayangkan, adalah temu duga yang nak dibuat, jadi perkara-perkara ini sudah tentunya memakan kos. Memang kita boleh *absolve* tetapi saya memikirkan ya, untuk jangka panjang, saya memikirkan satu masa nanti dan kita targetkan 2014 yang akan datang, *skim sell* ini akan *will save finance*. Ini , ini kita punya harapan. Jadi dengan itu, peruntukan yang berikutnya akan di kembang luaskan . Akhirnya , kita berkehendakkan setiap orang yang berada dalam golongan yang sedemikian , akan mendapatkan bantuan ...daripada skim itu. Jadi aa..

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tuan Speaker, boleh beri laluan sikit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Permatang. Sila kan.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Sila...sila.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Puan Speaker. Pada Gombak Setia , saya bukan tak bersetuju dengan pendapat ataupun pandangan EXCO mengenai kejayaan *skim sell* tapi memandangkan dia skim yang baru, baru diperkenalkan, mungkin tadi yang disebut, mungkin berapa bulan yang baru ini, tapi nak memperkatakan bahawa dia telah mencapai kejayaan tu bukan saya tak bersetuju tetapi pada saya istilah kejayaan itu , kalau kita tengok, kalau nanti bila telah dibuat satu kajian menyeluruh mengenai, apa ni pencapaian, penerima-penerima ini , mungkin dah dapat dibuktikan yang 1389 ini sudah dapat keluar dari garis kemiskinan disertakan pula dengan bayaran balik yang dibuat, tidak ada yang tak dapat bayar dan sebagainya dan boleh jadi *save finance*, saya ingat baru bolehlah kita katakan istilah kejayaan. Tapi kalau dalam konteks dapat memberikan pinjaman itu diistilahkan kejayaan, saya fikir itu terlalu awallah. Saya minta komenlah.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. lalah kita banyaklah nak menyebutkan sama ada jaya atau tak jaya dan sebagainya. Tapi saya nak menyebutkan dari segi *coverage* , *coverage* nya, kita dah *cover* enam daerah ini dan *coverage* dari segi bilangan itu pun adalah bertepatan dengan apa yang kita *targetkan*. Pada saya kita sudah mencapai matlamat. Dalam mencapai matlamat ini, perkataan yang ringkas ialah berjaya. Yang kedua, tentang bayaran balik. Bayaran balik setakat ini 100 peratus. Bukankah salah ke saya gunakan perkataan berjaya itu. Jadi saya , Permatang, saya rasa saya nak *stick* dengan perkataan berjaya itu. Terima kasih.

Kemudian, yang, yang...

YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE : Beri laluan..

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Teluk Datuk.

YB TUAN PHILIP TAN CHOON SWEE : Mengapa skim ini permohonannya untuk kaum wanita sahaja.? *Only for the ladies*. Dengan izin.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih.. Walaupun wanita , tetapi dia punya *operates*, di peringkat keluarga itu ialah suaminya. Ialah anak laki-lakinya. Tetapi atas nama fasal, fasal skim ini menghendaki , minggu-minggu ada mesyuarat, dalam mesyuarat itulah mereka memulangkan balik pinjaman itu secara mingguan. Orang laki-laki termasuk, kecuali YB lah, kecuali YB, agaknya tak berapa suka bermesyuarat, tak suka datang ke majlis-majlis yang ditentukan tarikh-tarikhnya setiap minggu. Yang boleh buat ni biasanya kaum hawa yang boleh buat. Jadi sebab itu, kita, atas pinjaman itu, kita namakan dia, kita namakan dia, tetapi operasinya, mungkinlah dijalankan oleh suaminya atau anak laki-lakinya dan sebagainya. Tapi dalam dunia pun, saya nak menyatakan dalam dunia, kita dapati macam di Bangladesh pun setakat, setahu saya 87% daripadanya adalah wanita-wanita. Dan begitu juga skim yang dibuat oleh skim mikro kredit, yang dibuat oleh , oleh apa ni, di peringkat Persekutuan pun, boleh dikatakan hampir 100 peratus, adalah kaum wanita. Jadi kita ni pun ikut, ikut peraturan itu lah. Dan dalam kajian juga yang dibuat, bila kita beri kan pada orang laki-laki , ini, bukan saya nak memperkecilkan orang laki-laki, kita dapati dia punya *rate* bayaran balik itu, *rate bayaran* balik itu ataupun *percentage* bayaran balik tidak secantik *percentage* bayaran balik yang dibuat oleh wanita. Jadi atas nama, kita , sebagaimana yang saya sebutkan di dewan ini, di awal-awal dulu, untuk menentukan kejayaan skim ini, jadi kita ikutlah pengalaman-pengalaman beberapa negara, pengalaman-pengalaman beberapa agensi yang mengendalikannya di peringkat ini, kemungkinannya lah , mungkin di satu hari nanti, di Teluk Datuk, mungkin kita akan tengok macam mana orang laki-laki yang macam perempuan tu dia punya sikapnya tu, suka bermesyuarat, suka datang untuk berbincang dan sebagainya..barangkali kita boleh cuba di Teluk Datuk nanti. Kemudian, yang, yang berikutnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kg.Tunku , yang menyebut persoalan mengenai jalan-jalan yang kita bina, jalan-jalan negeri yang kita bina hasil daripada wang negeri yang kita bina seperti jalan Kerling ke Sg. Tenggi yang kita bina dengan belanja lebih kurang dalam 5.8 juta itu, ini adalah merupakan salah satu daripada skim yang sedemikian, yang saya turut hadir, yang Kg.Tunku dan *mention* dua kali kepada saya, kenapa tak diwar-warkan lebih luas lagi, dalam media dan sebagainya. Keluar, saya rasa keluar, ni saya pun ada potongan-potongan ni yang keluar dalam akhbar, walaupun tidak begitu meluas tapi apa yang saya nak sebutkan bila kita buat program-program yang sedemikian, ada, ada dia punya *public event* yang begitu, *event management* dia, saya dapati sokongan daripada rakyat tempatan, sangat-sangat baik dan bukan saja mereka menyokong untuk melihatkan pembangunan itu berlaku di kawasan itu tapi kita hendak kan *participation* yang lebih tinggi. *This is mess participation*, kita hendakkan rakyat bersama-sama dengan kita. Apa dalam program apa pun, pertanian ke, industri ke, program yang mengenai infrastruktur dan kemudahan awam ini, kita nak kan rakyat bersama-sama kita. Dan apa yang ditunjukkan yang terakhir yang kita buat ialah baru-baru ni, di Berjantai Bestari, dekat dengan UNISEL tu, kita melancarkan skim yang sama dan saya diminta untuk menekankan persoalan kualiti, jalan yang berkualiti, kualiti dalam konteks materialnya berkualiti, pembinaannya berkualiti, *craftmanship* nya berkualiti, *workmanship*nya berkualiti dan saya menyebutkan bahawa sampailah masanya di negeri Selangor ini kita menjuarai proses melahirkan satu bentuk output daripada kerja-kerja kita ni yang berkualiti. Jadi saya telah bersama-sama dengan teman-teman dalam JKR dah 2 kali pun saya mengadakan perbincangan mengenai kualiti ini dan alhamdulillah Dato' Pengarah JKR pun aa..begitu menyambut baik saranan tersebut dan kemungkinan besar selepas ini kita akan melihat apa juga yang kita zahirkan dalam bentuk program dan sebagainya , dia akan mencerminkan kualiti. Sampai masanya negeri Selangor ini menjadi juara kepada kualiti. Kemudian mengenai PADAT yang banyak disentuh oleh Bangi , aaa... untuk tentang tapak-tapak warisan kita..

YB TUAN LEE KIM SIN : Tumpang...Puan Speaker, minta laluan. Aaa...terima kasih pada EXCO. Kajang ingin tahu JKR dapat berapa banyak peruntukan hanya setiap daerah kerana kita nampak seperti yang dibangkitkan oleh Kota Damansara, jalan , lampu-lampu jalan memang kurang penyelenggaraan, ada yang sudah bertahun-tahun tidak menyala dan juga sehingga hari ni masih banyak jalan-jalan bawah JKR juga tidak di diselenggarakan dan masih, ia akan menjadikan satu yang , yang tidak begitu baik bagi imej kerajaan negeri kita. Minta penjelasan by EXCO.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Aaa..terima kasih Kajang. JKR memang mendapat peruntukan tahunan daripada kerajaan negeri ..aaa...angkanya saya akan bagikan secara bertulis kepada YB Kajang tetapi apa pun angkanya agak stabil begitu ya, rasanya yang terakhir ialah untuk 30juta yang diberikan kepada JKR begitu, untuk, untuk pemeliharaan, untuk jalan-jalan dan sebagainya. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi tentang teguran itu, kita akan melihat, kita akan memastikan dan saya ada mesyuarat bahkan boleh dikatakan...

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Soalan tambahan...

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tak habis lagi saya nak menjawab ni...sekejap lagi. Ya... Saya akan menentukan, bersama-sama dengan teman-teman daripada JKR ya, sama ada jalan, sama ada bangunan, sama ada jabatan dan sebagainya, kita akan menentukan supaya selepas ini, selepas ini terutama nya projek-projek kecil yang melibatkan kampung-kampung, kampung baru dan sebagainya supaya tidak timbul lagi masalah-masalah seperti yang lepas kerana kita telah pun meminta supaya PBT-PBT dan supaya, *even* Majlis-majlis daerah, pejabat daerah dan sebagainya menyenaraikan projek-projek yang patutnya dibuat dengan segera bersama dengan EXCO yang menjaga bahagian luar bandar pun kita telah berbincangkan supaya JKR pun masuk sekali dalam program-program yang sedemikian selain daripada peruntukan-peruntukan yang diberikan ada juga tambahan-tambahan peruntukan dalam berbagai-bagai bentuk untuk membantu projek infrastruktur termasuk di kawasan Kajang nanti. Dan saya...sila...

YB DATO' HAJI WARNO BIN DOGOL : Mohon penjelasan mengenai peruntukan JKR yang telah disebutkan sebentar tadi, adakah peruntukan tersebut telah diturunkan ke JKR daerah masing-masing oleh sebab untuk makluman aa....EXCO di Sabak Bernam ada sebuah jalan yang mana jalan kerajaan negeri bawah JKR, jalan laluan utama, jalan tersebut telah rebak hampir 5 bulan tetapi hingga ke hari ini masih belum diperbaiki. Terima kasih.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih. Kita memang membuat pemantauan. Bahagian jalan JKR membuat pemantauan tentang jalan-jalan tersebut terutama jalan-jalan utama. Saya minta maaf kerana jalan yang disebutkan itu merupakan jalan utama tetapi ada masalah tetapi saya akan menentukan selepas ini , teman-teman JKR di Sabak Bernam, ya...akan melihat apa yang telah disuarakan oleh Yang Berhormat supaya dapat dibaiki dengan segera. Sebab laluan ini adalah laluan utama, sudah tentu bila menyebut laluan utama, ramai, banyaklah orang, ramai yang menggunakannya dan kenderaan-kenderaan yang menggunakannya. Saya nak pergi kepada PADAT tadi ni..

YB PUAN GAN PEI NEI : Puan Speaker, nak minta penjelasan sikit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Silakan Rawang.

YB PUAN GAN PEI NEI : Ya. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat tentang cadangan untuk naik taraf di *Botanic Lafarge* (dengan izin) Rawang tu yang mana, Yang Berhormat

sendiri pun pernah turun ke Rawang untuk tengok keadaan jalan yang memang *Botanic* tu yang menyebabkan punca utama kesesakan di jalan itu. Ada tak satu perancangan untuk naik tarafkan jalan tersebut yang lebih kurang 200 meter saja.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Ini bukan jalan yang FT3209, aa...Jalan FT3209 ini menaik taraf kan persimpangan jalan persekutuan. Jalan industri FT3209 merupakan jalan persekutuan, panjang jalan ialah 3.97 km. Ia adalah persimpangan yang melibatkan jalan persekutuan dan jalan negeri B27. Dari persimpangan ini, pengguna jalan raya boleh ke pekan Rawang, Serendah, Kuala Kubu Baru dan kawasan perumahan Tasik Puteri, *Country Home* dan lain-lain kawasan perumahan yang berhampiran. Persimpangan termasuk di dalam kerja-kerja menaik taraf fasa 1 jalan persekutuan dan jalan negeri B27, Jalan Rawang Tasik Puteri dan saya rasa JKR sedang meneliti termasuklah yang , jalan yang pergi kepada *Lafarge*, *Lafarge* itu dan saya akan bermesyuarat dengan JKR untuk menentukan yang 200meter jalan yang disebutkan tadi itu termasuk dalam , dalam jalan-jalan yang akan diberikan perhatian untuk dibaiki. Kemudian, kepada PADAT, saya tak pergi-pergi lagi kepada PADAT ni. PADAT ini banyak cadangan-cadangan yang dibuat oleh YB Bangi, biasanya saya rasa YB Bangi dengan YB Kajang berpakat, suka bercerita tentang PADAT ini ya. YB Bangi menyebutkan tentang perlunya kita melihat tapak-tapak warisan, dan melihat tapak-tapak warisan itu supaya dimajukan bersesuaian dengan kehendak-kehendak kontemporari. Saya, saya memikirkan bahawa dari segi kita membanci , membanci, *mapping* dan membanci ini kita sudah membanci hampir keseluruhan kawasan-kawasan yang patut diwariskan, di warisan kan dan di antara kawasan-kawasan tersebut termasuklah di Jugra dan sebagainya yang sudah pun, saya sudah menghadiri...

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Timbalan Speaker, saya nak bangkitkan satu yang kritikallah. Bila saya mewakili Yang Berhormat EXCO ke sana yang tak dapat pergi, saya wakil untuk melawat tempat itu. Saya nampak satu yang kritikal, tempat tu bukit yang cantik sebagai pusat pengawalan keselamatan pada zaman Sultan Abdul Samadlah ya..di atas bukit tu. Dan di situ ada pejabat daerah terawal, ada rangka bangunan lagi, ada rangka bangunan pejabat polis awal, yang jadi tauke bagi apa ni kelapa sawit awal, apa tu, G...Davidson..a..tu tempat dia asal tu. Rupanya nama dia situ ...saya tak tahu yang dia nama dia..asal yang membina situ dan banyak-banyak tempat lagi tetapi telah maafah saya nak sebut ini kerana kuburan yang di benar oleh Pejabat Daerah Kuala Langat itu dia sebenarnya selepas merdeka. Tempat sejarah itu dah lama sehingga di tepi bangunan di Pejabat Daerah lama itu sudah ada kuburan yang telah digunakan tempat itu. Ini merosakkan tempat sejarah dan di bawah pula mereka yang kerana kepentingan lebih mementingkan ekonomi tak sedar dari segi kepentingan sejarah dikorek sehingga dia berbahaya yang boleh runtuh bangunan Pejabat Daerah lama itu. Saya harap kalau boleh ertinya Pejabat Tanah segera mewartakan tempat itu sebagai tempat sejarah jangan di ceroboh. Setakat ini mungkin kita tak boleh nak buat apa dah kuburan dah makin rapat. Paling rapat dah nak sampai ke tepi bangunan Pejabat Daerah lama. Kita nak mungkin satu dua boleh diangkat alih supaya dia tak rosak tapi perlu di konsep ertinya di sekat pada kuburan itu dari terus berkembang sehingga merosakkan tempat pertahanan sejarah lama dengan Pejabat Polis nya, Pejabat Daerah awalnya dan tempat dia cantik sebagai pengawalan tempat musuh datang atau peniaga dan sebagainya. Dan ini perlu dihidupkan macam yang saya katakan mungkin kalau kita nak buka satu dua tak maju tapi kalau arah ke Jabatan-jabatan membuka tempat macam tempat latihan dan berbagai-bagai tempat latihan mungkin dia boleh hidup tapi mungkin tidak disedari mungkin orang Pejabat Daerah pada masa itu tidak sedar tentang kepentingan warisan ini. Sebab itu kita minta utama Pejabat Daerah Kuala Langat segera ambil tindakan pergi melawat, pergi naik sendiri ke atas sampai ke puncak. Jadi tempat ini sudah di ceroboh dan barangkali sukar bagi kita hendak

pertahankan keasliannya kerana sudah rosak banyak tapi yang ada itu kita harap perlu dipertahankan. Terima kasih.

YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Yang Amat Berhormat kalau saya mencadangkan kalau Y.B nanti boleh dicalonkan menjadi Pesuruhjaya Warisan Selangor, saya tengok memang selama ini memang antara ADUN-ADUN yang memberikan perhatian tentang warisan, tentang artifak-artifak lama dan sebagainya. Jadi saya akan pastikan ya kalau misalnya kalau Y.B dapat memberitahu saya lokasi dengan dia punya *side* pelan dia saya akan terus merundingkan dengan pihak PADAT dan memanggil Pejabat Tanah dan pada masa yang sama sebagaimana yang Y.B Bangi mengetahui bahawa kita ini dalam hal-hal warisan ini tertakluk kepada Akta Warisan Kebangsaan Tahun 2005. Maknanya *preservation* dan sebagainya *excavation* sebagainya, hal-hal yang berkaitan dengan arkeologi itu, artifak-artifak seperti itu sebenarnya adalah dalam bidang kuasa Jabatan Warisan Persekutuan. Jadi walau apa pun sebagaimana yang diketahui misalnya di Istana Jugra yang saya nampak sudah dibaiki begitu cantik, sudah di baik pulih sungguh cantik kepada saudara-saudara, teman-teman ADUN yang dihormati boleh pergi ya, bawak anak kita pergi tengok macam mana istana lama namanya Istana Jugra dalamnya ada surau, dalamnya macam ada tempat di mahkamah dalam istana , mahkamah dalam istana , ada tempat menghadap di istana, tempat peraduannya, tempat-tempat untuk majlis ilmu sampai dua tingkat majlis ilmu dan diberitahu bahawa baginda-baginda yang terdulu itu ada yang membaca khutbah yang pergi ke masjid dan sebagainya dan warisan ini kalau dapat dicampurkan disatukan secara holistik barulah kita dapat melihat betapa hebatnya salah silah daripada keturunan Duli-Duli Yang Maha Mulia Tuanku ya pada masa suatu yang digambarkan secara artifaknya melalui apa yang ditinggal seperti Istana Jugra itu. Jadi apa yang disarankan oleh Bangi itu saya adaslah antara orang yang menyokong pertama dan utama untuk menentukan bahawa warisan-warisan ini perlu dijaga. Bukan sahaja dipelihara dan itu perlu di promosi , bukan sahaja perlu di promosi perlu dipertingkatkan kalau boleh mengikut standardnya dia termasuk dalam senarai UNESCO untuk dijadikan sebagai sesuatu yang bahan-bahan warisan bertahap dunia yang kita boleh lahirkan itu. Kemudian....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Puan Speaker saya ingat kita juga perlu mengadakan pasukan *extrication* sebagaimana saya ingat bukan satu yang mustahil kalau Perak kita telah menemui Perak man dan kemudian ini pula menemui rangka yang lebih awal kita manusia yang terawal di Afrika kalau di Perak sama tak jauh tak jauh daripada Perak kemungkinan banyak bahan-bahan, artifak lama tertanam di dalam tanah di Negeri Selangor ini bukan suatu yang mustahil sebagaimana yang di Perak dulu. Sebab itu kita cadangkan sebab kita ada satu pasukan cari gali yang pakar dan mahir untuk menemui bahan-bahan sejarah. Kita pernah menemui gendang Dongson yang sama dengan zaman di Dongson pada 1000 Masihi ertinya sudah 1000 tahun sebelum Masihi, *sorry*. Ertinya tempat kita juga telah ada bukti tentang penemuan gendang Dongson mungkin ada banyak lagi penemuan-penemuan yang boleh diketemui.

YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Bangi, sememangnya di PADAT mempunyai unit khas , kita ada arkeologi, kita ada .. dan mereka pun ada tenaga pembantunya. Pada masa yang sama kita bekerja sama dengan Universiti-universiti terutamanya di bahagian arkeologi dan kita bekerja sama dengan Jabatan Warisan yang saya sebutkan tadi dan jabatan itu juga mempunyai unit-unit arkeologinya. Jadi saya merasakan di Selangor ini kita tidak boleh pergi berseorangan begitu sahaja sebab walaupun kita dapat ubat dan sebagainya tetapi dia punya penilaian , pengiktirafan itu mungkin kita tidak dapat pengiktirafan selagi kita tidak merujuk kepada Jabatan Warisan Persekutuan dan sebagainya. Jadi saya mengambil...

YB TUAN LEE KIM SIN : Puan Speaker, minta laluan. Terima kasih kepada EXCO. Memang macam Bangi juga dalam Kajang memang minat bidang ini juga dan Kajang pun ada

usahakan satu pusat warisan di Kajang dan berkaitan dengan ekspedisi *napping* tadi adakah pihak kerajaan telah pun ataupun ada rancangan untuk membuat *napping* keseluruhan Selangor dan mewujudkan satu yang dikatakan *historical* di Selangor yang mana dia boleh dijadikan mengekalkan warisan Selangor dan juga merupakan satu pusat tarikan bagi pelancong. Dan selain daripada itu kita juga ada macam pusat-pusat warisan yang diusahakan oleh pihak swasta ataupun pihak masyarakat sendiri. Adakah pihak negeri kita ada peruntukan dalam membantu pusat-pusat warisan yang diusahakan oleh swasta dan juga komuniti supaya boleh dapat meringankan bebanan mereka.

YB DATO' HASAN BIN MOHAMED ALI : Terima kasih Kajang ya jadi tentang nak mengadakan peruntukan khas itu bergantunglah kalau Kajang fikir ada satu keperluan mungkin dalam bulan 6 atau bulan 7 nanti bila ada *supplementary* bajet mungkin boleh dimasukkan sebagai salah satu langkah untuk kita buat *mapping* pada seluruh Negeri Selangor ini hal-hal arkeologinya, *extensionnya* sebagainya supaya dapat dijadikan sebagai satu betul-betulnya satu masa nanti kita mempunyai tinggalan-tinggalan sejarah yang hebat yang dapat dirujuk oleh anak cucu kita sebagaimana yang berlaku kalau kita tengok di Indonesia agaknya mereka jauh *advanced* kalau hendak dibandingkan dengan kita hal-hal mengenai arkeologi, artifak-artifak yang lama begitu juga di Siam, di Thailand dan apa lagilah kalau kita pergi misalnya ke Belgium, kita pergi ke Switzerland dan sebagainya kita dapati bagaimana mereka-mereka menganggap bahawa hasil-hasilan arkeologi artifak-artifak itu mereka jaga lebih daripada hasil-hasilan kontemporari yang mereka dapat itu. Jadi saya rasa ini pun memerlukan *education* dan saya memikirkan mungkin sekolah-sekolah di Selangor terutama sekolah-sekolah JAIS misalnya dalam mana kita mempunyai satu kontrol untuk kokurikulum dan sebagainya mungkin kita akan jadikan salah satu setidak-tidaknya dalam dia punya kokurikulum kita boleh bawa budak-budak ini, anak-anak sekolah ini untuk melihat apresiasi mengenai tinggalan-tinggalan sejarah yang dibuat oleh datuk nenek moyang mereka satu masa dahulu. Akhirnya saya pun tidak mahu memanjangkan sangat saya nak menjawab apa yang dibangkitkan oleh Subang Jaya mengenai kerja-kerja pembersihan pokok tumbang di Persiaran Kewajipan ya, lokasi pokok tumbang adalah berhadapan masjid sebelum dan selepas lampu isyarat di laluan Persiaran Kewajipan dari arah Puchong-Subang. JKR telah mengambil tindakan mengaturkan pokok dan kerja-kerja pembersihan dahan telah siap dilaksanakan dan tunggul dan akar pokok akan dilaksanakan segera. Yang lain saya rasa Rawang saya pun dah jawab tadi dan akhirnya tentang Alam Flora. Telah dikaitkan oleh Bukit Antarabangsa. Yang terakhirnya berdasarkan kepada pertemuan Yang Amat Berhormat mengadakan hampir setiap minggu atau dua minggu sekali pertemuan secara *breakfast* secara makan pagi dengan Datuk Bandar dan YDP-YDP untuk mendapatkan *feedback* mingguan dan *feedback* dua mingguan dan juga arahan-arahan segera yang patut diberi untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh PBT-PBT terutama masalah-masalah yang berkaitan dengan orang ramai dengan penduduk tempatan dan sebagainya dan kita dapati dengan 4 dan 5 kali daripada *breakfast session* yang kita adakan itu telah membuahkan beberapa tindakan-tindakan dan di antara tindakan yang kita sudah pun diputuskan oleh Kerajaan Negeri dalam hal mengenai sampah-sampah sarap di kawasan-kawasan PBT kita telah pun Kerajaan Negeri telah pun membuat keputusan bahawa hal-hal yang berkaitan dengan pembersihan akan diminta dilakukan oleh PBT-PBT dan beberapa PBT telah mengumpulkan beberapa cadangan yang konkrit seperti Majlis Daerah Kuala Selangor telah mengemukakan satu cadangan yang konkrit ke arah itu begitu juga Kajang juga telah mengemukakan cadangan yang agak konkrit dan saya dapati PBT-PBT yang lain pun sedang mengambil langkah sekarang ini bagi melaksanakan impian keputusan Kerajaan Negeri iaitu hal pembersihan dilakukan sendiri oleh PBT-PBT sementara kutipan masih diserahkan kepada Alam Flora. Itu keputusan yang sudah dibuat dan jadi dalam merealisasikan keputusan ini kita masih menunggu lagi daripada Kementerian untuk melaksanakan akta sisa pepejal perbadanan dan juga Jabatan Sisa Pepejal itu yang akan

berkuat kuasa sepatutnya pada 30 April tapi saya mendengar siaran warta berita tiga hari yang lalu bahawa ini akan ditangguhkan. Kerajaan Negeri tak boleh menangguhkan lama lagi tak boleh menunggu lama lagi kita kena definitif kita kena spesifik tentang hal ini kerana kita bukan sahaja akan menjalankan satu proses pembaikan tentang hal sampah sarap ini tetapi yang penting ialah kita memikirkan sebarang tindakan yang diambil tindakan itu mempunyai implikasi kewangan yang agak besar, implikasi yang mengguna tenaga agak besar dan juga implikasi dalam hal kita mengurus terutamanya dari segi perancangan jangka panjang, jangka pendek dan jangka pertengahannya. Sebab itu kita mengharapkan satu keputusan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ini kita mengharapkan kepada PBT-PBT akan terus mengambil langkah-langkah positif yang konkrit bagi mereka melancarkan pelan yang sepatutnya dijalankan oleh masing-masing PBT untuk merangka program bagaimana kita PBT dapat menjalankan sendiri urusan mengenai pembersihan sementara saya ingin menekankan sekali lagi bahawa urusan mengenai pengutipan sampah-sampah tersebut dijalankan oleh Alam Flora. Jadi mengenai worldwide yang telah disebutkan itu worldwide sebenarnya telah diminta membuat kajian bukan sahaja pelupusan tetapi mengenai seluruh sistem itu yang berkaitan dengan sampah itu tapi oleh kerana sistem ini adalah saya ingin membacakan apa yang ditulis dalam kepada saya, suka dimaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa modal awal untuk mengambil alih perkhidmatan SPPA ini adalah besar dan disebabkan oleh itu pihak worldwide menyiapkan kajian kesesuaian tersebut untuk dibentangkan kepada Kerajaan Negeri. Jadi apa pun kita merasakan bahawa hal sampah ini kemungkinan besar bila kita mengambil alih nanti kalau mengikut daripada Datuk-Datuk Bandar dan YDP-YDP mereka berjanji dengan pengambilalihan ini kita akan dapat menambah lagi keupayaan kemampuan kita untuk mengendalikan sendiri sistem pembersihan bukan kutipan pembersihan yang selama ini pun menjadi salah satu perkara yang selalu sering ditimbulkan belum pernah lagi dalam Persidangan Dewan Negeri ini hal-hal mengenai sampah sama ada kutipan sama ada pembersihan sama ada pelupusan yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat. Diharapkan pada tahun-tahun yang mendatang ini perkara ini kita hanya memantau sahaja dan kita melihat kejayaan-kejayaan yang kita catitkan daripada usaha-usaha yang dilakukan. Puan Timbalan Speaker saya dengan ini menamatkan jawapan saya dan saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat yang telah memberikan respons, komen kepada program-program yang dijalankan di bawah port folio saya. Sekian terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : *Bismillahi rahmani rahim.* Puan Timbalan Speaker, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, Para Ahli Yang Berhormat di Dewan sekalian. Pertama saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa kasih yang tidak terhingga di atas titah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan sempena perasmian pembukaan sidang pertama penggal keempat. Titah Tuanku akan menjadi perangsang kepada Kerajaan Negeri untuk terus mentadbir Negeri Selangor dengan dedikasi, efisien serta mengamalkan prinsip-prinsip urus kelola yang baik. Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan ahli Dewan yang juga membuat kenyataan dan antara lain, saya ingin sebutkan, dari Sungai Burong. Yang Berhormat sentiasa menjunjung kasih dan mendukung sikap pendapat Duli Yang Maha Mulia Tuanku yang sentiasa menekankan pentadbiran negeri yang telus, ikhlas serta profesional dan bertanggungjawab. Saya nampak mukadimah ini pun serupa dari Paya Jaras. Titah ucapan Tuanku dan harapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan yang sentiasa menekankan kepada pentadbiran Kerajaan yang berintegriti, telus, bertanggungjawab dan utamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat Selangor. Jadi, saya megah tentang perkara ini. Rupanya ayat mukadimah itu ialah pembuka gelanggang. Jadi oleh sebab itu, saya ingin membawa beberapa kenyataan yang dibuat dan saya harap kita mula membincangkan perkara-perkara ini dengan penuh profesional dan penuh tanggungjawab.

Pertama, Yang Berhormat daripada Sungai Burong menyatakan kedudukan prestasi kewangan dan ekonomi Selangor. Mengikutnya dia perlu mentadbir dengan baik dan tertib dan akhirnya dia telah menunjukkan dalam ucapan dia bahawa defisit pada tahun 2010 ialah melebihi RM250 juta dan oleh sebab itu.....dan disebabkan itu, bajet telah meningkat dan terus mengatakan prestasi lemah, penggunaan kewangan dan pembangunan ekonomi negeri Selangor adalah kerana Kerajaan Negeri di bawah kepimpinan Y.A.B. Menteri Besar dari Ijok yang selalu diwar-warkan sebagai tokoh korporat yang hebat, gagal untuk merancang dan menguruskan belanjawan negeri dengan cekap, telus, berintegriti dan bertanggungjawab. Jadi, ucapan Sungai Burong telah diserahkan untuk pandangan Bendahari dan Pengarah Kewangan Negeri Selangor. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Burong di mana Kerajaan Negeri Selangor telah merekodkan defisit RM250 juta bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah tidak benar. Jadi, kedudukan kewangan negeri Selangor bagi tempoh berakhir 31 Disember 2010 berakhir dengan lebihan RM124.24 juta berbanding dengan kurangan RM65.96 juta pada tahun 2009. Lebihan ini menjadikan baki akaun hasil disatukan pada 31 Disember 2010 berjumlah RM732.25 juta berbanding dengan RM608.1 juta pada 31 Disember 2009 iaitu meningkat sebanyak 20.43%. Jadi, siapa yang gagal menginvestasi angka ini? Saya harap Sungai Burong, orang yang menulis ini pun boleh belajar daripada Bendahari Selangor, ataupun.....bagaimana.....tapi sebab kenyataan ini adalah sangat berbeza. Saya berterima kasih kepada Pengarah Kewangan Negeri yang angka ini tidak bocor. Itu sahaja. Jadi, dapat kita menunjukkan angka ini tidak bocor sebab kita nak letakkan untuk diaudit dan angka ini angka sah dan nampaknya saya berharap Sungai Burong agak berhati-hati lain kali untuk membuat kenyataan begini.

Kemudian, antara sebab..... saya rasa antara sebab yang mengatakan kedudukan kewangan ini lemah kerana peningkatan perbelanjaan mengurus berjumlah RM362.85 juta lebih tinggi berbanding dengan peningkatan kumpulan hasil RM247.5 juta. Kenyataan ini ada kebenarannya sebab pada 2006 belanjawan negeri yang sebenar ialah RM171 juta untuk emolomen (gaji) dan 2007, RM169 juta tapi apabila sampai 2008 ia meningkat RM223 juta, 2009 meningkat lagi kepada RM242 juta dan 2010, RM257 juta. Jadi, peningkatan ini bukan kehendak negeri. Ini peningkatan gaji-gaji Pegawai yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan dan diumumkan dan Kerajaan Negeri kena bayar. Itu sebab. Jadi, RM53 juta tahun 2008, RM19 juta adalah pengumuman yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, negeri Selangor ini 'berada', Kerajaan Persekutuan tak tolong. Maknanya ada setengah-setengah negeri, dia dibayar oleh Kerajaan Persekutuan, itu sebabnya. Saya kalau saya dapat, lain kali.....

YB DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Timbalan Speaker, boleh buat penjelasan? Terima kasihlah Y.A.B. Menteri Besar kerana telah memberi penerangan tentang analisis yang Sungai Burong dan jawapan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Pertama, kita membuat analisis ini berasaskan buku-buku belanjawan, anggaran yang dikeluarkan oleh laporan Unit Perancang Ekonomi. Mungkin maklumat yang lain itu tersimpan dan hari ini dijelaskan dan saya berterima kasihlah. Ini dapat menjelaskan tentang kedudukan. Tetapi yang kedua saya ingin penjelasan dengan Y.A.B. Menteri Besar tentang faktor kenaikan dalam belanjawan selain daripada disebutkan kenaikan emolomen. Maknanya itu adalah satu faktor juga yang menyebabkan kenaikan, peningkatan pada belanjawan juga adalah disebabkan yang telah bentangkan adalah untuk '*bill out*'. Jadi, ini pun satu daripada faktornyalah yang menyebabkan kenaikan belanjawan yang kita telah juga bangkitkan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Mengenai '*bill out*', saya akan kuliahkan sekejap. Tapi mengenai.....itu saya.....itu sebab saya ambil buku ni sebab saya tahu ini asasnya yang buku yang orang membuat analisa ini. Tapi dia bukan.....dari segi belanjawan, dia

bukan ikut 'trendline', tak boleh. Itu sebab saya tengok ini, saya kaji ini. Itu sebab saya minta lain kali tak boleh guna 'trendline'. Bagi tahu orang yang membuat. Jadi, itu senang. Jadi, kalau dia buat 'trendline' sebab takde 'track'. Sebab bajet.....

Kemudian, bajet pada 2009 mengenai Talam. Mengenai Talam pun, yang sebenarnya sudah tak ada dah dalam kiraan Kerajaan Negeri sebab semua tu sudah diserahkan kepada MBI dan Kerajaan Negeri tak ada terhutang apa-apa pun. Tak ada. Jadi, supaya jangan lupa. Saya nak terangkan yang ramai termasuk saya rasa terlalu lama, rakan kita Yang Berhormat daripada Paya Jaras agak lembap dari segi melihat bagaimana kita menggunakan hutang-hutang itu yang dapat kita kumpulkan supaya kita masukkan ke dalam akaun yang disatukan dan dipulangkan kepada MBI. Ok, tentu dalam fikiran kita Kerajaan Negeri menolong melepaskan hutang Talam. Tentu. Kedua, dalam soalan yang dibuat oleh Paya Jaras mengatakan hutang SIC yang membayar duit pada Kerajaan Negeri RM390 juta itu, apa jadi? Adakah SIC hutang? Dan apa yang kita dapat hasil daripada penyusunan semula hutang itu. Dulu kita tak ada apa-apa. Kemudian SIC. Sekarang yang katakan RM390 juta yang di hutang itu, tak ada lagi. Dah bayar. Dia bayar dalam masa satu (1) hari. Dia pinjam pagi, dia bayar petang sebab kita dah lulus petang itu. Jadi, tak ada hutang. Tak ada hutang. Kerajaan Negeri pun dapat duit itu, dia bagikan kepada MBI dan MBI uruskan. Apa MBI dapat? Sekarang kita dapat. Kita dapat 2773 ekar tanah di Bestari Jaya dan nilainya RM181 juta, 1322 ekar di Bukit Beruntung, masih kita tentukan keuntungannya dan tanah 134 ekar di Danau Putera. 'Cash' – RM16 juta. Pulangan tunai dari Telekom City Link Ekspres – RM5 juta. Pulangan tunai dari Talam kepada MBI – RM7.7 juta. 12 ekar di Puncak Jalil. Ruang Pejabat di ruang pejabat. Kesemuanya, sekarang dalam MBI, harta MBI sekarang melebihi RM392 juta. Tapi apabila kita susun semula tanah-tanah ini, sekarang 'gross development value' dan keuntungan daripada 'gross development value' melebihi RM500 juta. Jadi, kalau ada dua (2) atau tiga (3) rakan yang perhatikan ini dan dia perhatikan soalan dari pihak Barisan Nasional masih lagi kurang faham. Dia cadangkan pada saya, mereka ini 'independant', bukan dalam negeri..... dia orang 'chartered accountant' dan 'investment banker'. Dia nak bagi duit kopi pada orang tu, nak terangkan sampai faham. Jadi, maknanya supaya jangan lagi timbul masalah ini sebab kita daripada tak ada duit, dapat RM390 juta dan RM500 juta. Itu dia. Itu yang saudara janganlah katakan, gagal merancang dan menguruskan belanjawan, itu agak sedih jugalah sebab fakta itu tak berapa betul. Jadi kalau dan ini tak ada komisen, tak ada komisen, tak ada rasuah, tak ada apa. TALAM pun kata dia mula tak nak bayar, kerana dia tak nak bayar kerana dia dah bayar dulu. Sekarang dia tak boleh dengan Menteri Besar sekarang dan EXCO dia tak boleh buat macam tu, bayar. Sekarang hutang dah bayar.

YB TUAN NG SUEE LIM : Puan Timbalan Speaker, mintak laluan Yang Berhormat Tan Sri. Saya kurang jelas dengan apa yang bayar dulu, bayar dulu tu maksudnya apa, perinci kan bayar dulu.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Bayar dulu ini dia cerita yang menyebabkan juga Bendahari dan juga Pengarah Kewangan Negeri juga berkerut mata bila saya nak pusingkan duit tu, itu yang dia. Bayar dulu begini, sebenarnya hutang dengan TALAM bertabur, banyak syarikat, jadi saya kumpulkan hutang-hutang itu dan mula-mula dia tak setuju dengan itu tapi oleh kerana kita negeri, kita kata berhutang kena bayar, setuju kita kumpulkan. Bila kita kumpulkan dia berjumlah 390 juta. Kemudian saya bercakap dengan Pengarah Kewangan Negeri kita kena masukkan aset ini menjadi aset negeri. Jadi untuk masukkan jadi aset negeri kita masukkan dalam akaun yang disatukan. Jadi bila nak masuk dalam akaun yang disatukan tak boleh bagi kereta bagi tanah, tak boleh. Dia kena bagi 'cash'. Akaun yang disatukan, masukkan duit dalam akaun kena bagi 'cash'. Jadi, itu sebab kita kena 'cash' 390 juta hutang. Jadi oleh sebab itu, kita mintak 1 syarikat di bawah PKNS berhutang 390 juta, pengsan orang

dengar. Tapi, dia pinjam untuk 1 hari, maknanya apabila duit ini dipinjam, bank bagi pinjam kemudian kita masukkan dalam buku perakaunan yang disatukan oleh negeri Selangor iaitu. Kemudian tuan-tuan dan puan-puan dalam dewan ni telah luluskan yang pemberian tersebut. Selepas tu Ahli-ahli Dewan juga luluskan untuk membagi kepada MBI. Jadi dapat saja masuk dalam buku negeri tuan-tuan luluskan 2 jam luluskan saya 'pass' duit itu kepada MBI, MBI 'pass' balik kepada SIC bayar hutang 'zero' dan beritahu TALAM harta semua bagi pada MBI. Itu dia, kalian dipanggil tak ada kena mengena dengan TALAM kena mengena dengan pusingan itu sebab kita nak bagi rekod dalam akaun negeri hutang yang tak dibayar oleh TALAM itu kita masukkan ke dalam akaun negeri, itu sebab, sebabnya ada sebab. Sekarang saya bagi tahu sebabnya. Kalau saya pergi mahkamah rampas tanah TALAM, kadang-kadang mahkamah kalau rampas syarikat yang lain mahkamah tak pandang berat tapi kalau saya rampas tanah TALAM atas asas dia milikan negeri untuk kepentingan orang ramai, tak boleh dipersoalkan oleh mahkamah. Jadi itu sebab saya buat perkara tersebut, ia itu saya lakukan dan ini boleh jadi kes tadi dalam pengajian pengurusan kewangan dan Yang Berhormat Dato Pengarah Kewangan Negeri pun boleh buat catitan bagaimana cara dia boleh buat jadi saya nak tunjukkan tak ada, tak ada sebab itu caranya sebab untuk menegaskan tentang pemilikan harta oleh kerajaan negeri. Jadi kalau tolak 390 juta tolak lagi hutang tu dan elaun tetap kakitangan kontrak yang baru kita kenalah bagi elaun kalau tidak takkan dia nak kerja, lagipun Yang Berhormat daripada Kota Damansara kalau saya tak bagi gaji yang sesuai protes lebih besar daripada biasalah itu sebabnya kita bayar gaji. Kemudian pinjaman Darul Ehsan ini saya akan terangkan lagi bagaimana dia akan dibayar melalui penstrukturan air. Jadi itu dia, jadi ini yang saya nak bangkitkan kerana saya rasa perlu penjelasan yang baik. Kedua saya juga berpendapat saya ingin menjawab kenyataan Dato' Ir. Hj. Muhammad Bushro daripada ADUN Paya Jaras kerana dia mengatakan kepada saya, saya adalah mempunyai kroni di I-City jadi oleh sebab kroni tu saya rasa sebenarnya saya tengok akaun I-City saudara tengok akaun I-City, 'Chairman' I-City, pengerusi I-City ialah Tan Sri Dato' Sri Hamad Kamal Piah bin Osman, Ketua Eksekutif PNB, barulah Yang Berbahagia Dato' Lim Kim Hong. Jadi saya kroni kalau saya kroni PNB saya memang betul sebab kroni saya adalah 8 juta pelabur, jadi kalau nak cakap fasal kroni, kroni 8 juta, saya rasa nak tulis surat pada 8 juta pelabur mengatakan dia kroni saya, sebab Paya Jaras telah membagi saya pengiktirafan kerana apa? Kerana Amanah Saham memiliki saham dalam I-City, itu sebab saya kalau pun kroni tak apalah, kroni apa sebab saya menolong, saya ingat Yang Berhormat daripada Sungai Burong pun pelabur Amanah Saham, jadi macam mana saya nak buat kan. Jadi oleh sebab itu, saya kena jaga, jadi nak cakap saya kroni tak apalah dan ada pemilikan saham kalau kita baca tentang pemilikan saham pun ada 18-19 juta pada saham pemilikan Amanah Saham di sini. Jadi, saya harap ini kenyataan ada benarnya tetapi bukan untuk mencerca jadi tujuannya saya pula pergi menolong kerana nak kan duit tak ada, sebab itu pelabur-pelabur ramai meningkatkan pelaburan di negeri Selangor, tak ada rasuah lagi. Tak ada apa tu komisen ejen, tak ada. Jadi tak jadilah masalah yang besar yang kita hadapi, jadi saya harap dengan ini kita dapat berterus terang dan saya dapati salah satu sebab mengapa ini diberitahu '*Capital Land*' itu ialah satu syarikat yang besar di bawah Temasek Holdings, mengapa '*Capital Land*' menarik pelaburan dia di I-City Berhad di Shah Alam, kerana dia dapati apabila 1 projek lebih daripada 100 ekar dia dikehendaki memberi penempatan sekolah ataupun tetapi kalau projek di bawah 100 ekar dia tidak perlu melakukannya. Itu satu, kedua yang mempunyai projek ke '*leading*' I-City tu, I-City hanya 78 ekar dan PKNS memiliki lebih 1500 ekar dan apa telah jadi oleh sebab PKNS sangat kuat dia letakkan Sekolah Tamil ke situ walaupun tak perlu diletakkan. Itu sebab Temasek '*Says this is not good government*', '*this is not good government*'. Nama kita nama negeri Selangor, di luar negara ada juga mengatakan '*This is not good government*' 'but' saya cakap '*no, this is not good government of the previous team, the new team very good government*', itu sebab saya dan saya buat dengan cara tertib bukan mana dia kena buat carikan Dr. Xavier walaupun memperjuangkan tu dia perhatikan dan betul kita dan kita bayar

dia orang bayar maknanya I-City bayar 3.7 juta ringgit dan untuk dapat dibina sekolah tersebut. Jadi maknanya bukan cara yang kita buat itu tak ada 'basis' dahan untuk mendapatkan I-City sebagai 'Cyber' ataupun 'Multimedia Centre' dia mesti mempunyai beberapa 'Infrastructure' yang berbeza daripada perumahan-perumahan yang lain dan ini diakui oleh UPEN sendiri dia mempunyai pelaburan yang melebihi 20-25 juta untuk menambah baik sistem untuk membuat apa 'Cabling, Fibre Optic' dan seterusnya dan dia telah menarik ramai orang melawat ke Shah Alam melalui apa yang dipanggil lampu-lampu yang kurang tenaganya. Jadi saya lihat itu pun tohmahan begitu perlu diambil kira, jadi oleh sebab itu kajian sebelum membuat kenyataan itu sangat perlu. Sebab itu sebab Tuanku berkata kita bila berbincang kita mesti melakukannya dengan cara profesional maknanya kenyataan fakta mesti betul, hati mesti baik jugalah, kalau tidak, tidak begitu dan kita pula tidak boleh itu yang paling penting, kalau negeri Selangor nak jadi negeri yang bersifat antarabangsa dia mesti adil kepada pemaju secara keseluruhannya mesti adil, maknanya ini syarikat ini mempunyai lebih daripada 2000 pemilik saham juga selain daripada 8 juta yang bersama dengan PNB. Jadi kita mesti bersikap adil dan jangan menekan 1 syarikat kerana syarikat itu ingin memajukan kawasan tersebut. Jadi kita mesti bersikap adil dan sikap adil itu akan diingati oleh pelabur-pelabur. Jadi saya harap perkara ini juga perlu kita ambil kira. Ketiga saya hendak membangkitkan tentang tohmahan juga oleh Ketua Pembangkang dari Sri Serdang yang menyatakan kepada saya sebab tohmahan itu dalam bentuk yang agak menyatakan bahawa ada yang berlaku yang tidak diingini seperti Dato' Tee ke di tempat Pejabat Menteri Besar, jadi itu yang saya, jadi yang sebenarnya yang saya juga mengambil masa kita juga bukan kerana yang diambil gambar tetapi proses pemasangan dan proses itu kita dapati daripada kajian kita, daripada kajian kita 'Installation day and time of recorder' 25 Julai, 5.46 petang 'on Sunday' dan 2 orang dan ada orang namanya Faiz, kemudian rekod dan dia juga berlaku pada malam ini bererti keselamatan akan terlibat dan juga boleh jadi polis pun tahu, jadi kalau kita suspek perkara ini akan suspek bukan kata betul, suspek macam mana kita nak mintak orang yang kita suspek membuat kajian, ini satu kerja yang tak berfikir panjang. Jadi oleh sebab itulah, kita mula menganalisa dan kita sudah dapat beberapa data di mana benda bateri dibuat kita tahu di Kulim Hi-Tech Park dan nama 'contact' pun dia bagi sebab dia ada bila dia dibuat bulan Mac dan dijual melalui ejen dia RC Planet Sdn Bhd di Subang Jaya dan orang yang menjualnya namanya Ifun. Membelinya kita tak tahu lagi, jadi ini semua saya ingin nyatakan kita bukan tak hendak konsep terbuka tetapi kita juga mesti pandai *you must be smart to release all this* sebab kita.... Jadi antara cadangan saya kalau supaya jangan ada tohmahan, ada perkara-perkara kita katakan fitnah, niat jahat saya apa semua saya boleh minta sebagai orang Islam supaya dia jangan pergi mengata-ngata orang. Sebagai orang Islam kita mesti menolong rakan orang Islam kita. Dia boleh tengok video tu dan tengok lepas itu kalau tak nak nyata tak payah. Jadi lebih baik sebabnya saya tak bagi pada pihak-pihak tertentu sebab dia di dalam *suspect list*. Itu sebab kita tak bagi. Jangan tujuan niat jahat itu....

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker. Minta laluan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : saya...

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih. Saya nak mintak penjelasan YAB Menteri Besar kerana Sri Serdang tidak ada tetapi saya mungkin mewakilinya nak bagi tahu bahawa ia bertanyakan kenapa kerana perkara itu menjadi kepentingan rakyat yang telah pun dikeluarkan dalam surat khabar dengan begitu sensasi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri, kerana itu beliau terpanggil nak tanya bilakah perkara ini akan diketahui atau pun apakah tindakan selanjutnya supaya rakyat boleh tahu apa sebenarnya kesudahan kes kamera intip. Itu saja. Saya tidak ada niat mencela atau niat untuk memfitnah Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Mungkin itu saja tanggapan beliau hanya ingin penjelasan bila. Tapi

kalau Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengambil perkara ini begitu sensitif maka saya rasa saya tak tahu nak kata apalah. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Ayat Yang Berhormat sangat baik daripada ayat yang saya nak bacakan teks Dato' Mohamad Satim. Saya tak nak bacalah sebab ayat dia lain. Ayat dia dengan ayat Yang Berhormat tu lain. Kalau kita baca hal-hal peribadi terus Yang Berhormat hendaklah menyerahkan kes ini kepada Polis dan menolak kemungkinan tujuan kamera itu ditempatkan di bilik Yang Amat Berhormat adalah bermotifkan politik yang hairannya Menteri Besar menjadi mangsa kamera itu diletakkan di dalam bilik Menteri Besar dan tak tahu macam mana kamera itu boleh masuk itu semua dan ada orang luar, ada orang dalam contoh begitu. Itulah yang paling menghairankan kita. Maknanya dia tak cakap beritahu lah kita apa semua. Ini, ini dia punya ayat sebarang kebocoran rahsia kerajaan, perbincangan atau salah laku tengok dia tulis, salah laku Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Itu salah laku itu sebab saudara bila baca bahasa ini lain daripada rakan kita yang profesional. OK. Itulah yang saya boleh katakan. Saya nak cepat sedikit saya nak bangkitkan fasal antara lain sudah tentulah perkara yang hebat yang dibincangkan adalah dua iaitu Yayasan Selangor dan juga PKNS yang ingin saya jawab. Sebab itu saya adalah Pengerusi kedua-dua Institusi tersebut.

Pertama, Yayasan Selangor. Yayasan Selangor saya rasa perkara yang dibangkitkan sebab perbelanjaan hampir 1 juta atau melebihi sedikit 1 juta untuk sosial itu bagus dibangkitkan oleh sebab kita sikap keterbukaan kita boleh berbincang. Tapi 1 juta bukan satu perkara yang tidak besar tapi satu perkara dengan dibandingkan dengan ketirisan di Yayasan Selangor yang tidak .. umpamanya 16 ekar di Bandar Klang bernilai 50 juta kalau kita tutup mata jual tanah tersebut 16 ekar kita dapat 50 juta. Tetapi bila kita buka mata, Yayasan Selangor buka mata bagi *joint venture* usaha sama pendapatannya ialah 10 juta. Tak bising 1 juta, satu dewan berperang, ini 40 juta tak ada bising surat layang pun tak ada. Kalau biasanya dalam sektor korporat orang itu kena melayang bukan yang 1 juta hilang yang 40 juta tadi. Ini contoh. Kemudian saya nak bagi contoh, dua contoh iaitu Projek Dana Satu di Lembah Subang. *Gross development value* tanah itu dibuat oleh *joint-venture* ialah 800 juta dan hasilnya sekurang-kurangnya 250 juta untuk projek itu. Berapa banyak Yayasan Selangor dapat 60 juta, berapa Yayasan Selangor hilang untuk perayaan 1 juta, berapa banyak Yayasan Selangor hilang dalam cara pengurusan harta lebih kurang 150 juta. Ha ini tak menangis jadi saya tak tahu di mana kita nak keluarkan air mata. Jadi saya dan saya telah kaji selaku Pengerusi Yayasan Selangor apabila di katakan saya salah pilih orang, saya tahu, sebab saya tengok harta Yayasan Selangor mengikut kiraan saya yang ada sekarang ialah 1 menara yang di Bukit Bintang, dekat Bintang walk satu menara. Menara Yayasan Selangor akan dibuat di Shah Alam. Menara Yayasan Selangor di Petaling Jaya 7.5 ekar di Kampung Pandan yang nilainya sekurang-kurangnya 200 juta. Pusat Pertumbuhan Ekonomi di Sabak Bernam boleh jadi boleh dibangunkan dan tanah di Serendah 317 ekar, tanah di *Carey Island* yang sudah ditanam kelapa sawit, 1,296 ekar dan tanah pajakan yang sebanyak 630 ekar dan banyak lagi tanah-tanah. Jadi apabila saya tengok harta ini saya nak memilih Pengurus Besar, saya rasa saya kena pilih Pengurus Besar yang tahu menguruskan harta. Jadi pilihan saya walau pun ada orang yang kita naik pilih tu mempunyai 25 tahun pengalaman sebagai Pendidik, dan ada yang 15 tahun pengalaman sebagai Pensyarah, jadi yang satu tu ialah seorang *Engineer* walau pun berpengalaman tapi pentadbir jadi pada saya kalau saya dapat tingkatkan pendapatan yang 5, 600 juta ini dengan itu saya boleh pilih orang yang boleh mentadbir itu lebih baik. Kalau saya tak pilih orang ni macam dulu juga 50 juta jadi dapat 10 juta, 240 juta dapat 60 juta. Bagus Yayasan Selangor nampak baik, tapi ..

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker minta penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : OK.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Yang Amat Berhormat Menteri Besar, oleh kerana Yang Amat Berhormat telah menjelaskan tentang pemilihan Pengurus Besar ini saya ingin dapat penjelasan kerana agak skeptikal sikit kerana pada pertama sekali sebagai Pengerusi telah membenarkan supaya penubuhan panel. Panel saya *research* berasaskan kepada integriti dan ketelusan sepatutnya telah ada *term of reference* dengan izin untuk menetapkan kriteria-kriteria tersebut jadi dengan itu Jawatankuasa yang melaksanakan pemilihan itu tentulah akan memperakukan mereka-mereka yang berdasarkan kelayakan, berdasarkan *term of reference* tersebut. Tapi mengapa perkara ini tidak dilakukan. Adakah ini satu keadaan lepas pandang atau pun keadaan sebagaimana, kerana ini perlu diperjelaskan juga sebab kita bercakap tentang *transparency* dan integriti tadi. Kalau tidak tentulah sebagai Pengerusi Lembaga Amanah mengaturkan supaya panel ini memilih semula perkara itu.

Yang kedua berkaitan dengan isu-isu harta Yayasan, sebab *fortunately* dengan izin Yayasan mempunyai banyak *land bank* jadi potensi untuk diurus tadbir harta ini memang cukup baik tapi isu yang berhadapan kita ialah ketelusan, integriti, apabila kita telah membuat pemilihan ini dan prinsip utama yang dipegang terdapat beberapa kelemahan-kelemahan telah mendapat teguran daripada audit dalam. Jadi apakah kita harus membelakangkan saja teguran-teguran tersebut demi untuk meningkatkan apa orang kata keupayaan Yayasan itu sendiri dan untuk mengelakkan supaya kelemahan-kelemahan yang telah ditegur itu tidak berulang. Yang keduanya kita perlu juga dalam masa yang begitu singkat terdapat banyak kelemahan-kelemahan yang disebutkan oleh laporan audit tersebut tentang tidak mengikut kepatuhan peraturan-peraturan dan sebagainya. Jadi isunya sekarang dari segi akauntabiliti harus juga perkara ini dipertanggungjawabkan dan kerana itu akhirnya itu yang saya menuntut supaya Pengurus Besar harus dipertanggungjawabkan tentang perkara ini. Terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih. Satu lagi perkara yang tidak ditulis di dalam laporan audit itu nama bukan termasuk nama Pengurus Besar yang ada sekarang. Tapi serupa dia no 1, no. 2, no. 3 tapi dari segi itu mana satu pun boleh diambil. Serupa juga macam pemilihan dulu Setiausaha Kerajaan Negeri 8, macam itu, dia bagi macam itu. Pada saya tentulah mana satu yang dipilih boleh dipilih memandangkan kepentingan yang saya rasa untuk kepentingan tersebut. Saya percaya saya tidak akan menerima kritikan tentang masalah integriti, saya menerima jadi seorang Pengurus Besar, seorang ketua perkara faktor yang pertama dalam kepercayaan ialah integriti dan saya menemu duga lagi sekali Pengurus Besar dan mengatakan kenapa ada *deselects of decision making* maknanya jawapannya ialah dia serahkan kerja CSR *Corporate select reversibility* itu kepada Timbalan Pengurus Besar untuk uruskan. Sebab mengatakan bahawa itu perkara biasa dalam ceritanya dalam penggunaan tetapi itu tidak boleh diambil sebagai satu alasan. Tapi saya jawab sekarang saudara nak direntikan atau pun apa jawapan saudara. Jawapan Pengurus Besar katanya dia baru masuk *give him a chance* dan untuk itu. Jadi kalau orang kata *give me a chance, this is a professional, this is a professional engineer and also former CEO give me a chance* dan dia kata *I will cut all my increment and bonus* kalau saya tak *performed* tak dapat apa-apa dan masa. Jadi pada saya *its commitment* kalau saya ada orang macam itu, saya nak cari orang lain dalam masa itu juga maknanya saya boleh *test, its is the test and* syarikat kita dan organisasi kita *very transparence* saya akan tahu, Pengarah Kewangan Negeri, saya *dan board members* dan termasuk juga kita akan berjumpa dengan *share holders* of Yayasan Selangor dia akan persoalkan perkara itu. Jadi itu baik.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker saya ingin penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Boleh.

YB DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS : Tuan Speaker, saya ingin boleh dapatkan penjelasan sikit. Saya pun agak hairan sikit sebab kita lihat dari segi pengawasan ya, dari segi pemantauan jadi kelemahan-kelemahan ini yang timbul. Ok sekiranya dengan izin, *what happen* kalau tidak ada teguran daripada Audit Dalam? *It's be drag on*, benda ni kan, berlaku kelemahan-kelemahan. Jadi ini soal kawalan ya. *Good governance*, kita memperkatakan organisasi *good governance*. Kalau berlaku kelemahan-kelemahan ini nasib baik Audit tegur jadi benda ni berlaku if not sebab kita lihat daripada teguran-teguran Audit terdapat kelemahan-kelemahan dari segi kawalan. Kita lihat itu sebabnya apabila *empowerment* diberi kawalan tidak dibuat ini menyebabkan timbul sama ada *inerrant* dengan izin, orang yang diberikan *empowerment* itu ataupun mungkin boleh timbul salah laku dan penyelewengan dan sebagainya. Ini yang saya bangkitkan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Yang Berhormat Sg. Burung, siapa yang panggil *auditors*? Lembaga Pengarah, bukan-bukan... kita tidak, apa tu... tutup yang memanggil *auditors* ialah kita sebab *we want to show our profesional action*. Kita panggil, bukan *auditors* datang, tak ada. Kita panggil, kita suruh dia semak, perbetul sebab salah satu daripada sebab kita rasa betul, saya menyatakan perbelanjaan yang tidak diberitahu kepada Pengerusi mengenai upacara 40 tahun jadi kita kata ok dan dalam tatacara pengurusan kalau kita dapati orang salah kita tidak boleh membuang orang dengan cara begitu kita mesti ada cara profesional sebab kita ada *domestic enquiry*. Kita ada *domestic enquiry*. Itu sebab kita *institute them*. Dalam proses itu berlaku, bukan, bukan kerana orang lain, kerana berlaku itu dan oleh kerana kita *transperant* kita keluarkan *report* itu, tidak kita sorok. Boleh jadi 3 tahun sebelum ini, boleh jadi dah terbakar dia tapi ini tak ada, kita buka, kita buka.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Speaker, boleh saya mohon penjelasan.

TUAN SPEAKER : Nanti dulu. Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Oleh kerana Urusan di Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan YAB. Dato' Menteri Besar untuk membawakan Usul.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut: Bahawasanya Dewan Yang Bersidang Pada Hari Ini Mengikot Peraturan 11 Dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah menyambung Persidangan ini, Persidangan pada hari ini sehingga 6 petang.

YB DATO' DR. HASAN BIN MOHAMED ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapatkan persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui. Baik dipersilakan.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Ijok memberi penjelasan mengenai Yayasan Selangor. Saya memerhatikan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burung semalam mengenai pengurusan Yayasan Selangor ialah isu mengenai integriti, kebertanggungjawaban, salah laku dan sebagainya dan semalam Yang Amat Berhormat Ijok, Yang Berhormat Sungai Burung perjelaskan beberapa perkara berserta dengan nombor invois, tarikh bayaran. Apa yang saya dapat ambil semalam daripada kenyataan Yang Berhormat Sungai Burung bahawa tak kurang daripada 6/7 salah laku yang dibuat oleh pengurusan Yayasan Selangor membuat pembayaran sebelum *event* bermula. Hampir 90 lebih peratus bayaran dibuat. Apa kah ini amalan yang menjadi prosedur kewangan ini diikuti oleh pengurusan Yayasan Selangor? Itu satu persoalan

dan yang keduanya saya melihat ada beberapa perkara yang tiada kaitan langsung dengan Yayasan Selangor. Pertandingan memancing, 175 ribu yang dibelanjakan dengan mengalami kerugian, itu bukan apa ni peranan dan tanggungjawab Yayasan Selangor yang diberikan. Pembelian cenderahati yang bernilai 200 ribu dan 100 ribu lebih, isu nya sekarang bagaimana selepas pendedahan ini dibuat dan pengurusan Yayasan Selangor membuat Mesyuarat Lembaga Pengarah masih mengekalkan individu ini hanya, apakah hanya dengan memohon maaf dan minta peluang yang kedua beliau diberikan kelepasan ini? Tidak mengambil tanggungjawab ini? Ini isunya ialah integriti sebab dia ialah imej Kerajaan Negeri Selangor. Itu isu dia. Pembayaran ini, saya nak bertanya juga. Yang ketiga, apabila pendahuluan ini dibuat sebahagian daripada *event* itu tidak dijalankan, bagaimana? Apakah dapat balik duit ini? Syarikat yang dibekalkan yang telah terima bayaran ini apakah dia bayar balik semua kewangan-kewangan yang telah dibelanjakan. Saya tak percaya, saya tak pasti. Jadi ini bukan amalan peraturan kewangan yang betul dan telah dibuat teguran oleh Audit, orang profesional

TUAN SPEAKER : Dah berulang dah, jangan guna peluang untuk berulang ya.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih banyak Permatang. Kita tidak lari daripada perkara-perkara yang Permatang sebutkan dan kita juga telah meminta Timbalan Pengurus Besar untuk berhenti sebab dia telah sains dokumen dan saya juga memantau setiap ringgit umpamanya mengapa sampai 200 ribu harga hadiah itu walaupun sama ada keputusan baik atau tidak ialah penempahan Al Quran yang mempunyai apa yang dikatakan *Leather Bound* berharga RM20 satu yang ditempah 10,000 dan sekarang sudah tidak dijual semula, dijual semula tapi saya tak hendak nak beritahu sebab itu saya nak tengok dia punya pendapatan balik ada kumpulan nak membeli dengan harga RM40 jadi maknanya dia boleh dapat itu, jadi itu bukan satu jawapan, itu bukan satu jawapan itu hanya mengambil kira membetulkan yang tak betul. Itu sahaja. Itu bukan satu jawapan yang baik tetapi membetulkan dan oleh sebab itu kita perketatkan semua aktiviti-aktiviti perayaan mesti mendapat kelulusan sekurang-kurangnya Pengerusi ataupun Lembaga Pemegang Amanah Yayasan. Jadi kita dah perketatkan usaha tersebut. Jadi kalau kita dah perketatkan kita tengok apa yang berlaku dan kalau lah beliau berjaya maknanya kita boleh teruskan kerjaya beliau dan kita akan pantau dan juga kita akan adakan kita sekarang adakan semua, ada biasanya dalam suatu *organization*, dalam satu organisasi dalam had untuk kelulusan Lembaga Pengarah ialah lebih daripada 500 ribu, dia kena baru di bawa kepada Lembaga Pengarah dan kurang daripada 500 ribu adalah *depression* tapi sekarang kita sudah tidak berikan itu. Jadi maknanya beberapa perkara

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Boleh saya mohon penjelasan sekali lagi Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Terima kasih Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar saya mohon penjelasan dalam Dewan ini atas asas apa Timbalan Pengurus Besar ditamatkan perkhidmatan? Atas sebab apa dan yang keduanya pada saya apa juga keputusan ataupun perancangan yang dibuat oleh Timbalan Pengurus Besar biasanya tanggungjawab ini mesti dipikul oleh Pengurus Besar yang memberikan kelulusan. Saya nak tanya itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Antara asas-asasnya ialah operandi. Modus operandi yang dibuat oleh Timbalan Pengurus Besar dan juga Timbalan Pengurus Besar juga telah dipantau dan di teliti oleh pihak Pencegah Rasuah jadi itu ada asasnya dan dia juga boleh dibawa ke Mahkamah tentang perkara ini. Jadi ada asasnya ada usahanya dan kita juga minta penjelasan daripada beliau kerana kita ada proses apa tu dan daripada jawapan-jawapan yang diberikan bererti dia tidak layak untuk memegang tugas yang telah kita berikan. Itu telah kita buat.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Tapi dalam alasan Timbalan Pengurus Besar waktu dalam kenyataan akhbar nya menyatakan bahawa beliau tidak pernah dipanggil

untuk berikan penjelasan kepada pihak Lembaga Pengarah dan kata, dia diberhentikan dalam keadaan tidak diberi peluang membela diri.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Itu tak jadi masalah dalam Undang-undang. Tidak payah di anu, tidak jadi masalah. Kalau saudara dah tahu, buat apa saudara buang masa lagi. Hah itu, kita boleh buat keputusan begitu, tak payah. Jadi dia boleh mengambil *the recost is to defend himself*, tak de jadi masalah tapi kalau saudara jadi pejuang untuk dia pun boleh sebab dia tak jadi masalah besar bagi saya sebab kita menunjukkan tatalaku dan tatacara yang dibuat.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Dato' Yang Berhormat Ijok, saya membandingkan tadi supaya kalau diambil tindakan biar kedua-duanya diambil kalau tak diambil, tak ambil kedua-duanya. Jadi tidak timbul persepsi rakyat bahawa ada yang dilindungi, itu sahaja yang saya hendak kemukakan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Itu keputusan yang diambil oleh Lembaga Pengarah. Jadi bila kita ambil keputusan itu, risiko kita ialah menghadapi persepsi tersebut dan sudah percaya, saudara akan membangkitkan dalam Dewan-dewan yang akan datang jika perkara itu berlaku dalam ayat dalam bahawa Inggeris, *I told you so* ataupun *otherwise*, itu sahaja. Kalau dia berjaya meningkatkan keuntungan Yayasan Selangor dan membangun Yayasan Selangor dengan lebih baik lagi pun tak payah dibincangkan pun tak apa tapi memberi sedekah doa kepada dia, itu sahaja. Jadi saya akhir sekali saya boleh jadi saya takut nak hanya nak memberitahu tentang perkara yang saya rasa akan berkali-kali dibangkitkan tentang penyusunan aset air Selangor. Saya nak bentangkan. Itu sebab saya sediakan dokumen awal yang menyatakan di mana aset-aset Selangor. Ada gambarnya sahaja. Aset-aset Selangor yang tidak diambil kira dalam program penswastan dan nilainya, nilai awal yang telah dibuat oleh *team* ini jadi kalau tuan-tuan ada masa untuk melihatnya nilai awal yang dibuatnya ialah *Profesional Market Value* ataupun harga pasaran yang diukur secara mengikut sistem yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan pada 30 Jun 2010 ialah 10.98 bilion. 10.98 bilion, itu tidak ambil kira. Jadi sekarang kita ambil kira bayangkan 10.98 bilion kita dapat pulangan 2%. Saya pula ambil kira yang lebih senang 2% ialah 200 juta. 200 juta air percuma kos kita tak sampai 130 juta jadi jawapan saya kita mesti gunakan kekuatan ini supaya dapat memulangkan balik kepentingan-kepentingan rakyat dan keuntungan-keuntungan ini kepada rakyat. Bukan diswastakan kepada satu syarikat yang harta kita dianggap macam harta dia tetapi bayaran pun tidak dan ada kalanya dia saman Kerajaan Negeri kerana tidak membayar. Ini penswastan bagaimana ni? Orang yang punya milik pun dihalau. Hah ini pun saya nak beritahu Dewan untuk dapat pergi ke tempat-tempat lawatan ini, untuk melawat harta-harta Negeri Selangor saya kena dua kali berbincang dengan Dato' LA, Dato' LA dia kata, Dato' LA memang Kerajaan Negeri ada kuasa boleh pergi ke sana tapi surat dia datang kepada kita, ya boleh melawat tetapi dengan syarat di kawal dengan syarat semua data-data tu tak boleh dibawa keluar. Hah ini, Yahudi pun tak semacam itu cara dia, hah ini, tapi Dato' LA sendiri dan saya terus draf surat untuk satu perkara, ialah untuk menutup semua, nanti orang tak ada air pula jadi satu masalah yang besar tetapi kita sudah buat surat kata ini bukan meminta, ini hak negeri. Jadi ini beberapa contoh, saya berharap Yang Berhormat Sg. Pelek dapat merasakan ini, lain kali kalau kita tengok aset negeri yang hendak diswastakan kena banyak soalan. Hah! Ini suatu contoh yang mana 10 juta hilang dari mata kita. 10 ribu juta dan bayangkan kita dapat 1 ribu juta. 6 tahun dan 7 tahun air percuma. Jadi kalau nak bincang sama ada negeri ada duit dan aset untuk membiayai air percuma, hah ini contohnya. Tapi saya juga *make an offer*. Saya buat tawaran saudara-saudara tengok dalam surat khabar ada saya buat tawaran. Saya buat, saya *offer* 9.8 jadi dia orang kata terlalu murah. Ialah, saya *offer* sebab negeri. Saya *offer* aset saya balik dengan bisnes saya balikkah. Itu sebab saya *offer*. Jadi sebab macam mana dia

membaiayainya? Saya ingat rakan-rakan tahu Kementerian Kewangan bersedia untuk membeli balik aset tersebut dengan harga tersebut. Jadi kalau saya dapat *cash* RM10 bilion saya *offer* RM9 bilion saya ada RM1 bilion lebih untuk air percuma sebelum bisnes itu berjalan dengan baik. Jadi saya tidak, bererti saya tidak memberikan satu *deal* satu cara yang tak terbaik untuk Negeri Selangor. Itu sahaja saya hendak bagi. Dan saya lagi sekali, saya ada banyak perkara tapi saya fikir banyak yang sudah disentuh oleh rakan-rakan. Lagi sekali saya mengucapkan terima kasih dan menyembah Tuanku kerana Tuanku telah memberikan panduan

YB TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Tuan Speaker. Saya hendak minta sedikit penjelasan. Bagaimana dengan PKNS punya penerangan?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Oh ya. Ok, ok, terima kasih. Ok. PKNS saya dapati banyak perkara yang sukar dipertahankan dan masih lagi *report* itu dibincangkan di jawatankuasa yang kita tugaskan. Dan kita berpendapat untuk ini saya telah minta Pengurus Besar untuk *correct the situation*. Maknanya kalau ada perkara yang tak betul umpamanya *telemarketing* yang dibuat secara itu, saya kata *correct the situation*, maknanya selesaikan. Saya bagi dia sekarang, saya tidak dan Lembaga Pengarah PKNS bersetuju memberi dia *month to month, month to month* sehingga perkara itu selesai. *Month to month*, itu yang kita lakukan. Dan kita hendak dia betulkan yang umpamanya kita tidak menerima *telemarketing*. Itu tak boleh dan kita juga tidak menerima dia sebagai Pengerusi PKNS Holdings yang boleh buat keputusan yang boleh membelakangkan Lembaga Pengarah Utama PKNS. Sebab PKNS ialah satu perbadanan. Di bawah PKNS ada dipanggil PKNS Holdings Sdn. Bhd. Jadi dia bertompok dekat situ. Jadi dia boleh kata dia *Chairman of PKNS Holdings*. Jadi tak payah *report* kepada PKNS Board. Jadi sekarang kita telah tarik balik itu dan kita hendak selesaikan. Saya berharap akan dapat membuat beberapa

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, minta penjelasan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Ok.

TUAN SPEAKER : Taman Templer

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ia, terima kasih. Terima kasih Tuan Speaker. Hanya saya terima kasihlah kepada Sekinchan kerana memang prihatin tentang masalah rakyat dan PKNS memang telah banyak diperkatakan. Hanya saya berharap isu-isu yang dibangkitkan sebelum ini oleh rakan-rakan saya daripada Kuang itu bukan dilihat sebagai hanya hendak mengkritik tetapi kita tahu rata-rata dasar ditubuhkan PKNS itu untuk membantu masyarakat di luar bandar khususnya Bumiputera. Dan apabila berlakunya kepincangan dalam pentadbiran, maka saya tengok banyak isu di sini Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak menyelindung mengatakan yang benar. Tetapi dalam itu juga mungkin sebagai *Good Governance* Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak begitu tegas untuk mengambil tindakan apabila berlakunya sedikit kepincangan dalam pentadbiran PKNS mahupun Yayasan Selangor. Tapi kalau berlaku kepada pihak-pihak lain khususnya melibatkan Kerajaan Pusat maka selalu diungkit ataupun ditunjukkan-tunjukkan ya. Jadi saya berharap agar perkara ini diambil tindakan serius dan contohnya macam *telemarketing* yang disebutkan tadi pun *by right* ataupun dengan izin

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, minta penjelasan, bukan buat ucapan.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Ini dia punya mukadimah ni.

TUAN SPEAKER : Tak payah, panjang sangat mukadimah ni.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Oh ia ke? Ok saya ringkaskan. Hanya kesimpulan penjelasan yang saya pohon kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar supaya teguran-teguran itu diambil kira kerana contohnya Tuan Speaker di kawasan saya, Bukit Botak, apabila diminta PKNS membiayai harga rumah yang naik daripada RM45 ribu ke RM99 ribu belum campur kos infra. Maka dikatakan tak boleh kerana akan merugikan. PKNS begitu besar dan ini orang yang cukup miskin. Maka saya berharap agar kehilangan duit-duit PKNS itu dapat ditampung supaya dapatlah harga rumah Bukit Botak dikurangkan khususnya kepada RM70 ribu. Itu sahaja, terima kasih.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Terima kasih saudara Taman Templer. Saudara faham untuk membuat pengagihan kita juga mesti mendapat keuntungan. Kalau tidak, kita tidak boleh membuat pengagihan. Kedua, saya cuba mengubah sedikit konsep pembangunan. Walaupun PKNS mempunyai tanggungjawab untuk membangunkan seluruh pembangunan rakyat penempatan perumahan rakyat Negeri Selangor tetapi kita juga mesti ada perseimbangannya. Saya hendak bagi contoh. Contoh ini sebab sebagai Pengerusi PKNS saya telah pergi berjumpa dengan pemaju-pemaju dan juga pemaju-pemaju luar negara untuk mengiklankan keupayaan PKNS selama 40 tahun. Maksudnya saya hendak iklankan. Kemungkinan saya iklankan kepada mereka bahawa PKNS membangunkan Shah Alam. PKNS membangunkan Bangi. PKNS membangunkan beberapa penempatan di Petaling Jaya. Kemudian saya juga terangkan baru tak lama tak sampai tiga, empat tahun yang baru ini PKNS membangunkan Kota Damansara. Jadi jawapan yang saya terima, jawapan yang saya terima iaitu yang saya hendak bantah. *Really PKNS doing the work?* Itu jawapannya. Betul tak PKNS ini buat betul? Maksudnya jawapan dia walaupun nama PKNS, nama PKNS yang mendapat kebaikan daripadanya bukan PKNS sendiri. Saya bagi contoh. Pembangunan di, saya bagi contoh lepas itu boleh kita, saya bagi contoh dulu. Pembangunan di Kota Damansara ialah dia punya *gross development value* berbilion. Maksudnya RM2 atau RM3 bilion. Dan *joint venture partner, joint venture partner* PKNS yang membangunkan ini daripada sebelum dia mendapat projek ini adalah mempunyai dalam kiraan kita *capitalisation* yang sangat lebih rendah daripada PKNS. Hasil daripada *joint venture* ini mereka mempunyai nilai *capitalisation* tiga atau empat kali dari PKNS. Bererti *the profit sharing* yang dia dapat sangat melebihi dari PKNS. Jadi kerana dia dapat *profit sharing* yang sangat melebihi sebab *they do the work. They are in the profit.* Boleh jadi PKNS menjual nama tetapi tetapi tak menjual keupayaan dan juga kemahiran. Selangor *cannot afford.* Tak boleh dalam keadaan ini, kita juga mesti menunjukkan guna tenaga kita membuatnya. Saudara akan tanya boleh tak PKNS buat? Saya rasa boleh. Tetapi mesti membuatnya. Bukan jadi *sleeping partner*, tak boleh. Dan saya sendiri hairan kenapa PKNS tak buat. Saya sendiri pernah membuatnya. Saya bagi contoh. Pembangunan saya yang saya jadi Pengurusnya di Bukit Jelutong, saya boleh buat. Jadi maksudnya ada pengajaran yang kita boleh dapati daripada perkara ini. Itu sebab saya kata cuba semuanya. Walaupun kita ada fokus kepada apa yang dipanggil *affordable housing* kita juga fokus juga kepada pembinaan bandar dan juga pembinaan lain kerana kalau tidak dalam proses pembangunan ini kita mengambil kira kesemuanya.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Terima kasih Yang Berhormat Ijok. Sekali lagi dalam isu PKNS ini sebagaimana Yayasan Selangor ialah isu integriti, *good governance* dan juga salah laku dan sebagainya, sebagaimana yang dibangkitkan. Saya bukan hendak mengulang ini tapi saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam pendedahan yang dibuat oleh yang Berhormat Kuang semalam dan saya pun dapat lihat dokumen yang dikemukakan. Bagaimana memorandum bantahan yang dikemukakan oleh hampir lima ratus lebih kakitangan PKNS terhadap Pengurus Besar ini. Jadi saya melihat dalam soal integriti ini satu perkara yang tidak boleh ditolak ansur, di kompromi. Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh sebut berapa banyak kejayaan PKNS. Itu kita terima dan itu

pun sudah berlaku lebih awal daripada sebelum Pakatan Rakyat. Isunya sekarang bagaimana Pengurus Besar ini hendak berhadapan dengan lima ratus lebih kakitangan yang sudah hilang kepercayaan kepada pengurusan Pengurus Besar? Bagaimana hendak mendapatkan kepercayaan daripada *somebody net*? Daripada semua peringkat dalam PKNS termasuk semua kaum. Dalam memorandum bantahan yang dilihat melibatkan semua kaum bukannya satu kaum. Dan semua peringkat jawatan daripada yang rendah sampai ke peringkat pengurusan.

TUAN SPEAKER : lalah itu soalan yang pertama, itu soalan pertama. Ada lagi?

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, minta tambah

TUAN SPEAKER : Nanti saya belum, belum habis.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Minta tambah sambung sahaja yang itu supaya tak banyak kali bangun.

TUAN SPEAKER : Saya minta soalan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Ia, soalnya

TUAN SPEAKER : Saya tak hendak lagi dengar

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Dengan jawapan tadi persepsi saya terhadap PKNS sudah berubah. Adakah apa benda ini

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Yang Berhormat nanti dahulu. Saya tak hendak persepsi. Saya tak hendak, dengar saya, dengar dulu nanti Yang Berhormat saya akan bagi peluang. Jangan takut. Saya bagi peluang kepada setiap orang cuma saya hendak ingatkan tak perlulah saya bagi kursus setiap kali. Bila bangun minta penjelasan, tanya soalan. Jangan bagi persepsi, jangan bagi pandangan. Itu buat semasa kita bagi perbahasan. Kalau perbahasan dah terlepas pandang, lupa, tak buat kerja, jangan datang sini hendak ambil peluang untuk nak ulang-ulang lagi kemudian hendak buat lagi pandangan, membuat persepsi, mukadimah, tidak mahu. Ya, saya hendak kalau hendak penjelasan, bagi penjelasan.

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, minta penjelasan. Dengan *joint venture* dan penswastaaan dalam PKNS setakat ini adakah kedua-dua ini melebihi daripada apa yang dilakukan oleh PKNS sendiri dari segi pembangunan? Persepsi saya dah berubah terhadap PKNS bila maklumat disampaikan tadi.

TUAN SPEAKER : Ha, cantik soalan itu.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Memang benar itu yang berlaku, itu yang berlaku. Umpamanya kalau kita perhatikan *Seksyen Seven*. *Section Seven* yang kita bincangkan fasal ICT ya, ICT. Berapa peratus yang dibuat oleh PKNS sendiri? Berapa peratus yang PKNS hanya jadi 30% *joint venture partner*? Jadi kalau saudara tengok itu sebab saya, itu beberapa contoh. Tapi kalau kita tidak boleh mengatakan itu salah kakitangan tidak ada sebab konsep kita dulu, konsep kita dulu tidak begini. Jadi pada saya tiba masanya PKNS bukan sahaja sebagai orang yang mengatur, menyain cek, menghantar permohonan untuk dapat kelulusan, minta premium yang rendah daripada Kerajaan Negeri. Lepas itu yang lain kerja-kerja untuk membangunkan menjaga pembangunan itu, arkitek kita, QS kita, apa semua mestilah daripada warga kerja PKNS. Dengan cara itu kita punya *knowledge skill* dan keupayaan. PKNS boleh bersaing dengan *capital land* sangat besar, saya tak ada nak, boleh kalau dia mempunyai

konsep yang serupa sepuluh tahun dahulu. Jadi itu sebab dia kita membawa satu syarikat Perbadanan kepada satu arah. Jadi oleh sebab itulah Yang Berhormat daripada Permatang selain daripada kemahiran *the question of integrity become very* itu sebab. Dan saya rasa ini kita akan bincangkan saya mengambil kira pandangan semua. Kita bincangkan bersama Lembaga Pengarah dan *charge the future of PKNS* dan kita percaya kalau tidak ada apa yang munasabah yang dilakukan sudah tentulah dia akan tidak memberi manfaat kepada negeri dan saudara boleh ada forum untuk mempersoalkannya.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER : Ya Hulu Kelang.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Semalam Hulu Kelang ada menimbulkan isu *the river of life* tajaan pusat dan Kerajaan Negeri ada program pembersihan sungai Kelang. Apakah status terkini tentang projek tersebut?

YAB DATO' MENTERI BESAR : Soalan itu ada dalam soalan soal jawab tetapi yang sebenarnya saya, kita lebih awal merancang pembangunan Sungai Kelang, kita lebih awal. Kita sudah ada program, kita sudah gazetkan tanah-tanah, semua kita sudah ada dan kita juga telah menyatakan tiga syarikat yang kita bukan ada *agreement* tidak ada lagi. Kita kata syarikat ini kalau didapati sesuai dan fleksibel boleh kita gunakan sebagai dalam antara mereka yang membangunkan Sungai Kelang. Tetapi apabila Kerajaan Persekutuan mengeluarkan kenyataan transformasi ekonomi dan menyatakan Kelang, Sungai Kelang itu sebagai *River Of Life* maknanya akan dibangunkan dengan besar dan penempatan kewangan awal sebanyak dua bilion. Jadi pada saya ada baiknya kita berbincang bersama sebab kalau saya bersihkan Ulu Kelang tetapi kesannya tidak sampai kepada Kuala Lumpur jadi sudah tentu sukar. Kalau Kuala Lumpur buat tetapi kesannya kepada Shah Alam dan juga Kelang. Jadi pada saya ada baiknya kita bincangkan buat masa ini mereka setuju untuk dibincangkan. Dan kalau itu berlaku walaupun kita terlepas enam atau lapan bulan tetapi ada baiknya daripada segi perancangan itu sebab saya kita sudah bersedia tetapi menunggu kajian yang dibuat oleh Syarikat saya dah terlupa nama syarikatnya yang membuat kajian tentang Kuala Lumpur.

TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat sekalian ada pun di hadapan dewan ini ialah satu usul yang berbunyi seperti berikut. Ampun Tuanku, patik-patik sekalian iaitu Speaker dan Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor yang berhimpun di dewan ini memohon sembah terima kasih serta menjunjung kasih di atas titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bagi membuka dengan rasminya Mesyuarat Pertama Pembukaan Penggal keempat Persidangan Dewan Negeri Selangor yang kedua belas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak, Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan 2011.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian oleh kerana penyusunan semula industri air ini tidak selesai dan kita akan membuat satu rang undang-undang untuk memberikan kuasa teter teri bagi bayaran tambahan tertentu dibuat untuk perkhidmatan negeri tahun 2011 yang telah tidak diperuntukkan dan tidak diperuntukkan oleh undang-undang sedia ada. Tuan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Satu usul berjumlah satu ribu empat ratus tiga puluh juta telah diluluskan di dalam Persidangan Dewan Negeri Selangor yang telah diadakan pada lapan November 2010. Berasaskan anggaran perbelanjaan sehingga Disember 2011 terdapat kekurangan sebanyak empat puluh sembilan juta tiga ratus ribu sehubungan itu peruntukan tambahan empat puluh sembilan juta tiga ratus ribu adalah diperlukan bagi menampung kekurangan P29 Perbendaharaan

Perbelanjaan Am. Maksud B29 Perbendaharaan Negeri Perbelanjaan Am tambahan sebanyak empat puluh sembilan juta tiga ratus ribu 4200 Pemberian dalam negeri adalah dikehendaki bagi memperbaiki kos program air percuma bagi 20 meter padu yang pertama kepada pengguna-pengguna domestik yang menggunakan meter individu oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tempoh April hingga Julai 2011. Tuan Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dengan penjelasan yang telah diberikan tadi saya mencadangkan satu enakmen bagi menggunakan wang dari kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011 berjumlah empat puluh sembilan juta tiga ratus ribu dapat memperuntukkan wang itu bagi maksud yang tertentu dibaca kali yang kedua.

YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan rang undang-undang ini untuk dibahaskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian cadangan di hadapan dewan ialah bahawa rang undang-undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di Persetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama satu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi tahun 2011 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu bagi tahun itu.

TUAN SPEAKER : Dipersilakan Y.A. B. Dato' Menteri Besar.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Tuan Speaker saya mohon mencadangkan supaya dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan rang undang-undang ini fasal demi fasal.

TUAN SPEAKER : Penyokong.

YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Saya sokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal satu dan fasal dua.

TUAN SPEAKER : Fasal satu dan fasal dua menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di Persetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Jadual.

TUAN SPEAKER : Jadual menjadi sebahagian daripada rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di Persetujui.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Pengerusi saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang ini seperti yang telah dibincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Sokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula. Dato' Menteri Besar.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa rang undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa yang telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB DATO' DR. HASAN B. MOHAMED ALI : Saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat sekalian cadangan dihadapan dewan ialah rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata tidak. Di Persetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan 2011. Rang undang-undang seterusnya, rang undang-undang Enakmen Pemakaian Akta Perhutanan Negara pindaan 2011.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian di bawa perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, Perhutanan adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Oleh yang demikian, setiap negeri berkuasa untuk menggubal undang-undang di sektor perhutanan dan mengadakan dasar perhutanan sendiri. Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 telah diwartakan untuk diterima pakai oleh Dewan Undangan Negeri di Selangor pada 22 November 1985. Dan mula berkuat kuasa pada 19 Jun 1986 melalui warta nombor 26 Jilid 38. Dalam tempoh dua puluh lima tahun sejak diterima pakai Kerajaan Negeri Selangor pernah melaksanakan pindaan kepada Enakmen ini pada beberapa seksyen untuk membolehkan Taman Negeri atau dikenali sebagai Taman Warisan Negeri Selangor ditubuh dan diwartakan. Peranan simpanan hutan simpanan kekal dalam memberi perkhidmatan tidak ternilai atau dengan izin intenjervel bagi menjamin kestabilan alam sekitar dari aspek sumber bekalan air bersih, kualiti air bersih, kawalan banjir dan hakisan tanah, pemeliharaan paya, penyah karbon dioksida yang paling berkesan di samping membekalkan kayu kayan, tumbuhan perubatan, herba, rotan, sumber protein dan sebagainya semakin penting di era globalisasi kini. Isu pemanasan global, perubahan iklim dan bencana alam seperti gempa bumi dan tsunami yang berlaku akhir-akhir ini merupakan petanda bahawa fenomena yang mengakibatkan berlaku kehilangan dan kerugian dari segi nyawa dan harta benda serta menjejaskan ekonomi dan taraf kehidupan masyarakat sesuatu Negara akan terus berlaku. Melainkan langkah-langkah pengurangan aktiviti pembukaan kawasan hutan dan sumber asli lain diambil. Sebaliknya usaha ke arah menggalakkan penyelidikan dan aktiviti serta inovasi yang dapat menambah kualiti dan produktiviti sesuatu sumber alam harus ada dipertingkatkan. Pembangunan mampan adalah satu konsep yang sering di uar-uarkan oleh pemimpin peringkat global dan tempatan namun pembatalan hutan simpan kekal untuk guna tanah lain tanpa kajian menyeluruh di adakan masih berlaku menunggu bencana untuk menimpa. Masanya telah tiba bagi meminda enakmen ini untuk dijadikan pembatalan ataupun pewartaan keluar kawasan hutan simpan kekal menjadi lebih sukar dan tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya di atas nama pembangunan yang bertopengkan kepentingan pihak-pihak tertentu dan membelakangkan kepentingan rakyat. Pindaan ini akan menjadikan penyiasatan awam yang mengambil pandangan rakyat sebelum membuat keputusan untuk mewartakan keluar hutan simpan kekal di buat sebagai mekanisme penting akan mencerminkan ketelusan pihak berkuasa negeri dalam membuat sesuatu keputusan berhubung tadbir urus tanah simpanan kekal. Pindaan seksyen 11 yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- i) Menggantikan proviso sedia ada dengan proviso yang berikut dengan syarat tanah tersebut hanya boleh dikeluarkan setelah diadakan penyiasatan awam sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri.
- ii) Pindaan Seksyen 11 ini apabila di baca bersekali berbunyi pihak berkuasa negeri jika berpuas hati bahawa mana-mana kawasan tanah dalam hutan simpanan kekal (a) tidak lagi diperlukan bagi maksud yang mana ia dikelaskan di bawah Seksyen 10 dan (b) diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang boleh mengeluarkan kawasan tanah itu daripada hutan simpanan kekal dengan syarat tanah tersebut hanya boleh dikeluarkan setelah di adakan penyiasatan awam sebagaimana yang ditetapkan oleh pihak berkuasa negeri.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dengan penjelasan yang telah diberi tadi maka dengan ini saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pindaan ini dibacakan bagi kali yang kedua.

YB TUAN DR. XAVIER JAYAUMAR A/L ARULANANDAM : Tuan Speaker saya sokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan ini telah pun disokong saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk di bahaskan.

TUAN SPEAKER : YA Teratai.

YB PUAN LEE YING HA : Tuan Speaker, terima kasih. Teratai ingin menyokong enakmen ini kerana ia menunjukkan kerajaan Pakatan Rakyat yang mengamalkan sikap yang berdemokrasi. Hutan merupakan alam semula jadi bukan untuk masyarakat kini tetapi selamalamanya. Walau bagaimanapun Teratai ingin tahu kalau mengadakan satu penyiasatan awam penduduk yang manakah yang terlibat. Adakah ia ditetapkan mengikut jarak kediaman mereka atau pun ada apa ukuran lain. Dan yang kedua ialah bilangan penduduk yang minimum harus hadir dalam penyiasatan awam. Adakah ini ditetapkan kalau tidak contohnya kalau tidak ada seorang pun yang hadir penyiasatan awam adakah proses ini dikira dengan *valid* dengan izin. Dan di manakah ketiga, di manakah iklan penyiasatan awam akan diadakan. Jikalau penyiasatan awam dirancangan. Untuk maklumat Yang Berhormat EXCO pada zaman Barisan Nasional surat untuk pendengaran atau penyiasatan awam telah dikeluarkan, tetapi kebinaannya adalah secara biasa penduduk tidak dapat membaca surat atau tidak terima surat tersebut. Akhirnya pendengaran awam tidak jadi atau pun tiada orang yang hadir pendengaran awam. Oleh itu Teratai, selain daripada itu Teratai juga pernah mengadakan satu perjumpaan bersama penduduk di kawasan Teratai pada tahun 2008. Mengenai sebidang tanah hutan rizab yang dicadang untuk dijadikan tapak perkuburan Islam. Tetapi apabila perjumpaan ini diadakan kebanyakan bukan penduduk datang dari jauh pun ada dari dekat pun ada mengambil kesempatan itu untuk berucap pada sidang itu dan orang tempatan tidak dapat peluang untuk memberi pandangan mereka. Oleh itu saya berharap pihak EXCO boleh mengambil perhatian dengan kelemahan yang mungkin wujud dalam pelaksanaan pendengaran penyiasatan awam. Jadi dengan ini Teratai menyokong enakmen ini.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER : Ya. Taman Templer.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Terima kasih Tuan Speaker. Taman Templer juga ingin mengambil bahagian dalam enakmen rang undang-undang enakmen akta perhutanan

Negara terlebih dahulu saya akan ringkaskan perbahasan saya tetapi khususnya saya nak tujukan kepada beberapa perkara yang melibatkan akta perhutanan yang berlaku di kawasan Taman Templer itu sendiri pada Yang Berhormat EXCO. Khususnya baru-baru ini saya pernah setahun lepas menghantar surat kepada YB EXCO tentang kolam air panas di Selayang yang melibatkan di mana hutan di kawasan tersebut ditebang dan digunakan untuk membuat satu kondominium mewah ya. Persoalan saya atau kerisauan saya setelah perkara ini dibangkitkan kepada perhatian Yang Berhormat EXCO memang saya setuju Yang Berhormat EXCO telah mengambil tindakan dengan pantas dan bersetuju dengan pandangan saya. Jadi ini menunjukkan bahawa tidak semestinya wakil rakyat pembangkang dan wakil rakyat Barisan Nasional tidak boleh bersetuju dalam mana-mana hal untuk kepentingan rakyat. Tetapi perkara itu telah pun diajukan kepada pihak berkuasa khususnya pihak Majlis Perbandaran Selayang tetapi sehingga sekarang nampaknya tidak ada apa-apa tindakan yang dilakukan. Saya hanya risau bahawa perkara ini bila diajukan oleh wakil rakyat barisan boleh dikatakan ini kelulusan daripada EXCO. Dan bila diajukan kepada EXCO dikatakan ini arahan daripada Kerajaan Pusat ya. Jadi untuk kepentingan rakyat dan negeri Selangor, saya berharaplah agar perkara-perkara yang saya sebutkan tadi khususnya kolam air panas kerana contoh salah satu contoh yang boleh saya berikan iaitu di Setapak Hots Spring ya di mana tempat itu cukup terkenal dengan air panas yang diguna pakai oleh masyarakat bukan saja daripada Kuala Lumpur tetapi di semua tempat atau pelosok negara. Akhirnya di Selayang pun begitu, saya mendapati rakyat ataupun orang ramai daripada Perlis sendiri pun datang untuk menikmati hasil semula jadi dari kolam air tersebut. Tetapi nampaknya hari ini kondominium telah pun dibina walau pun tentangan daripada wakil rakyat dan juga EXCO tetapi kondominium tetap diteruskan dan nampaknya perkara ini juga akan sekali gus melupuskan kolam air panas di situ. Jadi saya merasakan walaupun mungkin tak terus berkait dengan enakmen ini tetapi saya rasa berkaitan dengan hutan ada kaitannya jugalah ya. Saya juga nak mohon atau perhatian Yang Berhormat EXCO salah satu insiden di Templer iaitu di Bandar Baru Selayang di mana baru-baru ini sebuah perumahan iaitu anak atau pun sebuah anak syarikat kerajaan negeri itu sendiri iaitu Shah Alam Properties di mana mereka telah menebang pokok dan untuk khususnya membuat pembangunan di kawasan tersebut. Dan penduduk tersebut telah menelefon saya kerana cara mereka menebang tanpa mendapat keputusan atau pandangan daripada masyarakat di kawasan tersebut dan cukup membahayakan. Perkara ini telah pun di bawa ke perhatian surat khabar dan telah pun diajukan kepada pihak berkuasa, maaf tetapi Majlis Perbandaran Selayang tetapi masih lagi tidak ada apa-apa tindakan yang dilakukan. Jadi saya berharaplah supaya enakmen ini bagus dan saya pun setuju dengan enakmen ini dan saya berharap agar perkara ini bukan sahaja kita bentangkan dan diluluskan tetapi juga *practicality* nya iaitu pelaksanaannya di peringkat PBT-PBT juga perlu dipantau supaya jangan sekadar dibentang tetapi akhirnya perkara ini tidak dilaksanakan. Itu sahaja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menggulung.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih kepada Yang Berhormat Teratai dan juga Taman Templer yang telah mengambil bahagian dalam pendebatan ini dan juga memberi beberapa pandangan dan juga soalan yang amat bagus. Pertamanya saya ingin menjawab kepada Yang Berhormat Teratai tentang isu penyiasatan atau pun siasatan awam dengan izin *public and quiry*. Memang kita akan mengambil kira beberapa cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Teratai tetapi apa yang niat ataupun objektif kita adakan pindaan kepada akta ini adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada rakyat umum khususnya rakyat negeri untuk memberikan ulasan ataupun pandangan atau pun komen serta cadangan ataupun alternatif yang membina *constructive quietization or constructive opinion* berhubung dengan cadangan untuk pembatalan ataupun pewartaan keluar sesuatu kawasan

hutan simpan kekal yang sentiasa menghadapi tekanan pembangunan terutama di kawasan - kawasan maju dan menjadi tumpuan ekonomi khususnya di negeri Selangor. Jadi mungkin Yang Berhormat Teratai ada satu pengalaman yang tidak bagus apabila siasatan awam di buka lebih daripada mungkin merangkumi lebih daripada penduduk-penduduk yang duduk dekat hutan simpan. Tetapi ada kebaikan juga. Namun begitu kita akan mengambil syor-syor dari Yang Berhormat Teratai dan kita akan mengukir satu sistem yang bagus dan kita akan masukkan dalam kaedah-kaedah supaya pengurusan ataupun *administration the running of this* akan menjadi lebih mantap dan menyeluruh. Keduanya dimana kawasan itu di iklankan. Kawasan itu bukan saja biasanya ada satu *billboard* ataupun *public annaouncement* tetapi selain daripada itu kita akan iklan di surat khabar dan sebagainya. *And we will give the ample time for that.* Bukan kita bagi maklum satu dua hari lepas itu kita buat keputusan. Kita masukkan pindaan ini rang undang-undang ini supaya kita memberi peluang sepenuh sepenuhnya kepada penduduk dan termasuk NGO-NGO yang ada *interest* tentang isu ini supaya mereka boleh memberi pandangan mereka. Soalan Teratai kalau tiada seorang pun nak.

YB TUAN LAU WENG SAN : Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Di dalam pindaan rang undang-undang enakmen ini telah dinyatakan bahawa kawasan tanah, kawasan hutannya boleh dikeluarkan daripada hutan simpanan kekal setelah diadakan suatu siasatan awam. Apa yang penting bagi saya di sini ialah bagaimana kita melakukan proses penyiasatan awam ini. Tadi Yang Berhormat EXCO telah mengatakan bahawa terdapat beberapa langkah yang akan diambil misalan iklan dan sebagainya. Tapi saya ingin bertanya adakah kerajaan mempunyai satu set peraturan atau garis panduan yang akan menentukan cara penyiasatan awam ini dijalankan. Kerana kalau ianya tidak dijalankan dengan telus dan terbuka maka walau pun kita ada prosa yang memestikan penyiasatan awam dijalankan, kalau ianya tidak dapat dijalankan dengan telus ianya juga tidak akan mendatangkan sebarang kebaikan kepada orang awam. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih Kampung Tunku. Siasatan awam atau *public inquiry* akan dijalankan sebagaimana *public inquiry-public inquiry* yang sedia ada dijalankan dan kita tidak masuk dalam akta tersebut tetapi kita masuk dalam kaedah-kaedah Hutan Negeri Selangor 1988 *so we put in the regularisation, we put in the prosidur under the regularisation* dan cara kita buat adalah seperti yang kita biasalah dengan *public inquiry* sebagai contohnya kalau ada pewartaan keluar satu zon di satu kerajaan tempatan misalnya, kalau ada satu pelan tempatan, *local plan* tempatan dalam satu PBT jadi dari situ kita akan menggunakan kaedah-kaedah tersebut. Kita akan ada satu masa ditetapkan, kita akan iklankan di semua tempat, beri masa yang memang cukup untuk pendapat-pendapat atau pun komen-komen untuk masuk lepas itu kita akan ada satu *opening quiry* dimana mereka akan membentangkan pendapat-pendapat mereka ataupun kalau mereka tidak dapat datang pada hari tertentu *at least* kita ada kertas cadangan mereka. Lepas itu kita akan membuat keputusan *base on wether they object* ataupun mereka sokong ke atau sebagainya. Terserah kepada keadaan tersebut.

YB TUAN LAU WENG SAN : Ya, saya ingin bertanya kalau ada walau pun kita ada kaedah-kaedah seperti yang diadakan siapakah yang membuat keputusan mutlak? Adakah pihak berkuasa ke negeri atau pun EXCO dan sebagainya. Kalau EXCO atau pun Kerajaan Negeri yang membuat keputusan akhir dan keputusan akhir itu tidak dipersetujui oleh penduduk atau rakyat khususnya me.... bersebelahan dengan kawasan itu katakan ada percanggahan ini. Adakah rakyat atau pun penduduk yang duduk berdekatan dengan hutan simpanan ini berhak untuk mencabar keputusan negeri ke Mahkamah atau tidak? Dan saya rasa jikalau hak atau peruntukan ini tidak tertera dalam Enakmen itu saya rasa perlulah kita memperjelaskan isu ini dalam Enakmen. Mungkin tidak perlu dilakukan dalam sidang Dewan kali ini. Mungkin

Persidangan Dewan yang ... kerana saya lihat ini adalah sangat penting. Sebab kita tidak mahu seperti apa yang berlaku di Akta Air yang diluluskan di Parlimen dimana kelulusan atau pun keputusan daripada Kementerian itu adalah mutlak dan tidak boleh dibawa dicabar di Mahkamah. Dan saya rasa adalah baik kalau kita ada satu kuasa yang menetapkan bahawa keputusan walau pun dibuat oleh Kerajaan Negeri masih boleh dicabar di bawah ke Mahkamah. Apakah pendapat EXCO?

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Kg. Tunku. Biasanya kalau kita membenarkan keputusan pihak Kerajaan atau pun pihak berkuasa di cabar di Mahkamah atau pun di luar Mahkamah biasanya kita tidak tulis dalam Akta tersebut. Dengan *izin if we are open we want to allow for challenges we don't have to state* kita tidak perlu bertulis secara hitam putih bahawa mereka ada hak untuk mencabar. *We just have to be silent about it.* Jadi untuk saya memang kebanyakan keputusan Kerajaan Negeri diambil di Mahkamah kalau pihak tidak sukalah. Kita tidak ada halangan atau pun kita setakat ini kita pun tak ada buat apa pindaan untuk menghalang *Right of Review Judiciary Review* dan sebagainya. So ini adalah satu hak di bawah satu demokrasi lah jadi saya memang ambil maklum syor-syor yang dikemukakan oleh Kg. Tunku di mana kaedah-kaedah tersebut perlu juga diberi kepada semua pihak untuk dikaji tetapi dengan izin *rest assured* memang kaedah-kaedah itu akan mengikut garis panduan *public enquiry* yang sedia ada. *So we have standard* untuk menjalankan *open enquiry* atau pun *public enquiry*. Seterusnya

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Penjelasan.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Ya.

YB TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB : Bagi penyiasatan awam adakah prosidur berbeza antara pindaan pada tanah biasa dan tanah hutan yang sudah diceroboh.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Biasa, *sorry*, ma'af boleh Hulu Kelang ulang soalan tersebut.

YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB : Bagi penyiasatan awam atau pindaan syarat tanah hutan. Adakah prosedur berbeza bagi tanah yang *fresh* dengan izin tanah hutan dengan tanah yang sudah diceroboh bertahun-tahun.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Untuk Akta atau pun pindaan yang baru *It must be applied* dengan izin *it must be applied res.....tively* bukan *re.....* so maksudnya kalau tanah itu dah diberi milik sekarang sudah ada ladang getah, kondominium dan sebagainya memang *it is not applicable in that case.* Ini adalah untuk kalau ada pengazetan keluar yang baru, baru kita *then we can address those issue.* Boleh saya sambung lagi. Ada beberapa soalan dari Taman Templer dan saya memang mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana bukan sahaja mengambil bahagian dalam pendapatan ini tetapi jelas menyokong Kerajaan Negeri pada ketika inilah dalam isu Pindaan Akta. Dua isu yang dibangkitkan iaitu Kolam Air Panas di mana Kondominium malangnya memang sudah dibina dan apabila kita dua Taman Templer dan Bukit Lanjan masuk menjadi ADUN masa itu terlalu lewat untuk menyelamatkan sebahagian kawasan itu di bangunkan untuk menjadi kondominium. Namun begitu Kolam Air Panas yang sepatutnya diswastakan kepada pihak swasta oleh MPS keputusan tersebut telah ditolak. Jadi kita telah batalkan keputusan yang awal itu dan sekarang kita dan bersama dengan Majlis Perbandaran Selayang ada peluang mungkin Yang Berhormat Templer pun boleh menyertai beberapa perbincangan tersebut. Kita ada peluang untuk menambah baik kawasan tersebut tetapi kita tidak perlu memberi milik atau memberi milik kepada pihak-pihak yang lain. Jadi maksudnya *at least we won half the battle*

Yang Berhormat. Keduanya soalan berkenaan dengan Bandar Baru Selayang kawasan SAP. Shah Alam Properties saya kurang faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat.

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, di bandar baru saya mungkin saya akan berikan dengan lebih terperinci saya akan menulis kepada Yang Berhormat EXCO untuk menjelaskan. Apa yang berlaku di situ adalah tanah itu kepunyaan SAP dan tidak diusik tetapi baru tak sampai satu bulan tanah itu pun telah diterokai dan dilakukan pembangunan. Mungkin itu mungkin hak SAP dan tanah itu kepunyaan SAP. Tetapi persoalan disini peneroka atau pun pembangunan di kawasan tersebut dibuat tanpa menghiraukan keselamatan penduduk-penduduk lain yang duduk di kawasan tersebut kerana ada rumah pangsa atau pun flat 3, 4 flat blok yang bersebelahan dengan tanah terokai atau pun tanah pembangunan. Maka bila pokok-pokok ditebang mereka langsung tidak hiraukan cara pokok ditebang dan nampaknya banyak pokok-pokok yang hamper menimpa kepada rumah-rumah pangsa tersebut dan ini akan membahayakan anak-anak atau pun nyawa di kawasan tersebut. Saya turunkan ke situ memanggil surat khabar dan telah pun dikeluarkan dalam surat khabar dan juga tulis secara rasmi kepada pihak yang berkuasa di kawasan tersebut tetapi sehingga sekarang tidak ada seorang pun daripada pihak berkuasa tersebut mengambil tindakan atau pun melawat kawasan tersebut. Itu sahaja mungkin saya akan tulis rasmi kepada Yang Berhormat EXCO.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Terima kasih, Taman Templer. Isu ini kalau dibawa kalau ada hakmilik dan sebagainya bukan lagi dibawa bidang kuasa Jabatan Perhutanan. Namun begitu kalau ada isu atau pun masalah yang berbangkit daripada penebangan pokok-pokok di kawasan hakmilik atau pun kawasan lapang dan sebagainya itu adalah tanggungjawab yang harus dipikul oleh Majlis Perbandaran Selayang kalau di kawasan ini dan saya akan juga mengarahkan Pengarah Landscape di MPS untuk menyiasat dengan serta merta. Jadi kalau tidak ada soalan atau pun penjelasan lagi saya ingin mengucapkan terima kasih khasnya kepada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang bekerja bertungkus-lumus selama hampir selama 1 tahun untuk membuat pindaan Bill ini. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan Kali Yang Kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bernama suatu Enakmen yang meminda Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini Fasal demi fasal.

YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

TUAN SPEAKER : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

YB PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING : Tuan Speaker, saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

SETIAUSAHA DEWAN : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan Kali Yang Ketiga dan diluluskan sekarang.

YB TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2011. Rang Undang-undang seterusnya Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri Saraan (Pindaan) 2011 Semua Peringkat.

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri iaitu Saraan 1980. Majlis Mesyuarat dalam Negeri yang bermesyuarat pada 25 Mac 2011 telah bersetuju untuk memberi kenaikan Saraan merupakan elaun bulanan kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor. Kelulusan untuk kenaikan elaun bulanan ini berdasarkan sumbangan dan jasa-jasa yang telah diberikan oleh semua Ahli Dewan Negeri kepada rakyat dan Negeri Selangor yang tercinta ini. Kenaikan elaun bulanan ini adalah merupakan satu pengiktirafan Kerajaan, Kerajaan Negeri kepada perkhidmatan yang diberikan. Oleh itu Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Saraan Dewan Negeri Saraan 1980 perlu dipinda di bawah Peruntukan Seksyen Tiga supaya perbelanjaan boleh dibuat di bawah Seksyen tersebut mulai 1.1.2011. Tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk meminda amaun Saraan Wang Yang Diperuntukkan Dalam Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (1980). Melalui Fasal 2 Rang Undang-Undang ini Saraan bagi Ahli Dewan Negeri di bawah Seksyen 3 dipinda daripada RM 4,112.79 kepada RM6,000. Pindaan atau kenaikan elaun ini akan mula berkuat kuasa 1.1.2011. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat peruntukan tambahan adalah diperlukan dalam tahun ini untuk membayar elaun dan pencen terhadap Saraan Ahli Dewan Negeri. Peruntukan ini adalah diperlukan untuk menampung kenaikan Elaun dan Pencen bulanan sebanyak RM1,187,000 minta maaf RM1,187.21 elaun Ahli Dewan Negeri. Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat dengan ini saya mencadangkan Satu Rang Undang-undang Bernama Satu Enakmen Untuk Meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) Pindaan 2011 di Baca Kali Yang Kedua.

YB PUAN DR HALIMAH BT ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat, cadangan ini telah pun disokong. Saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk di bahas. Sekinchan.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Tuan Speaker. Sekinchan ingin ambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) Pindaan 2011 ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, seluruh Barisan EXCO kerana prihatin terhadap kebajikan dan elaun Ahli-ahli Dewan Negeri Selangor ini. Seperti apa yang pernah saya bangkitkan beberapa kali dalam Sidang Dewan negeri Selangor ini, yang terbaru pada Sidang bulan sebelas yang lalu, bajet, di mana saya telah membangkitkan menyatakan meminta memohon jasa baik pihak kerajaan mengkaji semula elaun-elaun Ahli Dewan Negeri Selangor ini, kerana setakat ini, dewasa ini, kos saraan hidup, kos saraan hidup, semua di negeri Selangor khususnya negeri Selangor lebih tinggi daripada negeri-negeri yang lain, di Perak, di Sabah Sarawak di Perlis. Semua sewa-sewa perbelanjaan harian lebih tinggi, saya rasa tiga kali ganda daripada kawasan yang lain. Maka dengan itu elaun yang ditetapkan sejak tahun 2006 ini, kalau tak silap saya, 2006 pernah disemak sekali sehingga sekarang sudah hampir 5 tahun dan sudah tibalah masa untuk disemak. Dan hari inilah keputusan tepat telah diambil kerajaan negeri. Dan ini sedikit sebanyak walaupun kalau tiga daripada *percentage*, kalau tiga daripada permintaan yang sewajarnya, saya rasa patut lebih tinggi lagi. Tetapi memandangkan keadaan ekonomi dan keadaan kewangan semasa, kita juga terima kasihlah walaupun dia bukan menepati semuanya tetapi sekurang-kurangnya adalah dapat bukanlah nak bermewah-mewah tetapi dapatlah selesa sedikit supaya anak bini dapat terjaga, keluarga dapat terjaga. Tak perlulah satu hari nanti, anak besok besar, nak berpendidikan tinggi, nak sampai ke universiti luar negeri ke, ataupun universiti tempatan. Kalau nak minta biasiswa, kadang kalau anak pandai, tak apa, kalau kurang pandai, setengah jalan. Ini jadi masalah Tuan Speaker. Kalau anak pandai, hebat-hebat macam anak Tuan Speaker ke, anak Dato' Menteri Besar. Kalaulah, ini sebagai bandingan, pandai 8A, 7A, 10A, dapat biasiswa, JPA, kalau anak macam saya, kadang-kadang tak pandai sangat separuh jalan, biasiswa pun tak dapat. Maka pada maka itu kita menghadapi masalah, sehingga terpaksa pinjam dari kawan, kalau tak boleh pinjam dari kawan, terpaksa pinjam daripada along. Ha... ini yang pernah saya suarakan. Kalau pinjam dengan skim mikro kredit bandar, tak layak, ADUN tak boleh pinjam, tak layak. Kriteria tak layak

YB DATO' SUBAHAN BIN KAMAL : Tuan Speaker, minta laluan. Tuan Speaker, saya hanya bertanya pada Yang Berhormat Sekinchan, kerana begitu emosi dan risau akta ini atau enakmen tidak akan diluluskan. Jadi saya nak tanya Yang Berhormat Sekinchan ni, bini berapa orang, ya. Terima kasih.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih, Taman Templer. Satu buat sementara waktulah. Kalau Templer, dia ada kuota lagi. Terima kasih. Yang pentingnya perkara yang saya nyatakan itu realiti hidup. Kadang-kadang mungkin setengah Ahli Dewan dia agak segan nak beritahu. Tetapi saya tak segan. Sebab apa di bawah Kerajaan baru, kita telus. Dan Yang Amat Berhormat menekankan prinsip ketelusan, keupayaan, keterbertanggungjawaban, dan Ahli-ahli Dewan tidak dibenarkan memohon tanah walaupun satu inci. Kalau Ahli-ahli dulu Barisan Nasional, maaf saya nak cakap, terpaksa cakap, Taman Templer. Dulu, kalau dua term macam saya, 3 -5 ekar, insyallah dapat. 3 – 5 ekar, bukan di kawasan pendalaman, di Labu Lanjut, di Sepang sana boleh dapat. Dengan bayaran premium yang sikit tetapi boleh jual mahal-mahal. Itu dulu, tetapi lain sekarang, lain dulu. Sekarang, Kerajaan sekarang ini lebih prihatin menekankan kebajikan rakyat. Program mesra merakyatkan ekonomi, tawas dan sebagainya.

Berjuta-juta kita salurkan kepada rakyat. Tetapi jangan lupa pada masa yang sama kebajikan wakil rakyat harus dijaga, jangan apabila sampai satu insiden berlaku di mana, baru-baru ini saya baca surat khabar Cina, surat khabar cina, satu orang , seorang bekas wakil rakyat, bekas wakil rakyat Barisan Nasional dari MCA, ADUN, bekas ADUN Bercham, Perak. Beliau menjadi wakil satu penggal, sekarang merempat kerana apa, ada masalah sakit, perubatan yang terpaksa ditanggung, strok dan sehingga bayaran untuk membayar potongan elaun rumah kerajaan yang dipinjam dulu pun tidak mampu. Tidak mampu, sehingga terpaksa keluar surat khabar minta, pergi ke SUK, minta pertolongan kerajaan. Sampai nasib ke situ. Kita tidak mahulah wakil-wakil rakyat kita sama ada daripada Barisan ke, daripada Pakatan Rakyat ke, kerajaan ke, ada, suatu hari nanti jadi sebegini rupa. Tapi saya hairan sikit, Tuan Speaker, saya kadang-kadang pelik sikit, walaupun sekarang kita telah jadi kerajaan, sebelah sana pembangkang, tapi saya nampak ramai kawan-kawan kita hidup mewah pula. Ada *driver*, ada semua, hebat la, Barisan Nasional ini. Kalau dulu lagi hebat. Rumah tiga, orang rumah lagi ramai. Rumah tiga kereta besar. Itu hairan, tapi sekarang tak ada, lebih baik lah.

YB TUAN SULAIMAN BIN ABDULRAZAK : Boleh minta laluan sikit. Elaun *driver* kan di bagi dalam tu, jadi pakailah *driver* tu, elaun ada dibagi tu. Sekinchan nak *drive* sendiri tu..

YB TUAN NG SUEE LIM : Maksud saya, Permatang memang fahamlah. Dia punya kemampuan yang luar biasa, kemampuan yang luar biasa. Yang Sg. Panjang dulu cabut gigi, tapi lepas cabut gigi lagi hebat. Ha, ini yang berlaku, tapi kadang kita tanya bagaimana dengan elaun yang sedikit, kamu tak bising, kamu biasa hidup. Ala... Yang Berhormat masuklah Barisan. Itu jawapannya. Masuklah Barisan. Jawapan dulu waktu saya jadi pembangkang. Itu jawapan dia. Oh, maknanya dia beritahu saya, di dalam Barisan itu lubuk, peluang untuk kaya cepat, lubuk dan peluang untuk kaya cepat. Ada kontraknya, di majlis, Ahli Majlis bolot kontrak seperti arwah Allahyarham Pelabuhan Dato' Zakaria, anak menantunya semua Ahli Majlis, bolot semua kontrak, patutlah.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat, Sri Muda bangun.

YB TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Saya tertarik dengan apa Yang Berhormat sebutkan tadi tentang keadaan hidup yang tidak begitu baik kepada bekas ADUN Bercham. Jadi disebutkan juga tadi bahawa kalau masuk Barisan Nasional, kalau rasa-rasa tak selesa dalam Pakatan masuk Barisan Nasional, apakah Yang Berhormat nak mempertimbangkan tawaran itu dengan keadaan yang berlaku pada ADUN Bercham.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih. Ha, ini soalan yang agak unik sikitlah sebab hal spesifik sikit masalah yang dihadapi oleh ADUN Bercham itu. Mungkin dia MCA, MCA dalam Barisan Nasional dia bukan, maafah saya terpaksa cakap, dia bukan rakan kongsi dia hanya tumpang sahaja, tumpang, jadi ada kalanya banyak kontrak banyak dibolot oleh UMNO. Itulah saya kesian dan simpati. Itu saya terpaksa cakap, walaupun Sg. Pelek dah pandang saya, tapi saya terpaksa cakap. Ini hakikat, hakikat yang berlaku. Walau bagaimanapun, saya balik ya, Sg. Pelek faham apa masalah. Saya balik, yang pentingnya saya rakamkan ribuan terima kasih.

YB TUAN LAU WENG SAN : Minta penjelasan. Saya ingin bertanya pada Yang Berhormat Sekinchan, masih ingat tak, pernah sekali ADUN Yang Berhormat dari Batang Kali digantung oleh Dewan dan beliau kehilangan elaun sebagai ADUN dan beliau terpaksa menjual durian untuk menyara keluarganya. Tapi ada juga UMNO yang dari Batang Kali yang tak dapat menyara kehidupannya.

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih Kg. Tunku yang prihatin tentang durian tu. Saya rasa hanya sekali sahaja dia jual untuk nak tunjuk dapat simpati daripada rakyat, satu kali saja. Berdiri tak sampai setengah, cabut. Ini biasa la, Ahli Politik, tunjuk kepada rakyat, kalau tak percaya, kalau dia ada, dia boleh jawab, saya tau, memang perkara biasa, ini lumrahlah. Taktik orang politik, yang pentingnya la, saya ucap terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang prihatin dan faham terhadap permasalahan semua Ahli Dewan Negeri termasuk EXCO yang prihatin. Yang pentingnya ialah Yang Amat Berhormat dulu, kalau tak silap saya adalah seorang tokoh korporat yang gaji jutaan ringgit....

YB TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR : Tuan Speaker, Bangi ingin minta. Kalaulah pendapatan atau elaun wakil rakyat selama ini tidak mencukupi mengapa Sekinchan masuk politik.

TUAN SPEAKER : Bagi dia jawab dulu..

YB TUAN NG SUEE LIM : Terima kasih sahabat saya daripada Yang Berhormat Bangi, ini soalan agak berlainan, saya perlu jawab secara ikhlas. Kita masuk politik adalah untuk memperjuangkan hak rakyat, itu satu. Agenda untuk menegakkan Malaysia, satu Malaysia adil untuk semua, untuk mengubah supaya Malaysia di masa akan datang demi generasi akan datang, anak kita, cucu kita berada dalam negara yang maju yang bebas daripada rasuah, yang tidak perkauman, jangan perkauman seperti UMNO, jangan. Kalau itu akhirnya kita dapat realisasikan melalui saluran politik. Bukan satu Malaysia, itu hanya slogan sahaja, satu Malaysia hanya slogan sahaja, okey. Jadi politik ini kita sebagai satu wadah untuk kita memperjuangkan hak rakyat, memperbetulkan sistem yang goblok, yang dilakukan oleh Barisan Nasional. Maka tadi soal elaun ini, itu perkara yang lain, sebab politik pada zaman sekarang bukan politik macam dulu. Politik sekarang rakyat dah pandai, di teropong wakil rakyat daripada hujung kaki sampai ke kepala. Kalau dulu dia lain, sekarang rakyat telah di didik, mereka pun sudah pandai, punya kesedaran, punya maklumat yang lebih. Berpendidikan tinggi. Kalau dulu wakil rakyat di kampung-kampung saya diberitahu macam raja, wakil rakyat macam raja. Sampai ada rakyat yang hantar anak perempuan mereka nak suruh ramal, suruh kahwin dengan wakil rakyat. Menawarkan diri pun ada. Sebab mereka dalam *mindset* mereka, kalau kahwin dengan wakil rakyat, boleh kaya dan hidup mewah. Itu persepsi rakyat di kampung-kampung dulu. Tapi sekarang kalau nak kahwin dengan wakil rakyat macam kita orang susah. Keluar pagi bali larut malam, kalau berniaga *multi level marketing* tak apa, berniaga larut malam, ini tidak, balik pukul dua, isteri pun dah tidur dah. Ini perkara yang berlaku. Jadi politik sekarang lain. Dan lagi kadang-kadang khususnya di pihak Pakatan ini, bukan saja itu saja, cabaran demi cabaran, ancaman demi ancaman, polisnya, ISA-nya, ikut suka aku. Di sini ada Yang Berhormat dari Kita Alam Shah, Yang Berhormat Damansara, masuk ISA, lapan tahun keluar, anak bini pun tak kenal. Ini politik, sampai ada kawan beritahu saya, ada isteri dulu, beritahu saya, jangan politik la, nanti abang kena tangkap. Nak tengok anak, sapa nak jaga. Ini dia, risiko nak perjuangkan hak rakyat, menegakkan keadilan, menentang kemungkaran. Itu dia.

TUAN SPEAKER : Yang Berhormat kalau cakap lagi tak sempat nak luluskan hari ini.

YB TUAN NG SUEE LIM : Okey, jadi, akhir, saya gulung. Akhir sekali saya ucapkan terima kasih kepada semua. Saya harap dengan kenaikan ini kita semua Ahli Dewan Negeri kerja lebih kuat lagi untuk menjaga kebajikan mempertahankan hak rakyat. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ada penjelasan dari Kerajaan.

YAB DATO' MENTERI BESAR : Dato' Speaker, saya rasa penambahan pendapatan untuk Ahli-ahli Dewan Negeri adalah sesuai kerana memandangkan keadaan ekonomi dan tugas-tugas yang diberikan dan walaupun saya anggap jumlah ini kita fikir agak kecil jika di banding dengan Singapura dan beberapa negara yang lain. Tetapi ini saya rasa tidak membebankan Kerajaan dan penambahan sedikit ini boleh memberi motivasi untuk bekerja dengan lebih kuat lagi. Jadi Kerajaan juga tidak merasakan ini merupakan satu beban yang sangat besar. Kenaikan gaji oleh Kerajaan dalam masa tiga tahun yang lepas juga melebihi 30%. Jadi oleh sebab itu kenaikan kita pun tidak membebankan sebab dalam lingkungan tersebut. Terima kasih.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah bahawa Rang Undang-Undang ini hendaklah dibacakan kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang **BERSETUJU**, sila kata '**YA**'.

AHLI DEWAN : YA.

TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat yang **TIDAK BERSETUJU**, sila kata, '**TIDAK**'. **DI PERSETUJUI**.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bernama satu enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) 1980.

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Tuan Speaker, saya mohon Dewan ini bersidang sebagai Jawatankuasa untuk menimbangkan Rang Undang-Undang ini Fasal demi Fasal.

YB PUAN DR HALIMAH BT ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 1.

TUAN SPEAKER : Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang 'bersetuju', sila kata 'ya',

AHLI DEWAN : YA.

TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat yang 'tidak bersetuju', sila kata, 'tidak. Dipersetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Fasal 2.

TUAN Pengerusi : Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang 'bersetuju', sila kata 'ya',

AHLI DEWAN : Ya.

TUAN Pengerusi : Ahli Yang Berhormat yang 'tidak bersetuju', sila kata, 'tidak'. di persetujui.

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini seperti yang telah diperbincangkan dan dipersetujui dimaklumkan kepada Dewan sekarang.

YB PUAN DR HALIMAH BT ALI : Tuan Pengerusi, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Dewan bersidang semula.

YB PUAN RODZIAH BT ISMAIL : Tuan Speaker, saya mohon memaklumkan Dewan ini bahawa Rang Undang-Undang ini telah dipertimbangkan dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui sepenuhnya tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB PUAN DR HALIMAH BT ALI : Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, cadangan di hadapan Dewan ialah Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang 'bersetuju', sila kata 'ya',

AHLI DEWAN : YA.

TUAN SPEAKER : Ahli Yang Berhormat yang 'tidak bersetuju', sila kata, 'tidak'. Di persetujui.

SETIAUSAHA DEWAN : Rang Undang-Undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2011.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli sekalian, waktu sudah sampai, maka saya tangguhkan Dewan ini sehingga hari esok, 01 hari bulan April 2011, jam 9.30. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 6.00 petang)